

**SEMANGAT
UMNO
HANCUR?**

ABD. RAHIM KASSIM

**SEMANGAT
UMNO
HANCUR?**

ABD. RAHIM KASSIM

© AZ Distributors

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang, dalam apa juga bentuk pun dan dengan cara apa jua pun secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis dari AZ Distributors No. 37/18, Petaling Jaya.

Diterbitkan oleh
AZ Distributors
No.37/18, Petaling Jaya.

Cetakan Pertama 1988

476003

DICETAK OLEH:
SYARIKAT PREMA
Lot 9, Jalan 51A/243
46100 Petaling Jaya

8 FEB 1989
Perpustakaan Negara
Malaysia

KANDUNGAN

Sandiwara UMNO Di Mahkamah Sudah Selesai	1
Keputusan Lisan	3
✓ Harta UMNO	6
✓ Ekonomi Negara	21
Pindaan Perlembagaan	26
Semarak Dan Biri-Biri	36
Orang Kelantan Jadi Sasaran	40
Orang Arqam "SS"	46
Arqam Lebih Hebat Dari UMNO (46) Dan Freemasons	49
ABIM Hendak Ke Mana	62
Pemecatan Tun Salleh Abas	64
Malaysia Tidak Akan Jadi Macam Filipina	70
Freemasons	73
Ulasan Buku Freemasons Murtad	75
Yusof Jalil Persoal Datuk Asri	80
Saranan Yusof Jalil Kepada Kassim Ahmad	83
Freemasonry Dan Kelab Rotary Ada Hubungan	90
Warkah Dari Penerbit	98
Ulasan-Ulasan Buku "Siapa Hancurkan UMNO"?	99
Sikap Bongkak-Doa Penyokong PAS Terkabal	106
Antara Dr. Mahathir Datuk Musa - "Siapa Bohong?"	112
Tidak Ada pilihanraya Kecil Lagi?	120
UMNO Dan Tun Salleh	123
"Rahmat" Pilihanraya Kecil Johor Bharu	125

SANDIWARA UMNO DI MAHKAMAH SUDAH SELESAI

Pada 9 Ogos 1988 Mahkamah Agung menolak rayuan bekas 11 ahli UMNO untuk "memulihkan" pertubuhan itu yang diistihar tidak sah pada Feb 4 1988.

Sebelas orang ahli itu telah membantah keputusan Hakim Datuk Harun Hashim mengisytiharkan UMNO pertubuhan haram.

Mahkamah Agung dalam satu keputusan sebulat suara mendapati keputusan hakim Datuk Harun adalah betul dan mengekalkannya. Bagaimanapun ia mengeneipkan keputusan bertulis hakim tersebut bahawa pemegang-pemegang jawatan yang terpilih semasa perhimpunan agung-37 parti pada 1984 terus menjadi pemegang jawatan UMNO yang sah.

Hakim Datuk Harun membuat keputusan bertulisnya pada 13 April 1988.

Bekas Setiausaha Agung UMNO, Datuk Sri Sanusi Junid dan enam pihak lain pula merayu balas (cross-appeal)

terhadap keputusan bertulis Hakim Datuk Harun bahawa pemegang-pemegang jawatan yang terpilih semasa Perhimpunan Agung Ke-37 parti pada 1984 terus menjadi pemegang jawatan UMNO yang sah. Rayuan balas ini dibenarkan.

Mahkamah Agung dalam menolak rayuan kumpulan 11 memerintahkan supaya mereka membayar kos rayuan.

Gagalnya percubaan 11 bekas ahli UMNO itu "menamatkan sandiwara UMNO di mahkamah." Bagaimanapun untuk tujuan rekod dipaparkan kepada pembaca secara ringkas keputusan lisan serta ulasan-ulasan yang pernah dibuat terhadapnya.

KEPUTUSAN LISAN

Pada 4 Februari Hari Khamis Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur memutuskan bahawa UMNO adalah sebuah pertubuhan tidak sah serta perhimpunan agung dan pemilihan parti pada 24 April tahun 1987 juga tidak sah.

Hakim Datuk Harun Hashim berkata beliau tidak dapat meluluskan permohonan 11 anggota UMNO untuk mendapatkan perintah supaya pemilihan pucuk pimpinan parti diadakan semula.

Katanya beliau tidak dapat meluluskan permohonan oleh kumpulan 11 itu untuk membetulkan keadaan, kerana pada waktu yang berkenaan UMNO merupakan pertubuhan tidak sah di bawah Akta Pertubuhan.

Katanya, akta itu menganggap sesebuah pertubuhan sebagai tidak sah jika cawangan-cawangannya ditubuhkan tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada Pendaftar Pertubuhan.

"Dengan amat kesal, saya terpaksa membuat keputusan dari segi undang-undang bahawa pada waktu itu UMNO adalah pertubuhan tidak sah dan apa yang berlaku dalam tahun 1987 adalah juga tidak sah," kata beliau.

"Oleh itu permohonan oleh 11 anggota UMNO untuk membetulkan keadaan itu tidak boleh diluluskan," tambah hakim.

Pada 30 April 1988 selepas mengadakan pertemuan dengan hampir 2,000 pegawai penerangan dan penyiaran di Kuala Lumpur, Dr Mahathir berkata Kerajaan akan mengkaji implikasi perbezaan yang terdapat di dalam keputusan lisan dan bertulis dalam kes Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengistiharkan UMNO sebagai sebuah pertubuhan haram.

Belliau menegaskan kajian penting supaya rakyat tidak meragui keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah dan untuk mengembalikan keyakinan mereka terhadap institusi kehakiman negara ini.

Belliau berpendapat sekiranya berlaku perbezaan antara keputusan lisan dan bertulis, adalah sukar bagi orang ramai untuk mempercayai keputusan yang dibuat oleh sesebuah mahkamah.

Baginya, ia merupakan satu fenomena baru yang sebelum ini jarang sekali terdapat dalam sistem kehakiman negara ini.

Belliau bagaimanapun tidak menyebut apakah perbezaan antara keputusan bertulis dan lisan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi itu.

Pada 12 Mei 1988 Dr Mahathir ketika ditanya mengenai keputusan mahkamah yang dianggap bercanggah, belliau dilaporkan sebagai berkata, perkara tersebut diserahkan kepada peguam untuk membuat kajian.

Belliau mengulangi bahawa jelas seolah-olah mahkamah mempunyai fikiran kedua (second-thoughts) dengan membuat cadangan-cadangan yang bercanggah dengan hukuman yang telah dibuat.

Menurutnya, hukuman yang dibuat adalah jelas dan mustahil UMNO boleh haram pada 24 April (1987) dan selepas itu ia sah semula di samping tidak dapat memahami apa yang dimaksudkan dengan AT THE MATERIAL TIME itu.

"Apakah boleh sebuah badan itu haram sekejap, lepas itu tak haram sekejap, lepas itu haram sekejap, lepas itu tak haram sekejap kerana perbuatan-perbuatannya."

HARTA UMNO

Berebut fasal perkara harta antara waris-waris satu keluarga adalah perkara biasa. Selalunya ada sahaja pihak yang tidak puas hati dan tersinggung dan kadang-kadang boleh mencetus perbalahan yang amat sengit.

Antara adik beradik satu ibu dan satu bapa pun perkara berabut harta ini pernah terjadi. Apa tah lagi kalau berlainan ibu. Keadaan bertambah rumit lagi bila dalam proses merebut harta ini, bomoh memainkan peranan.

Mengikut cerita banyak pemimpin-pemimpin Melayu menggunakan khidmat bomoh untuk mendapatkan sesuatu dan perkara biasa juga bagi orang-orang menggunakan khidmat bomoh untuk mendapatkan harta yang lebih sama ada melalui jalan supaya seseorang itu dikasehi atau dibenci.

Bila soal harta hendak dituntut oleh satu badan yang mempunyai ahli yang ramai, bertambah gamatlah keadaan. Misalnya dalam soal UMNO.

Satu ketika dahulu bila ada pemimpin-pemimpinnya kata UMNO ada kira-kira 1.4 juta ahli, pengikut-pengikut



Hajar Marina Yusof

Seorang pemimpin yang menjadi kebanggaan wanita Malaysia. Kegigihannya, keberaniannya dan ketabahannya berjuang untuk apa yang ia rasa benar menjadi legenda.

yang setia pun turut akur.

Selepas UMNO (46) dihukum tidak sah tiba-tiba dinyatakan tidak ada bukti bahawa UMNO mempunyai bilangan ahli sebanyak itu. Kalau benar UMNO 46 tidak mempunyai 1.4 juta ahli, ini bermakna cakap-cakap besar itu hanya cakap politik sahaja.

Samada mereka akan berjaya atau tidak, secara politik, hanya masa dan sambutan rakyat yang menentukan.

Apa yang jelas bila UMNO di kira mati, ia meninggalkan banyak harta. Malah ada berpendapat sukar sekali hendak diketahui secara tepat dan perinci "extent" atau jumlah sebenar harta UMNO. UMNO mempunyai harta di peringkat nasional, negeri, bahagian dan cawangan. Maklumlah parti terbesar dalam negara dengan 1.4 juta ahli dan kononnya parti Islam yang ketiga besar dalam dunia.

Apakah milik atau harta UMNO? Di sini kita perkatakan hanyalah yang besar-besar sahaja. Antara yang diketahui umum ialah Fleet Group yang mana UMNO dikatakan banyak mempunyai kepentingan.

Bekas ahli UMNO (lama) dan Majlis tertinggi Hajah Marina Yusoff beberapa tahun lalu telah dilantik bersama Datuk Rais Yatim menduduki Jawatankuasa Harta Benda UMNO.

Seperti yang kita maklum kedua-kedua mereka mempunyai kelulusan undang-undang. Mereka ditugaskan untuk menyelidik dan menyenaraikan semua harta benda UMNO.

Hajah Marina berkata pada bulan April 1987 bahawa syarikat-syarikat yang dinamakan Fleet Holdings Sdn Bhd adalah kepunyaan UMNO.

Fleet Holdings Sdn Bhd telah ditubuhkan pada tahun 1972 oleh YMB Tengku Razaleigh Hamzah selaku bendahari UMNO atas arahan Allahyarham Tun Abdul Razak. Syarikat ini, menurut Hajah Marina, ditubuhkan dan dimulakan dengan Tengku Razaleigh sendiri dan ditadbirkan dengan baik dan bijaksana. Tujuan asalnya ialah untuk menguasai

akhbar-akhbar tempatan yang dikuasai oleh orang-orang asing baik dari segi modal atau pengurusan. Fleet Holdings diberi tugas untuk menguasai kumpulan akhbar yang ulung dan terbesar di negara ini iaitu Kumpulan Strait Times Press (M) Bhd.

Fleet Holdings mula bergerak dengan tegas menguasai dan mengambilalih kuasa Kumpulan Straits Times Press (M) dan menceburi bidang bank, insuran, leasing, car rental, komunikasi, perfileman dan sebagainya.

Dalam tahun 1983 YBM Tengku Razaleigh menyerahkan kuasa Fleet Holdings kepada Encik Daim Zainuddin dan nilai harta-harta dan saham-saham Fleet Holdings berjumlah lebih kurang \$500 juta dengan tanggungan hutang sebanyak \$56 juta sahaja.

Menurut Hajah Marina, kini hutang Fleet Holdings dan anak-anak syarikatnya menjangkau ke \$448 juta.

Dalam satu surat yang dikirim oleh beliau bertarikh 14 April 1987 kepada Dr Mahathir beliau menyatakan bahawa beliau diberitahu bahawa Fleet Holdings tidak mampu membayar bunga yang berjumlah \$3 juta sebulan. Beliau juga menyatakan kebimbangan bahawa besar kemungkinan hutang pokok yang agak besar ini tidak boleh dibayar. Beliau juga memandang berat kepada kemungkinan syarikat-syarikat itu akan dikuasai oleh kepentingan asing kelak.

Hajah Marina seterusnya menyebut dalam surat itu bahawa Straits Times Press (M) Bhd telah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur dan Singapura dan pada tahun 1974 namanya ditukar kepada New Straits Times Press Bhd. Fleet Holdings membayar \$32 juta untuk menguasai 80 peratus saham Straits Times Press (M) Bhd. tersebut dengan pinjaman daripada Bank Bumiputra. Selepas itu Fleet Holdings telah menjual 25 peratus daripada saham tersebut untuk membayar sebahagian daripada pinjaman bank itu. Selain daripada Fleet Communications semua anak-anak syarikat Fleet Holdings menunjukkan keuntungan. New Straits Times Bhd. menunjukkan keuntungan sebanyak

\$43 juta dari modal berbayar \$21 juta pada tahun 1983.

Hajah Marina mendakwa apabila Encik Daim dan rakan-rakannya mengambilalih pada awal 1983, mereka telah menukar corak kepintingan perniagaan. Mereka juga telah menutup dan menjual beberapa anak syarikat disamping membeli beberapa syarikat lain termasuk yang dikatakan ada hubung kaitnya dengan bendahari UMNO itu.

Beliau juga telah menyebut tentang New Straits Times membeli saham-saham Sistem Television Malaysia Berhad, saham-saham Bank of Commerce dan American Malaysian Insurance kepunyaan Fleet Holdings. Untuk membeli saham-saham tersebut New Straits Times telah meminjam wang dari bank-bank.

Hajah Marina melahirkan rasa kluatirnya kerana kemerosotan keuntungan New Straits Times yang dialmai semenjak tiga tahun yang lalu dan dengan pinjamannya dari bank-bank untuk membeli saham-saham, New Straits Times mengalami nasib yang sama dengan Fleet Holdings.

Menurut Marina bank-bank yang memegang saham New Straits Times sebagai cagaran pinjaman boleh dengan sekelip mata mengambilalih kuasa Kumpulan New Straits Times Malaysia Berhad dan secara langsung hilanglah penguasaan UMNO ke atas syarikat-syarikat tersebut.

Oleh kerana harta UMNO bukan sedikit isunya, apatah lagi bila Mahkamah mengistiharnya tidak sah maka ia telah menjadi bahan menarik untuk diulas oleh berbagai pihak termasuk dari luar kalangan UMNO.

Nick Seaward wartawan Far East Economic Review telah menulis mengenai harta UMNO dalam keluaran 10 Mac 1988 dengan tajuk "UMNO - Siapa memiliki apa dengan tajuk kecil mungkin berlaku perbalahan undang-undang mengenai pewarisan harta.

Antaranya beliau menulis "untuk menghitung sebesar dan sebanyak mana harta UMNO, (lama) itu pun sukar dilakukan. Cara "informal" dan "adik beradik" parti itu di

kerana pendaftarannya dibatal, UMNO jadilah sebuah pertubuhan yang dikira pendaftarannya dibatal.

Semasa bercakap kepada pemberita-pemberita selepas menemui hampir 2,000 pegawai-pegawai penerangan dan penyiaran di Kuala Lumpur pada 30 April 1988, Dr Mahathir dilaporkan oleh Utusan Malaysia sebagai berkata ada kumpulan-kumpulan mendakwa kononnya UMNO (lama) cuma "pengsan" dan boleh dihidupkan semula. "Kumpulan ini juga menyatakan kononnya jika mereka menjadi ahli UMNO (Baru) mereka akan kehilangan \$7,000 yang dimiliki hasil harta kepunyaan parti."

Dr Mahathir menambah sebenarnya ibu pejabat UMNO (lama) menanggung hutang dan kalau ahli-ahli parti mahu mendapatkan satu sen pun mereka tidak boleh berbuat demikian.

Laporan itu selanjutnya menyebut bahawa Dr Mahathir menegaskan ahli-ahli UMNO terpaksa pula membayar balik hutang-hutang yang ditanggung ketika membina ibu pejabat.

Akhbar Mingguan Malaysia bertarikh 8 Mei 1988 ada menyiarkan ucapan Timbalan Presiden UMNO (Baru) Encik Ghafar Baba yang dibuat semasa berucap di perhimpunan UMNO (Baru) pada 1 Mei.

Antara lain beliau menyatakan, pada 1 April UMNO (Baru) pula diseret ke mahkamah. Mereka mahu mahkamah menghalang UMNO (Baru) mendaftarkan ahli-ahli dan cuba menyekat pemindahan harta UMNO asal kepada UMNO (Baru).

Pindadan Akta Pertubuhan mengenai harta-harta sebuah pertubuhan yang diharamkan adalah jelas dan adil. Setiap orang ahli yang telah diharamkan pertubuhannya tetap mempunyai hak ke atas harta benda yang dimiliki oleh pertubuhan itu dan UMNO (Baru) tidak berhak, malah tidak berniat sedikitpun hendak membolot harta kepunyaan bekas ahli UMNO asal yang tidak menyertai UMNO (Baru) tambahan pula ia bercanggah dengan perlembagaan negara.

tetapi mengapa UMNO diheret ke Mahkamah.

Seperti yang dikatakan di awal bab ini "perebutan" harta kerap mendatangkan masalah apatah lagi kalau ia melibatkan satu pertubuhan yang mempunyai ahli yang begitu banyak dan mempunyai nilai-nilai yang tidak sama.

Ahli Parlimen Kuala Nerus Haji Ibrahim Azmi, seorang tokoh yang sedang giat memulihkan UMNO pernah dilaporkan oleh Watan Bil: 331 2 Julai 1988 bila memperkatakan tentang harta UMNO sebagai bertanya "bagaimana tentang harta UMNO lama yang ingin dimiliki oleh UMNO (Baru) sedangkan sebahagian besar ahlinya tidak pernah menyertai parti yang diasaskan oleh Datuk Onn dulu?"

Beliau selanjutnya bertanya "adakah dengan perkiraan bilangan ahli UMNO (Baru) yang dicampurkan dengan ahli UMNO lama yang menjadi ahli UMNO (Baru).

Beliau juga mempersoal bagaimana pula proses akan datang untuk mendapatkan harta dalam UMNO 46 kepada UMNO (Baru), sedangkan bilangan yang dikirakan bercampur dengan ahli yang lainya bukan terdiri dari orang UMNO lama.

Haji Ibrahim Azmi berkata tidak halal hukumnya harta UMNO lama dipindah milik kepada UMNO (Baru) jika tidak diredai oleh kesemua ahli UMNO lama.

Tokoh veteran UMNO yang pernah memecah tradisi UMNO dengan mencabar Tun Hussein Onn bagi jawatan Presiden UMNO beberapa tahun dahulu, Haji Sulaiman Palestin pernah dilaporkan oleh akhbar Watan Bil: 341 26 Julai 1988 sebagai berkata beliau tidak akan menghalalkan bahgiannya dalam harta UMNO lama sekiranya harta itu diambil oleh UMNO Baru walaupun undang-undang membolehkannya.

Menurut Haji Sulaiman tiada hukum Quran yang membenarkan orang lain mengambil harta yang bukan miliknya dan sekiranya dilakukan, orang itu akan menerima hukuman api neraka.

mah untuk menyelesaikan perkara harta UMNO ini. Saya belum mahu lagi berfikir ke arah itu. Pertama, ialah membahagi-bahagikan harta ini kepada ahli-ahlinya. Mungkin tiap-tiap ahli UMNO akan dapat \$200 seorang: dan jika difikirkan ini terlalu rumit kerana anggota UMNO terlampau ramai ia boleh dimasukkan dalam kumpulan Consolidated Account (kumpulan wang yang disatukan) kerajaan ataupun didermakan kepada mereka yang berhak menerimanya, seperti anak yatim dan fakir miskin.

"Apabila saya nyatakan kemungkinan ini kepada seorang tokoh veteran UMNO yang belum lagi mengisi borang UMNO (Baru), beliau tertawa besar sambil berkata: "Itulah yang sebaliknya: semoga Tuhan akan ampunkan dosa mereka dan dosa kita semua."

Mungkin ini satu cadangan yang radikal tetapi kalau kita percayakan pada hari akhirat ia akan menjadi satu cadangan yang membina dan menggalakkan pula.

Perdana Menteri bersama-sama Tengku Razaleigh dengan restu Tunku Abdul Rahman Putra dan Tun Hussein Onn membuat permohonan ke mahkamah supaya menjualkan semua harta UMNO lama dan kemudian bayar semua hutang UMNO, dan bakinya didermakan kepada mereka yang patut menerimanya.

Sebaik-baiknya permohonan kepada mahkamah ini hendaklah dibuat oleh semua Presiden, timbalan, naib-naib presiden, bendahari, Setiausaha UMNO dan mereka yang pernah memegang jawatan-jawatan itu yang masih hidup lagi.

Untuk mengelakkan daripada kejatuhan harga semua harta UMNO dengan mendadak, satu yayasan patutlah dibentuk untuk menguruskan semua aset UMNO ini dengan cara yang cekap dan professional.

PWTC dan berbagai lagi harta yang lain boleh ditadbirkan oleh yayasan ini untuk kepentingan bangsa Melayu dan rakyat Malaysia lain amnya.

UMNO baru boleh menaikkan yuran tahunannya

kepada \$5 setahun dan mula memungut derma baru; dan kalau Tengku Razaleigh dan pengikut-pengikutnya ingin menubuhkan satu parti baru (apabila semua kes di mahkamah selesai) beliau juga terpaksa cari duit baru dan kenakan yuran tahunan yang lebih tinggi daripada UMNO lama.

Kalau kena muafakatnya, kedua belah pihak bolehlah diberi wang pelancaran sebanyak 10 atau 20 juta bagi satu pihak."

"Derma daripada harta UMNO ini mungkin akan diberi ganjaran dan pahala oleh Allah S.W.T. kepada para penderma yang dulu, para pemimpin UMNO yang telah meninggal dunia dan yang masih hidup lagi. Bagaimana?"

Sungguh "radikal" saranan Sulaiman Alias.

Punca UMNO "mati" atau "pengsan" atau "pecah dua" disebabkan beberapa hal. Ia berbeda mengikut sudut pandangan masing-masing.

Ada pihak yang berpendapat ia disebabkan adanya pertandingan sengit merebut jawatan persiden dan timbalan presiden pada tahun 1987. Ada yang kata "Kumpulan 11."

Ada yang kata UMNO sudah mula retak bila Datuk Musa Hitam meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri kerana tidak dapat berkerjasama lagi dengan Dr Mahathir. Kenapa dan puncanya beliau tidak dapat kerjasama memang banyak. Ada juga pihak yang mengatakan bahawa beliau juga kurang senang dengan adanya anasir "Freemason" yang ketika itu menjadi Setiausaha Kerja UMNO. Dalam beberapa keadaan ada orang menyifatkan anasir Freemason ini "lebih sudu dari senduk."

Tetapi pihak PAS pula melihat dari sudut yang lain. Kepada banyak pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli PAS pergolakan yang menimpa UMNO ini bermula selepas peristiwa Memali November 1985 dimana telah berlaku penganiyaan terhadap sesama Islam.

Andainya saranan Sulaiman Alias itu menjadi kenyataan dengan sendirinya anak-anak yatim Memali yang berpuluh-puluh itu boleh mengharap bantuan yang lebih

untuk membolehkannya memohon untuk memiliki semula harta UMNO (46) yang kini dipegang oleh Jabatan Pemegang Harta.

Laporan itu menyebut beliau sebagai berkata "Kita sudah dapat ahli baru jauh melebihi setengah (daripada jumlah keahlian lama) jadi kita sebenarnya sekarang boleh memohon untuk mengambil semula segala harta dan aset tersebut."

Bagaimanapun Dr Mahathir dilaporkan sebagai berkata UMNO tidak akan terburu-buru dalam soal ini kerana beberapa prosedur perlu diikuti dan ia akan mengambil masa.

Pada 9 Ogos Dr Mahathir dilaporkan sebagai berkata ahli UMNO (Baru) sudah mencapai angka 931,361 orang, membolehkan parti menuntut hak ke atas harta yang dimilikinya.

Dr Mahathir berkata jumlah itu jauh lebih besar daripada separuh ahli UMNO lama seramai 1.2 juta sebelum Perhimpunan Agung UMNO ke-37 pada April 1987.

Bilangan yang ramai itu, menurut Dr Mahathir, membuktikan orang Melayu masih sayang kepada parti di samping membuktikan ia masih kuat dan tidak luntur.

EKONOMI NEGARA

Mendiang Tun Tan Siew Sin, dalam amanat terakhir yang tidak sempat disampaikan, menasihatkan Kerajaan supaya mengelak dari membelanjakan wang yang banyak untuk projek-projek yang tidak mendatangkan keuntungan.

Amanat itu dicatat oleh mendiang dalam satu kertas kerja yang sepatutnya dibentangkan oleh beliau di Simposium Tinjauan Masa Depan Pelaburan Malaysia yang diadakan awal April 1988.

Rakan karibnya, Tan Sri Chong Hon Nyan menyampaikan kertas kerja itu yang bertajuk "Prinsip-prinsip Penting Ekonomi dan Kewangan: Pengalaman Malaysia."

Mendiang telah menyalapkan kertas ini kira-kira empat bulan lalu.

Menurut Tun Tan, projek-projek yang tidak mendatangkan keuntungan itu akan hanya membazirkan sumber kewangan Kerajaan.

Katanya, kebijaksanaan menggunakan sumber kewangan adalah merupakan salah satu strategi penting dalam menguruskan ekonomi negara.

"Kita perlu tahu keutamaan kita. Seboleh-bolehnya,

perbelanjaan awam hendaklah pada paras yang termampu oleh Kerajaan," katanya.

Menurut Tun Tan, dalam tahun-tahun selepas Perang Dunia Ke 2, negara-negara Dunia Ketiga yang baru mencapai taraf kemerdekaan, berbelanja lebih dari pendapatan mereka dan tindakan yang demikian mendatangkan kesan buruk.

Bagaimanapun, kata beliau yang pernah menjadi Menteri Kewangan Malaysia selama 12 tahun, sesebuah Kerajaan boleh berbelanja lebih dari pendapatannya jika ia hanya semata-mata untuk tujuan pembangunan. Beliau meninggal dunia pada 18 Mac 1988.

Jelasnya, perbelanjaan untuk tujuan-tujuan pembangunan itu adalah yang akan mendatangkan pertambahan pendapatan, lebih banyak dari pertambahan perbelanjaan dalam masa jangka panjang.

"Kita bagaimanapun perlu mengelak dari membelanjakan wang yang banyak untuk projek-projek yang tidak mendatangkan keuntungan kerana ia akan hanya memabazirkan sumber kewangan Kerajaan," katanya.

Tun Tan berpendapat, pelaburan asing adalah lebih penting dari pelaburan tempatan kerana ia akan membawa bersama teknologi dan kemahiran yang masih kurang sehingga sekarang, dalam setengah sektor penting ekonomi Malaysia.

"Saya sering menegaskan jika kita bersedia menghadapi kenyataan, kita akan sedar bahawa kita lebih memerlukan pelabur-pelabur asing lebih dari mereka memerlukan kita, kerana alasan yang mudah, mereka boleh pergi ke negara-negara sedang membangun yang lain," tambahnya.

Kata beliau, di mana yang mungkin, segala halangan yang disifatkan oleh pelabur-pelabur asing sebagai penghalang kepada komitmen masa depan mereka di negara ini mestilah dihapuskan.

Dalam masa yang sama, katanya, Kerajaan juga perlu

mengelak dari membuat perubahan yang terlalu kerap yang boleh mencetuskan kesangsaan dan kerumitan.

Pada 11 Jun 1988 ketika berucap kepada lebih 6,000 orang ahli UMNO (46) dari seluruh negara di Subang Jaya, Tengku Razaleigh yang juga bekas Menteri Kewangan menyentuh tentang ekonomi negara.

Bellau menyentuh tentang kekucar-kaciran di bidang ekonomi pula dapat diperhatikan dengan semakin merebaknya pengangguran di kalangan mereka yang berkelulusan tinggi. Di samping itu pengagihan pendapatan bukan sahaja memperlihatkan kemiskinan yang masih berleluasa di kalangan bangsa Melayu malah juga memperlihatkan jurang perbezaan yang semakin luas baik sesama bangsa Melayu maupun antara bangsa Melayu dengan yang bukan Melayu.

"Dasar Ekonomi Baru di awal tahun 70an diakui telah berjaya memperbaiki kedudukan sosio ekonomi bangsa Melayu secara relatif tetapi sejak awal tahun 80, ternyata telah gagal mencapai matlamat yang ditetapkan. Ini berlaku kerana kesalahan dan kesumbangan alokasi sumber dalam pembangunan yang lebih mementingkan projek-projek mewah dan megah serta industri raksaksa. Satu keadaan yang amat menjolok mata ialah kemunculan segelintir golongan yang tidak putus-putusnya membolot kekayaan dengan rakus. Sedangkan pembangunan pertanian dan luar-luar bandar tidak mendapat perhatian dan alokasi sumber yang wajar.

"Justru itu peluang pekerjaan yang boleh meningkatkan pendapatan tidak banyak diwujudkan manakala peningkatan produktiviti pekebun-pekebun kecil ternyata lembab. Keadaan yang tidak menyenangkan ini sudah tentu dapat dielakkan sekiranya keutamaan ditumpukan kepada perkembangan industri berasaskan sumber-sumber asli dalam negeri. Dengan demikian bukan sahaja peluang pekerjaan dapat di perbanyakkan malah sumber ekonomi dari tanah-tanah yang terbiar di kampung dapat

dimunafaatkan secara yang lebih optima.

Tetapi sayang perancangan ekonomi yang sepatutnya membawa munafaat kepada rakyat di luar bandar seperti yang kita gariskan ini ternyata tidak mendapat perhatian yang wajar dari mereka yang berkuasa sekarang. Ini amatlah menyedihkan dan lebih menyedihkan lagi kerana setakat ini kita tidak melihat adanya usaha-usaha yang berkesan dan sistematik oleh pihak yang sedang berkuasa hari ini untuk menghadapi situasi selepas tamatnya tempoh Dasar Ekonomi Baru itu nanti. Sebaliknya sumber-sumber yang ada lebih banyak dibazirkan kepada kegiatan-kegiatan para menteri yang berarak dari setempat ke setempat sambil menyanyi di hadapan khalayak ramai untuk meleakakan rakyat dari realiti sosial dan kesengsaraan ekonomi yang sedang mereka derital.

Disamping berarak-arak dan menyanyi di tengah padang mereka juga cuba hendak meleakakan rakyat dengan cerita-cerita kepulihan ekonomi kerana meningkatnya kadar pertumbuhan lebih tinggi daripada yang dianggarkan. Memang benar bahawa ekonomi kita telah tumbuh dengan kadar 4.7% dalam tahun 1987. Tetapi mestilah disedari bahawa hampir semua pertumbuhan dalam tahun 1987 itu berpunca daripada permintaan luar negeri yang sama sekali tidak ada kena mengena dengan perancangan yang kononnya dijalankan dengan rapi oleh pihak yang berkuasa sekarang. Pada hakikatnya permintaan dalam negeri masih lembab. Ini jelas dapat dilihat pada kerendahan tahap pelaburan swasta, tempatan dan asing. Laporan-laporan yang dikeluarkan oleh pihak Perbendaharaan dan Bank Negara menunjukkan trend pelaburan swasta yang menurun dari setahun ke setahun semenjak tahun 1980 hingga sekarang. Salah satu akibat utama daripada kelembapan pelaburan swasta ini ialah peningkatan kadar pengangguran yang sekarang sudah menghampiri 11%.

Kalau keadaan begini pada masa yang lalu dapat diatasi dengan peningkatan permintaan kerajaan, sekarang ini

tidak dapat dilakukan lagi kerana beban hutang kerajaan yang semakin bertumpuk-tumpuk akibat pembiayaan projek-projek mewah dan raksakasa yang dilancarkan oleh pucuk pimpinan yang berkuasa sekarang."

Kalaulah permintaan dalam negeri tidak selembab yang sekarang sudah tentu ekonomi dapat tumbuh dengan kadar yang jauh lebih tinggi setanding dengan pertumbuhan yang dinikmati oleh negara-negara tetangga kita. Oleh kerana itu dapatlah disimpulkan bahawa sebab utama kelembapan pelaburan swasta dalam negeri dan asing ialah krisis kepercayaan terhadap kepimpinan politik sekarang.

Kita ingin menegaskan dan berseru supaya segala sumber yang ada hendaklah digembeling untuk secara sungguh-sungguh memikir dan merancang kelanjutan Dasar Ekonomi Baru bila tamat tempohnya nanti, iaitu dengan memberi perhatian yang lebih utama kepada pengagihan peluang yang lebih merata dan saksama sesuai dengan semangat dan falsafah membasmi kemiskinan seperti yang dirintis oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dahulu.

Oleh kerana kita telah ketinggalan dibelakang matalamat yang dituju, maka kita perlu melipatgandakan tenaga dan usaha bukan sahaja untuk menebus keciciran dalam mencapai matalamat yang dituju malah untuk memperolehi pencapaian yang lebih besar.

Ini memerlukan perancangan yang imaginatif dan pengembelingan segala sumber yang ada termasuk sumber kepakaran, sumber kepimpinan dan sumber keintelektualan Melayu tanpa mengira parti dan "faction" (puak).

PINDAAN PERLEMBAGAAN

Ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1988 di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur pada hari Khamis, 17 Mac 1988.

Sedutan ucapan yang dikira telah menimbulkan keresahan banyak pihak "Dalam demokrasi kita, rakyat berkuasa. Rakyat melantik wakil mereka yang ditugaskan untuk membentuk Kerajaan dan membuat undang-undang. Jika rakyat mahu Kerajaan disekat sehingga tidak boleh menggubal undang-undang tertentu, rakyat akan menjatuhkan Kerajaan itu dan membahagi-bahagikan perwakilan mereka antara parti-parti politik sehingga tidak akan terbentuk sebuah Kerajaan yang boleh melanggar kehendak rakyat. Jika rakyat memilih untuk memberi kuasa kepada sebuah parti sehingga parti itu boleh meminda perlembagaan, rakyat boleh memilih bilangan ahli yang mencukupi daripada parti itu untuk berbuat demikian. Seorang individu, walau apapun jawatannya, tidak berhak mengenenipkan kehendak rakyat. Satu golongan elit tidak

berhak menghalang kehendak rakyat kerana golongan elit ini memikirkkan mereka lebih arif daripada rakyat.

Jika pihak lain mengenenepikan hak rakyat dengan melanggar konsep demokrasi kita, maka perbuatan itu adalah tidak demokratik. Sebab itu, undang-undang yang dibentuk oleh wakil-wakil rakyat mesti dihormati. Sesiapa yang membelakangkan undang-undang yang dibuat oleh Kerajaan pilihan rakyat, ia mencabul demokrasi. Justeru itu, kita wakil rakyat dan rakyat amnya tidak boleh menerimanya.

Namun demikian, sistem demokrasi kita memberi peluang kepada pihak kehakiman dan pihak perkhidmatan awam yang kekal, atau permanent civil service, untuk menegur wakil rakyat - iaitu Kerajaan - dalam urusan harian melalui saluran-saluran tertentu.

Kuasa menegur dan mengawal Kerajaan tidak bermakna anugerahan kuasa menidakkan hak rakyat dan wakil-wakil mereka. Juga jika wakil rakyat dan Kerajaan menyeleweng atau melakukan jenayah, mereka boleh dihukum sama seperti orang lain. Sejarah menunjukkan bahawa Kerajaan mematuhi keputusan mahkamah berkenaan dengan Menteri-menteri Kabinet. Ada yang disingkir daripada Kabinet kerana menyalahi undang-undang. Tetapi mahkamah juga perlu patuh kepada undang-undang.

Untuk menentukan bahawa suatuimbangan tercapai, kita memerlukan kehakiman dan perkhidmatan awam yang tidak terlibat dengan parti politik. Malangnya, pada masa yang lampau ini, kita mendapati beberapa anggota kehakiman sudah terlibat dengan politik. Mempunyai sikap yang ditakrifkan sebagai "fiercely independent" di kalangan beberapa anggota kehakiman bermakna secara tidak langsung mereka terlibat dengan politik pembangkang. Sudah tentu untuk memperlihatkan kebebasan mereka itu bersungguh-sungguh atau 'fierce', mereka akan 'bend over backwards' untuk memberi keputusan yang memihak kepada pencabar Kerajaan.

Kehakiman sepatutnya menumpukan perhatian kepada keadilan dan tidak memihak kepada sesiapaupun. Apabila hakim berasa perlu ia membuktikan kebebasannya terlebih dahulu, maka keadilan akan mendapat tempat yang kedua. Dengan perkataan lain, keadilan tidak tercapai apabila hakim lebih mengutamakan sikap bebasnya dari Kerajaan.

Oleh sebab inilah, maka ada hakim-hakim yang semasa menjatuhkan hukuman membuat kenyataan yang tidak berasas, seolah-olah melepaskan geram. Kenyataan-kenyataan ini dibuat kerana kepercayaan bahawa apa yang dikata oleh hakim tidak boleh ditegur. Jika dikritik, maka hakim boleh mendakwa di bawah 'menghina mahkamah' atau 'contempt of court'. Jika ada rayuan, maka kes itu menjadi 'sud-judice' dan sekali lagi segala komen terhadap kes berkenaan dianggap salah. Dengan perkataan lain, hakim boleh mencemuh seseorang kerana orang itu tidak berhak mempertahankan diri.

Ini dapat dilihat apabila seorang hakim mendakwa Menteri mempunyai niat buruk atau 'mala fide' kerana tidak menyalasat sama ada maklumat yang disampaikan oleh pegawainya tepat atau tidak. Setiap orang Menteri mempunyai berpuluh pegawai yang ditugaskan dengan tugas-tugas tertentu. Setiap hari Menteri menerima berbagai laporan daripada pegawai-pegawai ini. Jika kerja-kerja Menteri hendak dijalankan, maka Menteri terpaksa mempercayai maklumat yang disampaikan oleh pegawai kepadanya. Jika tidak, Menteri mestilah memeriksa dan menyelidik sendiri setiap butir maklumat yang disampaikan oleh pegawainya, sebelum ia membuat apa-apa keputusan. Jika Menteri terpaksa menyelidik sendiri untuk menentukan benar atau tidak sesuatu butuik maklumat, maka pegawai tidaklah diperlukan lagi. Dalam keadaan yang Menteri mempunyai masa yang terhad untuk membuat keputusan, maka penyelidikan terhadap kebenaran tiap-tiap maklumat tidak mungkin dibuat. Hanya apabila Menteri mengesyaki

maklumat yang disampaikan kepadanya tidak tepat, baharulah ia akan mengarahkan supaya penyelidikan dibuat oleh pegawai yang lebih tinggi. Jika laporan yang disampaikan kepadanya adalah dari pegawai yang biasa melaporkan kepadanya di masa lepas dan biasanya laporan itu tepat, tidak ada sebab kenapa Menteri patut mengesyaki apa-apa. Menteri harus menerima laporan yang disampaikan kepadanya. Memang ada kemungkinan bahawa di antara beratus butir laporan yang diterima oleh Menteri, terdapat satu yang tidak tepat. Hanya dengan kerana Menteri tidak mengesyaki satu butir maklumat dan tidak menyelidik, tidak bermakna ia berniat buruk.

Jika kerana satu butir maklumat tidak tepat, maka ini bermakna Menteri berniat buruk dan dengan itu lima butir maklumat yang benar diketepikan, maka keadilan tidak akan tercapai. Jika seorang dituduh membunuh enam orang dan terdapat tuduhan terhadap satu kes tidak benar, apakah yang lima lagi yang mempunyai bukti yang jelas menjadi tidak benar? Jika inilah asas pertimbangan kehakiman, maka di mana letaknya keadilan? Berasaskan kepada logik ini, mungkin tidak ada siapapun yang akan didapati bersalah. Hakim bukanlah seorang yang tidak boleh membuat salah atau tidak boleh berniat buruk. Dalam kes Carrian di Hong kong, seorang hakim, Justice Barker, telah membuat keputusan yang ganjil dalam pandangan seluruh dunia. Keputusan ini dikesan oleh akhbar dan juga Majlis Peguam atau Bar Council Hong Kong. Apabila Hakim Besar Hong Kong disoal dalam temuramah di televisyen, beliau enggan menjawab. Nampaknya, beliau juga tidak percaya hakim berkenaan membuat keputusan yang adil. Perkara yang menarik ialah orang awam dan Majlis Peguam di Hong Kong berani membuat teguran terhadap keputusan hakim. Kata seorang QC yang terkenal, keputusan Justice Barker adalah 'irrational dan bizarre' atau 'tidak sluman dan pelek'. Apakah tidak mungkin di Malaysia juga terdapat keputusan hakim yang irrational, bizarre dan mala fide?

Setiap kuasa yang diberi mesti digunakan dengan penuh tanggungjawab. Janganlah kerana immunity yang diberi, maka kita melemparkan tohmahan dengan sewenang-wenangnya dan kita membuat sesuatu sesuka hati kita. Mengikut laporan akhbar semalam, Justice Barker telah meletakkan jawatannya.

Saya membuat kenyataan ini kerana adalah amat penting rakyat mempunyai kepercayaan kepada sistem kehakiman negara. Jika saya tidak menjelaskan tentang kelemahan asas hukuman yang dibuat oleh seseorang hakim, maka rakyat akan tertanya-tanya akan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan. Mungkin kenyataan ini akan prejudice kes rayuan Kerajaan. Ini adalah risiko yang kita tidak dapat elakkan. Hakikatnya ialah amalan sub-judice dan contempt of court kadang-kadang menghalang hak pihak yang dicemuh mempertahankan diri. Seperti juga apa-apa sistem, baik buruknya bergantung kepada orang yang menjalankannya. Jika orang ini menyalahgunakan sistem ini, dengan kepercayaan bahawa tiada sesiapa boleh membuat apa-apa kepadanya, maka sistem ini akan membawa keburukan.

Membuat tuduhan bahawa Menteri bertindak dengan sewenang-wenangnya atau cavalier dan mempunyai niat buruk (mala fide) adalah perkara yang serius yang mencemar nama Menteri. Sudah tentu akhbar luar negeri akan gembira dengan tuduhan ini, dan sudah tentu imej negara terjejas. Sudah tentu parti pembangkang akan gembira. Soalnya, benarkah tuduhan ini? Oleh kerana contempt of court, mulut pihak yang dicemuh ditutup. Bahkan akhbar tempatan pun tidak dapat membuat apa-apa komen. Apakah ini keadilan?

Sebab itu, kita perlu berpegang kepada undang-undang yang jelas. Kehakiman dipenuhi dengan manusia biasa yang mempunyai perasaan yang tidak berbeza dengan manusia lain. Jika mereka begitu bebas dan kebebasan ini membawa kepada ketidakadilan, maka hasrat kehakiman tidak akan

tercapai. Oleh itu, adalah lebih adil kita berpegang kepada undang-undang yang bertulis yang dibuat mengikut kehendak rakyat dalam sistem demokrasi berparlimen ini. Hakim perlulah menjelaskan di bawah undang-undang mana yang ia membuat hukuman. Budi bicara hakim hendaklah tertakluk kepada undang-undang negara melainkan tidak ada undang-undang negara berkaitan dengan kes berkenaan.

Seseorang peguam yang pernah menjadi wakil rakyat dari UMNO (1946) dan kini menjadi ahli PAS Datuk Hishamuddin Yahya telah mengulas ucapan Dr Mahathir. Katanya, di dalam ucapannya semasa membentangkan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1988 di Dewan Rakyat, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyelar beberapa anggota kehakiman (hakim-hakim) yang mengikut pendapat Dr Mahathir "telah terlibat dengan politik serta mempunyai sikap fiercely independent" (bebas secara liar).

Tambah beliau lagi, mereka itu secara tidak langsung, terlibat dengan politik pembangkang dan bersedia untuk "bend over backwards" untuk memberi keputusan yang memihak kepada pencabar Kerajaan. Maksud Dr Mahathir bahawa mereka itu korup di dalam amalan tugasnya.

Tuduhan Datuk Seri Dr Mahathir itu adalah suatu tuduhan yang amat kesat dan kasar yang belum pernah dilakukan oleh sesiapa pun di dunia ini terhadap pihak kehakiman negara masing-masing.

Bahkan tuduhan dan perkataan-perkataan yang digunakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir itu sudah tentu tidak layak digunakan oleh Ketua Hakim Negara sendiri, yang lebih arif di dalam undang-undang, kiranya kes itu dibawa kepada appeal dan didapati bahawa hakim berkenaan telah benar menyeleweng.

Jika apa yang dikatakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir itu benar, iaitu setengah daripada hakim-hakim Mahkamah Tinggi menjadi bebas secara liar; akan melakukan apa

sahaja demi memberi kemenangan kepada pencabar Kerajaan dan terlibat dengan politik pembangkang, maka ini adalah sesuatu kealban kepada negara Malaysia yang selama ini berbangga dengan kebebasan kehakimannya, hinggalah ke tarikh aib itu ditingkapkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir sendiri.

Dan juga jika apa yang dikatakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir itu juga benar, maka beliau berhak berbuat sesuatu demi memulihkan kepercayaan rakyat dan negara luar akan sistem kehakiman negara ini.

Yang menjadi persoalan ialah kejujuran Dr Mahathir di dalam hal ini dan sama ada tindakan beliau untuk meminda Perlembagaan Malaysia itu sepatutnya dilakukan di atas keperluannya.

Adakah ini menepati peruntukan undang-undang yang ada untuk menghadapi keadaan yang wujud? Dan sep-erkara lagi ialah mengenai asas-asas tuduhan yang dibuat oleh Dr Mahathir itu.

Adakah ia berasaskan kepada ulasan-ulasan Mahkamah Rayuan, ataupun berasaskan kepada nilaian beliau sendiri mengenai keputusan sesuatu kes itu?

Walau apapun, setakat yang kita ketahui, ada fasal-fasal di dalam perlembagaan Malaysia yang membolehkan Perdana Menteri mengambil tindakan ke atas hakim-hakim yang dianggap tidak layak lagi menjadi hakim di atas sebab-sebab tertentu dan di atas apa sebab jua pun. Fasal itu ialah Fasal 125 (3) dan Fasal 125 (9).

Fasal 125 (3) dan (9) ini membolehkan Perdana Menteri membawa perkara yang melibatkan ketidaklayakan seseorang hakim itu kepada pengetahuan Yang Di Pertuan Agung, dan Yang Di Pertuan Agung kemudiannya akan melantik suatu tribunal (badan kehakiman) yang dianggotai oleh lima orang hakim, untuk menyalasat perkara itu yang akan memberikan pendapat yang muktamad.

Jika Datuk Seri Dr Mahathir menggunakan fasal ini untuk mengatasi masalah yang konon dihadapinya, maka

ini tentulah suatu risiko besar.

Bagaimana misalnya jika tribunal itu mendapati bahawa tuduhan Dr Mahathir itu tidak ada asas sama sekali dan seterusnya memberi keputusan yang tidak menyebelahi beliau.

Tentulah ini merupakan suatu tamparan hebat kepada seorang Perdana Menteri, yang membuat tuduhan yang tidak berasas. Akibatnya ialah aib di atas peribadi beliau sendiri.

Untuk mengelakkan risiko besar ini, Dr Mahathir memilih jalan pilihan iaitu menggunakan kuasanya atau lebih tepat lagi menyelahgunakan kuasanya dengan meminda Perlembagaan.

Cara ini lebih memberi kesempatan kepada Dr Mahathir untuk pertamanya melulukan kehendak beliau dan kedua menyelar hakim-hakim itu dengan sekehendak hatinya tanpa boleh disekat-sekat oleh sesiapa juapun.

Apa yang diucapkan di dalam Dewan Parlimen adalah menjadi hak absolute privilege dan tidak boleh diambil sebarang tindakan mahkamah oleh sesiapa di atas kandungan ucapan itu.

Di dalam lain-lain perkataan ia "tak di makan saman." Inilah agaknya cara Dr Mahathir melepaskan dendamnya terhadap hakim atau hakim-hakim berkenaan.

Anehnya apabila ummat Islam di negara ini mendesak supaya Perlembagaan Malaysia dipinda sesuatu fasal sahaja demi memelihara kepentingan agama suci itu pihak Kerajaan tidak bersedia berbuat seperti yang disesak.

Akan tetapi apabila seorang yang berkuasa berkehendak Perlembagaan Malaysia itu dipinda, maka dipindalah dengan sewenang-wenangnya dengan memberikan berbagai alasan-alasan kononnya di atas kepentingan negara, sedangkan rakyat sendiri tidak memahami mengapa Pindaan itu diperlukan.

Rang Undang-undang itu juga tidak dibentangkan lebih awal untuk rakyat, khususnya wakil-wakil rakyat untuk

membincangkannya.

Pendek kata pihak Kerajaan di bawah Dr Mahathir yang tidak mendapat sokongan rakyat itu sekarang bersedia berbuat apa sahaja asal mereka dapat mengekalkan kuasa dan kepada mereka matlamat akan menghalalkan cara.

Bekas exco pergerakan Wanita UMNO (1946) Hajah Ilani Datuk Ishak, seorang peguam berpendapat Institusi Kehakiman perlu bebas dan sentiasa menjaga imej sebagai institusi yang setaraf dengan Parlimen atau Eksekutif.

"Sesebuah negara yang demokratik akan hilang status demokrasinya sekiranya Institusi Kehakiman tunduk kepada kuasa atau pengaruh Eksekutif. Institusi kehakiman bertanggungjawab menegak keadilan antara kerajaan dan rakyat atau antara rakyat dengan rakyat.

Menurut Hajah Ilani kedudukan istimewa Institusi Kehakiman sebagai salah satu cabang kerajaan demokratik adalah termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia, jadi adalah penting ianya dilindungi dari dicerobaht oleh Parlimen atau Eksekutif.

Pada bulan Mac 1988 Parlimen telah secara terburu-buru meluluskan beberapa pindaan kepada Perlembagaan Malaysia.

Hajah Ilani berpendapat kesan dari beberapa pindaan Institusi Kehakiman tidak lagi setaraf dengan Parlimen atau Eksekutif. Peguam Negara, seorang kakitangan Kerajaan (iaitu di bawah arahan Eksekutif) diberi kuasa yang mengatasi Kuasa Kehakiman dalam mengatur kes-kes yang akan dihadapkan ke Mahkamah tertentu.

Beliau merasakan keadaan ini amat malang sekali kerana imej dan kemampuan kehakiman tentunya akan terjejas dan kita perlulah berusaha berjuang mengembalikan taraf dan kuasa kehakiman.

Presiden Aliran Dr Chandra Muzaffar menganggap pindaan kepada Perlembagaan itu akan membawa kesan-kesan serius terhadap ciri asas perlembagaan dan sistem politik negara.

Pindaan itu nanti akan menghapuskan kuasa kehakiman yang sebelumnya diberi kepada Mahkamah-mahkamah Tinggi dan Mahkamah-mahkamah Rendah, dan ini juga akan memberi kesan terhadap kebebasan kehakiman.

Menurut Dr Chandra, sebelum pindaan, Perlembagaan memberi kuasa kehakiman kepada Badan Kehakiman, kuasa perundangan kepada Parlimen Negeri serta kuasa eksekutif negara kepada Yang diPertuan Agong.

"Pindaan itu akan memberi kesan buruk kepada semua pihak kerana parlimen atau Kabinet akan menentukan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Tinggi dan Rendah melalui undang-undang Persekutuan," ujar beliau.

Beliau juga memberitahu bahawa apa yang dilakukan oleh Perdana Menteri merupakan cabaran kepada ciri asas perlembagaan kerana perlembagaan memberi kuasa kehakiman kepada badan kehakiman bukan milik badan perundangan (parlimen) atau eksekutif.

"Adalah menjadi satu kesalahan dari segi perlembagaan jika badan kehakiman bergantung atau menjadi lebih rendah dari parlimen dan eksekutif.

"Dan inilah yang dilakukan oleh pindaan perlembagaan kerana bidang kuasa mahkamah akan ditentukan oleh parlimen yang sememangnya bertindak atas arahan pihak eksekutif," tegas beliau lagi.

Dr Chandra berpendapat badan kehakiman sepatutnya bebas dari mana-mana pihak kerana hanya merupakan orang tengah untuk mengadili sebarang perselisihan antara satu pihak dengan pihak yang lain.

Katanya, adalah sukar lagi badan kehakiman untuk menjalankan peranannya sebagai pengantara yang tidak berpihak jika kuasanya dirampas dan akhirnya ia akan gagal, untuk menegakkan keagungan perlembagaan.

SEMARAK DAN BIRI-BIRI

Kini rakyat Malaysia telah mengenal satu konsep baru "demokrasi ala Malaysia". Gerakan itu ialah Semarak atau Setia Bersama Rakyat. Ia mula dilancarkan di Lubuk Gong Kelantan dan sehingga buku ini ditulis sudah diadakan di Perlis, Perak, Selangor, Sarawak dan Kedah. Manakala yang dijadual di Terengganu terpaksa ditunda kerana pemimpin negeri itu "at that material time" uzur dan tarikh baru akan ditetapkan, kemudian.

Rakyat diberi tahu bahawa konsep Semarak ialah antara lain setia-khidmat, setia-bakti, setia jasmani, setia hati, setia-budi dan setia-kawan dengan tujuan merapatkan hubungan antara Kerajaan dengan rakyat.

Pada tiap-tiap kali Semarak diadakan Perdana Menteri dan Menteri Besar atau Ketua Menteri akan berucap menegaskan betapa pentingnya taat setia tetapi dalam pada itu ia juga memberi kesempatan kepada mereka "melepaskan geram" terhadap musuh-musuh politik mereka.

Ada yang menyokong gerakan itu dan tidak kurang pula yang mempertikaikan gerakan itu kerana bukan sahaja

faedahnya terlalu kecil tetapi membazirkan masa dan wang rakyat yang sepatutnya boleh disalurkan kepada perkara-perkara yang boleh memberi faedah langsung kepada rakyat.

Rakyat dapat merasakan bahawa dalam ucapan-ucapan pemimpin itu mereka telah menyelar pihak-pihak tertentu yang dikatakan "kecewa" (mungkin istilah tepat bagi anak-anak muda - frust - .

Puak yang dituduh disifatkan sebagai tidak ada modal, dan cuba memecahkan perpaduan.

Ada pihak pula berpendapat Semarak adalah manifestasi dari kebimbangan pemimpin dan tidak perlu sekiranya pemimpin tahu menunaikan tanggungjawab mereka terhadap rakyat.

Oleh kerana pada mulanya Semarak kelihatan seperti menyanjung pemimpin tertentu timbul dakwaan bahawa ia seolah-olah memuja satu-satu pemimpin.

Kerana Dr Mahathir seorang yang peka terhadap perasaan rakyat, ia terpaksa menjelaskan keadaan dengan berkata di upacara Semarak di Sungai Batu Pahat Perlis bahawa Semarak tidak mungkin merosakkan akidah orang-orang Melayu kerana mereka tahu agama, siapa Tuhan mereka dan siapa rasul mereka.

Beliau dilaporkan berkata golongan yang mendakwa bahawa Semarak bertujuan untuk mewujudkan semangat mendewa-dewakan tokoh-tokoh tertentu sebagai "pengacau" yang tidak mahu menerima kenyataan.

Apa yang nyata dari gerakan Semarak ialah banyak wang, tenaga dan masa diluangkan yang seharusnya dapat digunakan untuk faedah yang lebih baik.

Berdasarkan gerakan Semarak yang telah dilancarkan di beberapa negeri dan selepas semua negeri telah mengadakan Semaraknya kurang-kurang \$4 juta ringgit wang rakyat akan dibelanjakan. Bila gerakan Semarak diadakan di peringkat daerah pula (telah dibayangkan akan diadakan jika perlu) jumlah wang dan tenaga tentu akan bertambah.

Dari segi "produktiviti" hasil gerakan Semarak mungkin amat merugikan. Bayangkan masa yang terluang untuk membincang persediaan bagi menjayakan gerakan itu. Pegawai-pegawai Kerajaan terpaksa mengadakan mesyuarat membincang bagaimana gerakan itu dapat berjalan dengan licin dan lain-lain. Walhal masa itu harus digunakan untuk kerja-kerja mereka yang akan memberi manfaat langsung kepada rakyat.

Satu kerja yang sangat digemari oleh bekas Setia Usaha Agung UMNO yang kerana "cuai"nya UMNO dilsytihar badan tidak sah satu ketika ialah melancarkan berbagai kempen. Antara lain kempen makan ulam, kempen minum kelapa muda, kempen kumpul tayar buruk, beras segengam dan minum susu segar.

Mungkin ada baiknya wang dan masa pegawai kerajaan serta rakyat digembeling untuk perkara yang lebih berfaedah. Adalah lebih baik beliau mempengaruhi ketuanya supaya melancarkan kempen pelihara biri-biri secara lebih serious.

Seperti juga pada suatu ketika dahulu rakyat mendapat faedah banyak dari pohon nytor, peliharaan kambing biri-biri pun begitu.

Tentu pakar-pakar di kementerian beliau ada memberitahunya bahawa daging biri-biri boleh dimakan dan kerana ia makanan yang berkhasiat akan membuat rakyat lebih segar dan kuat bekerja dan lebih produktif. Kita tahu kulit biri-biri pun ada gunanya. Bulu kambing biri-biri boleh dijadikan permaidani yang bermutu baik. Hatta menurut pakar-pakar najisnya pun boleh di"bangun dan diusahakan secara komersil." Adalah dianggarkan pada tahun 1986 Malaysia telah mengimport 40,000 tan metrik daging biri-biri dan kambing yang bernilai \$80 juta.

Pemeliharaan kambing biri-biri juga dapat menjimat belanja mengawal rumput dengan memakannya. Sepanjang 1987 lebih dari \$150 juta telah dibelanjakan untuk mengawal rampai di kawasan tanaman getah di Malaysia.

Bila kambing biri-biri sudah banyak membiak kita boleh eksport pula ke negara-negara Arab.

Projek yang mungkin dirasa kecil ini lebih banyak memberi faedah kepada negara dari berbagai segi dan lebih banyak rakyat yang akan mendapat faedah langsung (direct benefit). Modal yang diperlukan tidak begitu banyak dan tidak perlu pinjaman dari luar.

Cerita-cerita hendak jadi New Industrialised Country (NIC) negara baru industri memang seronok didengar. Tetapi bagi rakyat projek hebat-hebat seperti Dayabumi, Perwaja, dan dengar-dengarnya hendak bina satu jambatan lagi menghubungkan Singapura dan Johor tidak akan dinikmati faedahnya oleh banyak rakyat. Malah boleh membebankan mereka kerana seperti yang kita tahu dalam tahun 1967 hutang negara hanyalah \$1,000 juta tetapi pada tahun 1983 sudah meningkat \$46,000 juta. Menurut satu laporan sebaik sahaja seorang bayi dilahirkan di Malaysia ia sudah dibebani hutang antara \$3,000 ribu hingga \$4,000.

Sepatutnya perkara pemeliharaan biri-biri dan juga beban hutang negara (rakyat) di "semarak-semarakkan".

ORANG KELANTAN JADI SASARAN

Dari sejarah silam dan semasa negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia seperti Kelantan dan Terengganu mempunyai sejarah yang unik. Kedua-dua negeri semasa penjajahan British adalah negeri-negeri Melayu tidak bersekutu (Unfederated Malay states) dan selepas merdeka bila pilihan raya diadakan mereka pernah menewaskan UMNO walaupun dengan atas nama Perikatan yang mendapat sokongan dari kaum-kaum lain.

PAS pernah membentuk kerajaan di Kelantan dan Terengganu buat beberapa kali. Walaupun kerajaan yang dibentuk oleh PAS tidak bertahan lama di Terengganu, pengaruh PAS di negeri kaya dengan minyak kini tetap kuat dan boleh mencabar UMNO walaupun ia bertanding atas nama Barisan Nasional yang sekaligus bermakna ia juga mengharap dan menagih undi dari kaum-kaum lain yang kebanyakan belum Islam untuk mengekalkan kuasa.

Kedua-dua negeri juga pernah menghantar beberapa wakil rakyat ke Parlimen. Uniknyalah banyak juga yang

bukan dari negeri itu sendiri. Allahyarham Dato Onn yang berasal dari Johor pernah menjadi wakil rakyat mewakili kawasan parlimen di Terengganu. Pas telah memilih Khalid Samad yang berasal dari Johor untuk bertanding di Ulu Kelantan dalam pilihan raya umum 1986.

Hakikat ini semua menunjukkan tidaklah adil bagi orang menuduh rakyat Kelantan begitu kenegerian. Rakyat kedua-dua negeri lebih bersifat "Islamiah" dari "assabiah". Tetapi bila pemimpin-pemimpin parti sekular assabiah bertarung isu "kenegerian" ditimbulkan dengan amat jelek sekali.

Walaupun gerakan SEMARAK bertujuan mendekatkan rakyat dengan pemimpin dan pemimpin dengan rakyat dan memupuk segala macam "setia", ada juga kebenaran bila orang mempertikaikan gerakan itu kerana ia juga menimbulkan perasaan kurang senang kepada pihak-pihak tertentu.

Umum sudah terima bahawa ada rentetan peristiwa sebelum UMNO "berpecah". Antaranya ialah bila berlaku pertarungan hebat untuk jawatan presiden UMNO pada tahun 1987.

Dalam pertandingan itu inkumbent presiden Dr Mahathir dapat menewaskan Tengku Razaleigh, seorang putera raja dari Kelantan dengan kelebihan undi yang tidak banyak hanya 41 undi. Bagaimanapun oleh kerana perwakilan yang mengundi ada yang datang dari cawangan yang tidak berdaftar, bila perkara itu dibawa ke mahkamah UMNO diisytihar tidak sah.

Adalah jelas dari ini bukan setakat rakyat tetapi ahli UMNO sudah rengang dengan pucuk pimpinan parti dan oleh itu mereka perlu "dirapatkan balik" dengan pemimpin.

Mungkin kebetulan gerakan Semarak dilancarkan di negeri Kelantan - kubu Tengku Razaleigh. Dan kini semakin nyata rakyat Kelantan semacam dijadikan "sasaran" pihak tertentu.

Semasa melancarkan gerakan Semarak peringkat neg-

eri Perlis pada 10 April di Sungai Batu Pahat dekat Kangar, Dr Mahathir dilaporkan sebagai berkata ada usaha "orang-orang Kelantan tertentu yang kecewa" untuk memisahkan orang-orang Kelantan dari orang-orang Melayu negeri lain.

Perdana Menteri memberitahu golongan ini berusaha membangkitkan semangat kenegerian untuk mendapatkan sokongan bagi negeri mereka dikesan menjalankan kegiatan ini di kalangan para peserta Felda berasal dari Kelantan di Negeri Pahang.

Katanya, mereka mendakwa kononnya sebagai orang-orang Melayu Kelantan mereka tidak boleh terima orang-orang Melayu negeri lain.

Perdana Menteri mengingatkan jika usaha ini berjaya ia akan membawa akibat yang buruk.

Namun begitu Perdana Menteri gembira kerana ramai di kalangan rakyat yang tidak menerima hujah golongan ini.

"Mungkin ada segelintir manusia yang terpengaruh dengan usaha semacam ini. Mungkin ada dua tiga orang peserta Felda yang terpengaruh tetapi umumnya orang-orang Kelantan tidak mahu Kelantan dipisah dari Malaysia."

Semasa melancarkan gerakan Semarak peringkat negeri Selangor di Sungai Besar, pada 5 Jun 1988 Perdana Menteri kata kempen Semarak diadakan kerana semangat setia mula beransur-ansur hilang di sebabkan berlaku perpecahan sedikit dalam parti UMNO satu ketika dulu.

Katanya, "ada yang menganggap kerajaan sudah lemah dan tingkah-laku mereka berubah. Mereka cuba padamkan perasaan kesetiaan di kalangan rakyat."

Tegas Perdana Menteri, kerajaan tidak takut kepada kecaman dan ugutan mereka kerana yakin rakyat bijak memilih antara "kaca dan permata."

Dr Mahathir menambah rakyat harus faham rentetan sejarah yang mana rebutan-rebutan kuasa untuk kepentingan diri hanya merugikan bangsa dan tanahair.

Pada 2 Julai rakyat terkejut bila mendengar satu fitnah yang didedahkan oleh Dr Mahathir. Kini rakyat yang berfikir

tahu negara sedang mengalami krisis segala macam - krisis UMNO, krisis kerugian-kerugian besar yang dialami oleh banyak perbadanan-perbadanan besar, peristiwa pada mulanya pergantungan Tun Salleh Abas dari jawatan Ketua Hakim Negara dan pemecatannya yang berkuatkuasa pada 8 Ogos 1988. Tidak kurang hebat penggantian lima orang hakim Mahkamah Agung dan beberapa skandal kewangan yang menambah kepada "pergolakan negara" yang sedikit sebanyak menyumbang kepada krisis keyakinan dalam negara.

Menurut laporan Harun Shafie yang distarkan oleh *Mingguan Malaysia* pada 3 Julai 1988, satu majlis dialog diadakan antara Presiden UMNO dengan anggota-anggota dan pemimpin UMNO (Baru) Negeri Sembilan di gelanggang Budaya Paroi.

Laporan itu menyebut antara lain "Dr Mahathir mendedahkan ada pihak yang menabur fitnah menyatakan jeneral-jeneral yang berasal dari Kelantan memberi amaran kepada Ketua Polis Negara bahawa jeneral-jeneral itu akan mengambil alih pemerintahan negara ini sekiranya Tengku Razaleigh ditangkap.

Perdana Menteri berkata ini adalah fitnah yang amat jahat yang cuba untuk melaga-lagakan pihak tentera dengan polis.

"Nasib baik tentera dan polis kita bukan jenis yang mereka anggap, tentera dan polis kita adalah profesional".

Beliau sedar ada usaha yang telah dibuat oleh pihak berkenaan bagi menentukan kerajaan tidak boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka.

Katanya, mereka ini menabur fitnah kononnya beliau telah mengarahkan polis supaya menangkap Tengku Razaleigh Hamzah tetapi Ketua Polis Negara tidak bersetuju untuk menangkap Tengku Razaleigh dan kerana itu beliau sudah menyingkirkan Ketua Polis Negara.

Sambil menyangkal fitnah itu, beliau berkata, sebenarnya tidak ada arahan yang dibuat berhubungan dengan

perkara itu, sebaliknya fitnah itu dibuat atas dua sebab.

Katanya, sebab pertama ialah untuk mendapatkan simpati penyokong-penyokong mereka iaitu "saya ini ganas sangat, nak tangkap orang ini."

"Sebab kedua ialah supaya ianya tidak ditangkap dalam usaha saya nak elak daripada menunjukkan bahawa apa yang dia kata itu betul maka saya tidak akan mengambil tindakan menangkap walaupun dia memecah undang-undang. Jadi ini ialah persediaan untuk memecah undang-undang," katanya.

Akhir-akhir ini entah apa kah sebabnya terlalu banyak fitnah dilemparkan terhadap pucuk pimpinan hingga orang No 2 dalam Barisan Nasional Encik Ghafar Baba terpaksa menyangkal bahawa pemimpin negara kita menuju ke arah "diktatorship."

Kita tahu cakap-cakap seperti diktator dan "negara polis" (police state) tidaklah benar.

Tahun depan Malaysia akan menjadi tuan rumah persidangan Ketua-Ketua negara Komonwel (1989) dan persedian "physikal" bagi mengadakan persidangan itu sedang rancak dijalankan. Banyak ketua-ketua negara dijangka hadir. Rakyat Malaysia bangga mereka dapat peluang menyaksikan begitu banyak ketua negara bertandang ke Kuala Lumpur kerana persidangan itu menjadi satu penghormatan kepada rakyat dan pemimpin mereka. Mereka akan bangga terhadap pemimpin mereka tetapi rasa tidak syoklah jika ada pemimpin bawa cerita-cerita "konon-konon" dan menunjukkan kebolehan melayan satu satu fitnah.

Cakap-cakap fitnah ini biasanya "laku" hanya di gerak-gerak teh tarik sahaja.

Setakat buku ini ditulis tuduhan-tuduhan telah dibuat bahawa ada guru-guru di Kelantan yang dikatakan memburuk-burukkan pucuk pimpinan. Sama ada ini benar atau tidak penyelesaian dikatakan sedang dilakukan. Yang kelihatan "beria-ria benar" memperkatakan soal ini ialah

Ketua Wanita UMNO Datin Paduka Rafidah Aziz. Selagi pengumuman tentang penyiasatan yang dilakukan oleh pihak Kementerian Pelajaran belum diumumkan rakyat akan membuat berbagai tafsiran. Andainya ia benar apakah sebab ia boleh berlaku dan adanya penyiasatan tidak menunjukkan apa-apa, ada kah motif tertentu membuat tuduhan-tuduhan demikian.

Setakat yang kita ingat Datin Paduka pernah menimbulkan isu wang semasa rebutan jawatan presiden UMNO pada tahun 1987.

Beliau dilaporkan berkata, dahulu Ketua Wanita Bahagian Pasir Salak, Puan Salbiah Sharani ditawarkan \$10 ribu supaya jangan mengundi Dr Mahathir. Di katakan juga pemimpin-pemimpin Wanita UMNO di Perak telah dipelawa supaya "menyebut harga" mereka supaya menentang Dr Mahathir. Setakat yang dapat dikesan tuduhan itu tinggal tuduhan dan hanya merupakan "cakap politik" sahaja.

ORANG ARQAM "SS"

Bila ada penulis meramalkan bahawa tidak mustahil seorang ulama menjadi Perdana Menteri Malaysia menggantikan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri, hebohlah ramalan itu diperbincang. Apa tah lagi bila penulis itu "berdarah Arab" maka lebih besarlah keyakinan orang Melayu kemungkinan ramalan itu tepat.

Dibincanglah dalam tabloid mingguan di mana Arqam banyak pengaruh tentang perkara itu. Disebutkan pula tentang "kekecewaan" tokoh-tokoh tertentu kerana nama mereka "tidak naik".

Pada keseluruhannya orang Arqam (hendak dikata ahli atau anggota Arqam tidaklah kena kerana bagi orang-orangnya ia satu Jemaah jadi tidaklah perlu ia berdaftar (keadaan pada bulan Ogos 1988).

Dicananglah tentang Ustaz Ashaari Muhammad mempunyai karisma. Sebenarnya ini tidak di pertikaikan oleh sesiapa. Memang tidak mustahil Ustaz Ashaari, Sheikul Arqam boleh menjadi Perdana Menteri jika itu di ditakdirkan Allah.

Seperti siapa sangka pelakon cowboy Ronald Reagan boleh jadi Presiden, siapa sangka Jamal Abdel Nasser dapat menjadi presiden Mesir dan Kol Gaddafi menjadi pemimpin Libya. Walhal mereka bukanlah ketua tentera negara masing-masing ketika itu.

Sebenarnya siapa yang menjadi Perdana Menteri tidak penting. Sama ada Tengku Razaleigh, Datuk Musa Hitam, Anwar Ibrahim, Yusuff Rawa, Kamal Koh atau andainya ada orang yang bernama Koon Al-Kapuri (Islam).

Pokoknya ialah Perdana Menteri itu komited kepada perjuangan membentuk negara Islam dan menyakinkan rakyat agama lain bahawa mereka akan terus berperanan dan berhak menikmati keadilan seperti yang dijamin oleh sebuah negara Islam terhadap rakyatnya.

Malah andainya Datuk Seri Dr Mahathir insaf dan hari ini mengistiharkan bahawa menjadi hasrat dan cita-citanya untuk menjadikan Malaysia negara Islam, adalah menjadi kewajipan semua rakyat terutama yang beragama Islam memberi sokongan yang padu kepadanya. Dan ini seharusnya termasuk parti PAS dan orang-orang Arqam.

Malah sudah sekian kali pemimpin-pemimpin PAS memberi akuan bahawa ia sanggup bubar jika UMNO "mendaulatkan undang-undang" Islam.

Pada bulan Julai 1988 yang lalu, Ketua Dewan Ulamak PAS yang juga Pesuruhjaya PAS Kelantan, Ustaz Haji Nik Abdul Nik Mat dilaporkan sebagai berkata, sekiranya UMNO bersedia kembali memperjuangkan Islam secara hakiki PAS sedia untuk dibubarkan dan akan sama-sama membantu UMNO.

Naib-Presiden PAS yang tidak kurang juga karismanya Ustaz Haji Hadi Awang pernah berkata ia sanggup tampal poster UMNO jika UMNO betul-betul perjuangkan Islam.

Andainya ditakdirkan Ustaz Ashaari menjadi Perdana Menteri satu masalah yang kini agak berat besar kemungkinan dapat diselesaikan. Problem wanita-wanita yang menghadapi masalah mencari teman hidup boleh selesai. Bila

rakyat berpegang kepada "kepimpinan melalui teladan," berpoligamy akan menjadi satu fesyen yang menarik (will become fashionable). Sepertilah pemimpin-pemimpin, bila menyanyi rakyatpun kenalah belajar menyanyi supaya dapat ikut rentak dan selera para pemimpin negara.

ARQAM LEBIH HEBAT DARI UMNO (46) DAN FREEMASON

Sejak ia mula menjalankan kegiatan-kegiatannya jemaah Arqam telah menjadi kontroversi dan walaupun beberapa kegiatan-kegiatannya harus dipuji dan diteladani ia tetap menimbulkan kurang senang dan ragu-ragu di kalangan masyarakat.

Ia menjadi kontroversi kerana banyak orang-orang kanannya sendiri telah keluar dari jemaahnya. Bahkan ada yang bukan setakat keluar sahaja tetapi mendedahkan perkara-perkara yang mengakibatkan keraguan di kalangan masyarakat. Mereka ini termasuklah Allahyarham Haji Mokhtar Yaacob yang pernah menjadi orang nombor 2 dalam jemaah itu. Kerana mereka merupakan orang-orang kanan tentu apa yang mereka perkatakan itu ada kebenarannya.

Kegiatan ekonominya seperti menjalankan berbagai perniagaan harus dipuji kerana selain dapat menyumbang ke arah menyelesaikan masalah pengangguran ia sedikit sebanyak menolong ekonomi orang Islam.

Bagatmanapun antara perkara yang menimbulkan kurang senang dan juga tanda tanya ialah sikapnya terhadap politik.

Oleh kerana ia, setakat ini, bulan Ogos 1988, belum berdaftar rakyat bingung tentang tujuannya.

Pada satu ketika ia semacam tidak ambil kisah tentang politik walhal politik adalah sebahagian dari Islam tetapi ia semacam memusuhi harakah Islam yang tertua dan unggul - PAS.

Kalau ia hendak memperjuangkan Islam lojiknya ialah ia harus menyokong PAS.

Ini tidak. Malah kelihatan mereka lebih suka, ber-mesra-mesra dengan tokoh-tokoh parti politik yang sekular dan bersifat assabiyah. Tidak cukup dengan itu satu media mingguan tabloid yang mana ia mempunyai pengaruh yang luas selalu menyiarkan rencana oleh tokoh PAS yang seolah-olah bertujuan mempertikaikan kebolehan pemimpin-pemimpin PAS.

Ini bukanlah bermakna ahli PAS tidak boleh menegur pemimpin-pemimpin PAS tetapi media ini seolah-olah mahu melaga-lagakan tokoh PAS tersebut dengan pimpinan PAS. Menggunakan media yang semacam "tidak menyenangkan PAS" tidak lah bijak bagi ahli PAS tersebut.

Media mingguan tabloid ini setakat yang di ketahui, tidak melahirkan simpati kepada Iran apabila sebuah pesawat Iran ditembak kononnya dengan tidak sengaja oleh Amerika Syarikat di Teluk Parsi pada 3 Julai 1988.

Dalam isu penembakan pesawat penumpang Iran Air itu, hampir seluruh dunia mengutuk tindakan bladap "Syaitan Besar" Amerika. Rakyat Amerika Syarikat sendiri pun menyatakan kesal dan sedih terhadap peristiwa di mana orang-orang yang tidak berdosa pun menjadi korban.

Satu rencana terbitan mingguan tersebut pada 22 Julai 1988 malah menyebut bahawa "serangan Amerika ke atas pesawat Airbus Iran yang menimbulkan kemarahan Iran dan kuncu-kuncunya kalau dianalisa dengan mata hati,

mempunyai hikmah besar kepada umat Islam."

Rencana itu selanjutnya menyebutkan bahawa di antara hikmah yang boleh kita renungkan ialah peristiwa itu berlaku ketika pihak Iran sedang merancang untuk menghantar 150,000 jemaah hajinya ke Makkah tahun ini (1988).

Hal ini adalah satu "putar belit" yang paling kotor kerana Iran telah memutuskan tidak akan menghantar jemaahnya kerana membantah tindakan pihak Arab Saudi yang menghadkan jumlah haji Iran menjadi 45,000.

Rencana itu selanjutnya menambah bahawa atas alasan itulah pihak Iran merancang untuk mengadakan serangan balas sekaligus untuk menawan Makkah sepertimana yang menjadi cita-cita Iran sejak begitu lama.

Menurut rencana itu lagi "untuk menyelematkan bumi suci Makkah daripada berlaku pertumpahan darah atau ditawan oleh golongan "Ar Rafidzah lalu Allah cetuskan satu peristiwa bagi mengalihkan perhatian Iran ke arah lain".

Sehubungan dengan ini adalah lebih memberi manfaat jika kita fikirkan berita yang pernah tersiar oleh Utusan Malaysia 8 Mac 1986. Kuala Lumpur - Umat Islam di seluruh dunia diingatkan bahawa matlamat perjuangan orang-orang Israel ialah untuk menawan tanah suci Mekah dan Kota Madinah selepas mereka dapat menawan Baitulmuqaddis.

Sheikh Kamel Al-Shareef dari Jordan berkata ketiga-tiga bandar suci orang-orang Islam itu menjadi sasaran utama Yahudi adalah kerana ia menjadi lambang keagungan Islam dan lambang perpaduan umat Islam.

Dalam kertas kerjanya "Palestin Dan Perpaduan Islam" yang dibentangkan di Nadwah Islam Antarabangsa di Pusat Islam beliau berkata bahawa sentimen umat Islam terhadap bandar-bandar tersebut juga amat kuat dan ingin dihancurkan oleh Yahudi.

"Pemimpin Yahudi dengan terang-terang telah menegaskan bahawa antara objektif perjuangan mereka ialah untuk menduduki Mekah dan Madinah," kata beliau.

Oleh itu, tambahnya umat Islam tidak seharusnya memandangkan perkara ini sebagai omong kosong Israel semata-mata kerana sejarah lampau telah membuktikan tentang niat jahat bangsa Yahudi itu terhadap Islam.

"Sejak zaman awal Islam lagi, bangsa Yahudi di Madinah telah menentang Nabi Muhammad (S.A.W.) dari segenap segi membuat pakatan jahat terhadap baginda sehingga mencetuskan peperangan walaupun baginda memberikan perlindungan kepada mereka dan agama mereka," jelas Sheikh Kamel.

Bellau yang juga pernah menjadi duta Jordan di negara ini berkata, pakatan jahat Israel berlarutan hingga hari ini dan tidak akan habis selagi hasrat mereka hendak menawan Mekah dan Madinah tidak tercapai. Katanya orang-orang Yahudi percaya, sekiranya mereka dapat menawan ketiga-tiga bandar suci yang menjadi lambang kekuatan dan perpaduan seluruh umat Islam di dunia, mereka akan dapat menghancurkan kekuatan umat Islam.

Dalam pada itu, Sheikh Kamel juga mengingatkan bahawa perjuangan Israel menentang Islam adalah sehaluan dengan perjuangan orang-orang Kristian.

Memang banyak keceaman-keceaman terhadap kerajaan Saudi Arabia mengenai pentadbirannya ke atas al-Haramain (Makkah dan Madinah).

Satu persidangan antarabangsa yang diadakan pada 1-2 April 1988 di California, telah membuat beberapa resolusi. Beribu-ribu umat Islam dari seluruh dunia termasuk lebih 100 orang penyelidik, ulama-ulama besar dan pemikir-pemikir Islam hadir.

Persidangan itu menolak sama sekali idea supaya Haramain ditadbir oleh sebuah badan antarabangsa dan menentang dengan spontan jalan fikiran ini. Ia juga menyatakan sokongan Haramain adalah berada di atas pengakuan kerajaan di Saudi Arabia, di mana keputusan ini berdasarkan dalil Syar'i, Hukum-hukum Fekah dan undang-undang Antarabangsa.

Oleh yang demikian soal Iran dan apa-apa yang dikatakan kuncu-kuncunya hendak menawan Makkah tidak harus dijadikan isu. Apa yang penting ialah tempat-tempat suci orang Islam ditadbirkan sebaiknya kerana Allah dan bebas daripada penodaan orang-orang kufar dan fasik.

Tidak perlulah bagi jemaah Arqam memomomokan bahawa Iran bercita-cita hendak menawan Makkah. Yang jelas ialah Zionist Israel, yang pasti akan disokong oleh Amerika Syarikat yang bercita hendak menawan Mekah dan Madinnah.

Walaupun seperti yang dikatakan tadi jemaah Arqam tidak minat soal politik, tetapi lain halnya dalam arena antarabangsa.

Manakala pihak-pihak yang berkuasa agama dalam negara tidak begitu ketara sikap terhadap fahaman Syiah, pemimpin-pemimpin Arqam begitu taksub penentangannya terhadap Syiah dan sekaligus kepada Iran. Maka lahirlah buku "Bahaya Syiah dan ceramah di serata negeri satu ketika dahulu tentang bahaya Syiah.

Bila diperkatakan tentang Syiah dan sekaligus Iran Arqam kelihatan begitu mesra sekali dengan berbagai negara Arab Sunni. Dalam upacara-upacara tertentu duta-duta beberapa negara Arab Sunni dijemput hadir. Hebat betul "politik" Arqam.

Pada pandangan tokoh-tokoh terkemuka Arqam, Syiah itu bahaya kepada Islam. Tetapi Timbalan Sheikul Arqam Allahyarham Mokhtar Yaakub selepas meninggalkan Arqam mendedahkan penyelewengan dalam Darul Arqam berhubung dengan Aurad Muhammadiyah. Beliau yang berkelulusan Universiti Al-Azhar berpendapat bahawa jemaah itu mengamalkan perkara-perkara yang bercanggah dengan Islam yang beliau faham. Jadi semacam kata pepatah "kerana dulang paku serepih, mengata orang awak yang lebih".

Kerana orang ramai keliru tentang ke mana halanya Arqam, banyak pembaca-pembaca telah menulis surat

kepada pihak Utusan Malaysia dalam ruangan forum.

Distarkan beberapa surat-surat tersebut bagi pembaca sekalian supaya berfikir dan membuat kesimpulan sendiri.

Pada 24 Mac 1988 akhbar New Straits Times melaporkan antara lain "bahawa Darul Arqam menganggap dirinya bukan sebuah pertubuhan seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Pertubuhan.

"Kami juga tidak menyimpan senarai ahli atau mengadakan pemilihan bagi jawatan-jawatan. Orang boleh juga datang dan pergi.

Bekas menambah soal mendaftar Darul Arqam sebagai pertubuhan tidak timbul kerana "kami hanyalah satu jemaah - satu bentuk persatuan yang longgar."

Seorang pegawai lain berkata struktur pertubuhan jemaah "unik" memandangkan peranannya sebagai badan dakwah.

Oleh yang demikian ia tidak tertakluk (does not come under the purview) Akta Pertubuhan.

Mereka mengulas seruan yang dibuat semalam oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Yusof Nor bahawa gerakan itu ikut undang-undang supaya mendaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

Pegawai-pegawai Darul Arqam berkata pihak berkuasa tidak seharusnya terlahu taksud dengan soal pendaftaran hingga menyekat kegiatan pergerakan.

Mereka berkata pihak berkuasa harus juga timbang sumbangan positif Darul Arqam kepada masyarakat Muslim.

"Memimbulkan soal-soal kecil (petty) akan hanya membuang tenaga yang boleh digunakan untuk tujuan-tujuan bermanfaat.

Pada 18 April ruangan "Forum" dalam Utusan Malaysia ada menyiarkan surat dari seorang yang mengenalkan dirinya sebagai "Kenal Politik Arqam".

Antara lain penulis itu menyatakan "Pada hakikatnya Arqam bulkam sokong UMNO sebab mereka tak pernah dan

tak diarah keluar mengundi di dalam pilihanraya dan tak pernah berkempen untuk UMNO tetapi sebenarnya orang-orang atas Arqam ada hubungan peribadi yang erat dengan orang-orang UMNO dan seorang dua menteri.

Mereka terpaksa menunjukkan bahawa mereka menyokong UMNO supaya kedudukan Arqam tidak terancam. Bukti-bukti di atas jelas menunjukkan kedudukan Arqam tidak terancam. Bukti-bukti di atas jelas menunjukkan kedudukan Arqam cukup stabil di dalam pemerintahan UMNO.

Soal pendaftaran dengan Pendaftar Pertubuhan adalah perkara kecil walaupun struktur organisasi mereka betul-betul bercorak pertubuhan tetapi perkara yang besar boleh menjejaskan "akidah" kerana keyakinan seperti mereka ini adalah bercanggah dengan ajaran Ahli sunnahwaljamaah.

Bagi pihak KDN perkara ini dianggap kecil kerana kumpulan ini, belum lagi mengancam keselamatan negara tetapi bagi saya mereka ini telah mengancam akidah Islamiah.

Perkara ini lebih besar sebagai seorang Muslim untuk mendapatkan keselamatan dan keredhaan Allah SWT di akhirat nanti.

Jika kita kasihkan mereka, saya menyeru semua pihak berkenaan menasihati mereka ini supaya meninggalkan amalan aurad Muhamadiyah dan keyakinan seumpama itu, tanpa menjejaskan aktiviti dakwah mereka yang banyak mendatangkan kesan-kesan positif terhadap masyarakat.

Pada 2 April 1988 Utusan Malaysia dalam ruangan "Forum" ada menyiarkan dua surat dari pembaca akhbar tersebut. Ada eloknya pembaca-pembaca renungkan perkara yang ditimbulkan.

"Kajian demi kajian telah dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri dan Pusat Islam ke atas Pertubuhan Arqam. Isu berkenaan masih lagi dibangkitkan oleh beberapa orang ahli Parlimen Encik Zuber Embong (NB - Kuala Terengganu), Haji Nik Abdullah Arshad (PAS - Pangkalan Cepa) dan Encik

Shadidan Kassim (BN - Arau) di sidang Dewan Rakyat baru-baru ini. Di dalam soal jawab tersebut nampaknya isu ini masih lagi menjadi kekeliruan di kalangan masyarakat Islam di negara ini.

Apa yang menjadi tanda tanya, sampai bilakah pihak KDN dan Pusat Islam akan buat kajian? Setakat yang saya maklumi kajian demi kajian telah dibuat oleh pihak berkenaan. Setahu saya semenjak tahun 1979 - semasa sahabat saya Saudara Akhbar Anang dan kawan-kawannya dikeluarkan dari pertubuhan ini atas perkara yang sama hingga ke saat ini masih lagi tak habis-habis dengan kajian.

Datuk Dr Yusof Noor telah menjawab terhadap soalan-soalan dari pihak-pihak yang bertanya dengan menyatakan buku terbitan JPM bertajuk "Penjelasan terhadap aurat Muhammadiyah pengangan Darul Arqam" telah diterbitkan hasil daripada Majlis Fatwa Kebangsaan yang bermesyuarat pada 6 Oktober 1986 yang lalu. Dengan ini, boleh difahamkan kajian terperinci telahpun dibuat selepas keputusan tersebut dibuat.

Apa yang difahamkan oleh pegawai-pegawai Pusat Islam kepada saya, tujuan utama buku ini diterbitkan ialah untuk mentarbiah atau mendidik ahli-ahli Arqam supaya berwaspada tentang ajaran kebatinan yang dibawa oleh guru mereka Haji Ashaari Mohammad.

Sebagai bekas ahli Al-Arqam selama 8 tahun, saya kira tindakan dan taktik seperti ini tidak sedikitpun memberi kesan kepada mereka. Malah mereka masih lagi berpegang teguh ke atas keyakinan dan kepercayaan mereka sebab ahli-ahli Al-Arqam telah ditarbiahkan atau di 'brainwash' supaya jangan sekali-kali membaca buku-buku dan akhbar-akhbar selain yang diterbitkan oleh Darul Arqam dan hendaklah mendapat penjelasan daripada "ustaz-ustaz" Al-Arqam sahaja di dalam masalah ini.

Bagi mereka ini adalah satu "ujian" dari Allah S.W.T. bukan dianggap sebagai satu nasihat atau teguran daripada pihak-pihak yang lebih arif dan pakar dari segi hal-hal

kerohanian dan tsauf. Ahli-ahli Arqam telah diberi amaran oleh "naqib-naqib" (ketua-ketua usrah) mereka supaya jangan mendengar nasihat-nasihat atau pendapat-pendapat orang "luar" kerana dianggap segala apa yang datang dari luar adalah semata-mata fitnah dan tohmah bertujuan untuk menghancurkan Pertubuhan Darul Al-Arqam kononnya.

Inilah taktik yang selalu digunakan oleh pucuk pimpinan Pertubuhan Darul Arqam semenjak ianya tertubuh. Sebab saya sendiri mengalami dan pernah menjadi salah seorang naqib di dalam pertubuhan ini.

Bertambah-tambah yakinlah lagi bagi tiap-tiap ahli Darul Arqam apabila Allahyarham Ustaz Haji Mokhtar Yaacob, bekas Timbalan Syeikhul Arqam meninggal dunia baru-baru ini oleh sebab diserang penyakit lamanya semenjak Allahyarham masih berkecimpung di dalam Pertubuhan Al-Arqam lagi.

Isu kematian beliau juga dijadikan alasan yang kukuh untuk meyakinkan lagi keyakinan bagi pihak mereka dan ditambah lagi dengan cerita-cerita rekaan dan palsu, seperti Ustaz Mokhtar mati di dalam keadaan "hina-hina", "ngeri" dan lain-lain "fitnah" semata-mata untuk meyakinkan dan membendung ahli-ahli mereka supaya benar-benar taksub terhadap amalan dan kepercayaan mereka.

Bagi mereka, sesiapa yang meninggalkan kumpulan akan ditimpa "bala" dan "ujian besar" dengan berbagai musibah dan sehingga boleh membawa maut. Lantaran ini, maka takutlah ahli-ahli Arqam yang setia untuk bertindak sewenang-wenangnya, patuh dan taat atas segala arahan dari pucuk pimpinan.

Bagi mereka (ahli-ahli Darul Arqam) isu ini telahpun selesai setelah Haji Ashaari menerbitkan buku keramat yang berkulit hijau bertajuk "Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam" dianggap sebagai kitab terpenting di dalam perjuangan mereka. Disamping itu juga pihak Kerajaan tidak pula mengambil apa-apa tindakan dan men-

ganggap isu tersebut telahpun ditutup dan selesai.

Untuk menguatkan kedudukan mereka di kalangan masyarakat yang kini telah mulai sangsi terhadap mereka, mereka akan terus mencari jalan apakah isu-isu semasa yang boleh membantu pihak pemerintah supaya melupai soal-soal yang ditimbulkan terhadap mereka. Kebetulan isu "Syiah" telah diperkatakan oleh setiap golongan masyarakat.

Mereka akan mengambil kesempatan dengan mengadakan ceramah di seluruh pelusuk negara berkenaan dengan bahayanya "Syiah" sehingga dapat berceramah di dalam Dewan Persidangan Negeri Terengganu dan sehingga sebuah buku tentang bahayanya "Syiah" ditulis.

Tetapi yang anehnya, apakah mereka tidak sedar atau di atas kejahilan mereka sendiri bahawa konsep "Imam Mahadi" dan "takhtiah" (tipu helah) yang mereka yakini selama ini adalah seratus peratus menyamai dengan keyakinan orang-orang "Syiah". Yang berbezanya ialah bakal Mahadi dan tempat yang akan keluar.

Al-Arqam mempercayai Sheikh Suhaimi sebagai bakal Imam Mahadi dan akan timbul di Alas Ketonggo di Pulau Jawa dan bagi pihak Syiah pula bakal Imam Mahadi ialah imam mereka yang kedua belas dan akan timbul di Sardap, Iran.

Berlebih-lebih lagi baru-baru ini sambutan yang begitu hangat yang telah ditunjukkan oleh masyarakat yang mengunjungi "expo" - anjuran Darul Arqam di Kuala Lumpur dan yang paling terakhir sekali ialah di Kuala Terengganu dengan dihadiri oleh Menteri Besar Terengganu Datuk Sri Wan Mokhtar merasmikannya dan disambut pula dengan berbagai pujian terhadap anjuran berkenaan oleh pemimpin-pemimpin masyarakat tempatan.

Dengan insiden-insiden seumpama inilah yang membuat masyarakat keliru dan bingung di manakah pendirian pihak ulama-ulama dan pihak Kerajaan terhadap kumpulan ini. Apakah mereka meredhai dan merestui ke atas

kesesatan mereka ini terutama muda-mudi yang masih mentah dan jahil tentang soal-soal keyakinan mereka ini yang dianggap suci dan berkerohanian tetapi yang sebenarnya adalah amalan kebatinan dan ilmu-ilmu dunia bertopengkan Islam ala "dakwah".

Dengan ini saya merayu kepada pihak-pihak yang berkenaan yang sayangkan supaya umat-umat Islam tidak terpesong lebih jauh lagi supaya bertegas dan tidak teragak-agak lagi untuk membuat sebarang tindakan dengan apa cara sekalipun setelah gagal dengan cara berdiplomasi selama ini.

Lebih sedih lagi bagi diri saya beberapa orang adik kandung saya masih lagi berkecimpung dengan aktif secara sepenuh masa di dalam kumpulan ini sehingga sanggup meninggalkan kampung halaman dan ibunya yang sedang sakit lumpuh hampir dua tahun.

Ibu yang sentiasa mengharap jasa bakti anak-anak untuk membantunya di dalam keadaan yang sedemikian kini telah menghilangkan diri. Inilah satu konsep pegangan Darul Arqam, sanggup meninggalkan ibubapa dengan apa keadaan pun demi untuk kepentingan kumpulan mereka.

Sekali lagi saya memohon bersungguh-sungguh supaya pihak tertentu bekerjasama menyelamatkan mereka yang betul-betul ikhlas meninggalkan kumpulan ini dan mereka boleh terus berjuang untuk Islam di dalam mana-mana pertubuhan yang lebih jelas akidah dan matlamatnya - bekas ahli Arqam yang setia, Kota Baharu, Kelantan."

Pada 12 Mei 1988, dalam ruangan Forum - Utusan Malaysia seorang pembaca yang mengenali dirinya sebagai Syed Abdullah Syed Osman dari Seremban, Negeri Sembilan ada menyentuh tentang perlu Arqam didaftarkan. Antara lain beliau menulis "Saya rasa sudah sampai masanya pertubuhan atau pun sekumpulan yang sudah pun mempunyai anggota-anggota dan ahli-ahli serta badan yang bertanggungjawab untuk mentadbirkannya seperti pertubuhan Al-Arqam ini didaftarkan secepat mungkin.

Tidak ada sebab mengapa pertubuhan Arqam ini dikecualikan dan dibiarkan begitu sahaja tanpa apa-apa tindakan diambil ke atas mereka.

Nampaknya seolah-olah ada hak istimewa pula telah diberikan kepada perkumpulan Arqam itu atau pun mungkin pihak tertentu merasa segan dengan contoh keIslaman yang dibawa oleh anggota-anggota Arqam ini.

Walau bagaimanapun pada pendapat saya undang-undang tetap undang-undang dan semua rakyat di negara ini mesti mematuhi. Contoh tauladan yang ditunjukkan oleh para jemaah Arqam itu baik tetapi pada diri saya Islam itu eloklah sederhana dan agama Islam yang sebenarnya tidak memberatkan kita.

Ianya mudah jikalau sekiranya kita memahami benar-benar akan erti dan tuntutan yang dikehendaki di dalam Islam.

Rasulullah S.A.W. menegakkan Islam di tengah-tengah masyarakat dan bergaul dengan semua peringkat masyarakat tidak kira Islam atau pun kafir. Begitu juga waris-warisi nabi dan para wali.

Mereka ini juga hidup dan bergaul dengan semua orang dan berbuat baik dengan semua orang. Tidak ada beza membeza kerana semua manusia adalah sama dan semua adalah berhak selagi mereka hidup.

Hukum dan peraturan yang dituntut di dalam Islam adalah tetap dan tidak boleh diubah tetapi cara hidup dan adat resam boleh kita sesuaikan dan diubah sedikit dengan keadaan dan suasana semasa.

Dari satu segi Arqam lebih hebat dari Freemasonry Antarabangsa dan UMNO (asal).

Walaupun beberapa pihak menasihatnya supaya mendaftar ia masih "berdegil" dan bertahan kerana baginya tidak perlu daftar kerana sebab-sebab yang mereka sendiri tahu.

Freemason satu pertubuhan sulit Yahudi didaftar menurut Akta Pertubuhan. Kalau kalangan rakyat umum tidak tahu siapa pemimpin-pemimpinnya, bagaimana ia

mengutip wang dan bagaimana pula wang itu diuruskan, pihak Pendaftar Pertubuhan sendiri patut tahu. Sama ada pegawai ini tahu atau tidak soal kedua.

UMNO (asal) yang telah banyak berjasa kepada orang Melayu dan negara pun tertakluk kepada Akta Pertubuhan. Bila ada cawangan-cawangannya ditubuh tanpa mendapat kebenaran Pendaftar, Pertubuhan Mahkamah Tinggi mengistiharnya sebagai pertubuhan tidak sah.

Di sinilah letaknya kehebatan Arqam.

Arqam sanggup menerbitkan buku tentang "Bahaya Shiah". Mungkin ada membawa manfaat bagi pembaca-pembaca menatap rencana ini yang ditulis oleh K.B. yang pernah distarkan oleh Mingguna Kota.

ABIM HENDAK KE MANA

Satu lagi pertubuhan Islam yang kini mempunyai sikap yang anih terhadap politik ialah ABIM atau Angkatan Belia Islam Malaysia. Satu ketika dahulu ia begitu lantang memperjuangkan Islam, menentang segala bentuk penyalahgunaan kuasa dan macam-macam lagi. Hubungannya dengan PAS juga beberapa tahun dahulu sangat intim.

Tetapi kini ia seolah-olah sudah hilang haluan. Segi ideologinya juga pun menimbulkan keraguan dan Setia Usaha Agung PAS sendiri Ustaz Haji Hassan Shukri pernah berkata satu hari nanti ABIM mungkin jadi badan sekular dan nasionalis.

Satu masa dahulu ABIM sangat dicuragi oleh orang-orang UMNO. Betul atau tidak ia dianggup seperti semacam "sayap tidak rasmi PAS." Dan pada pilihanraya 1982 dan sebelum itu ahli-ahli ABIM secara individu masing-masing berkempen cergas untuk PAS.

Tokoh dakwah yang terkenal di rantau ini Pak Nasir sendiri dalam satu ceramah beberapa tahun dahulu telah

menyatakan kalau tidak pun menasihati ahli-ahli ABIM bahawa "mereka mesti bertindak sebagai memberi "blood transfusion" - memberi darah baru kepada PAS.

Nasihat ini bagaimana pun diturut juga oleh tokoh-tokoh seperti Haji Fadzil Nor, Ustaz Nakhale Ahmad, Haji Hadi Awang dan Datuk Hishammudin. Nampaknya hanya "jeneral" dalam ABIM yang tidak terima nasihat itu.

Keadaan "pasif" ABIM kini baru-baru ini dipersoal oleh bekas pemimpin pelajar yang dahulu sama-sama berjuang dengan pemimpin-pemimpin ABIM.

Pemimpin yang dimaksudkan yang juga bekas Exco Pemuda UMNO Haji Ibrahim Ali telah menyelar beberapa bekas tokoh-tokoh ABIM seperti Kamaruddin Jaafar dan Kamaruddin Mohamed Nor.

Menurut Haji Ibrahim mereka dahulu menganggap diri mereka sebagai pembela hak rakyat.

Haji Ibrahim kesal bahawa dengan adanya berbagai penyalahgunaan kuasa, rasuah dan penyelewengan yang berlaku sekarang pemimpin ABIM mendiamkan diri walhal mereka sedar apa sedang berlaku.

Ahli-ahli ABIM kini harus memikirkan implikasi kenyataan Ustaz Hassan Shukri dan juga nasihat Pak Nasir. Menjadi tanggungjawab mereka supaya ABIM tidak keluar dari landasan.



Anwar Ibrahim

Manakala hampir semua leftenan-leftenan ABIM menyertai PAS dan sekaligus menghayati nasihat Pak Nastr, "jeneral" ini memilih UMNO yang kini sudah pecah dua atau lebih.

Beliau pilih UMNO "kerana kagum dan yakin dengan pentadbiran dan corak perjuangan Datuk Seri Dr Mahathir dan UMNO memberi ruang kepada saya dan saya memberi sokongan penuh kepada Perdana Menteri dan parti yang beliau pimpin."

Kini selepas beberapa tahun dalam UMNO bukan sahaja Anwar tetapi rakyat kagum dengan pentadbiran dan corak perjuangan Dr Mahathir. Bukankah semasa pentadbiran Dr Mahathir Ketua Audit Negara Tan Sri Ahmad dikecam hebat oleh para juak-juak pemimpin-pemimpin UMNO, bekas Ketua Hakim Negara Tun Salleh Abas dipecat setelah diTribunal dan lima hakim Mahkamah Agung diTribunal?

Apakah corak perjuangan Dr Mahathir dan UMNO (Baru) yang memberi ruang baginya memberi sokongan penuh (support all the way)? Perjuangan di mana kuasa disalahgunakan? ISA diperketatkan lagi dan doktrin pengastangan kuasa serta kebebasan pihak kehakiman dinodai?



Ustaz Fadil Noor

*Timbalan Yang di Pertua PAS dan bekas orang kuat ABIM.
Bellau menghayati "nasihat" Pak Nasir.*

PEMECATAN TUN SALLEH ABAS

Pada 8 hb Ogos 1988, Tun Salleh telah dipecat dari jawatan Ketua Hakim Negara. Beliau dipecat setelah tribunal 6 hakim bagi mendengar kesnya mengesyorkan tindakan sedemikian.

Tun Salleh menghadapi lima tuduhan dan satu darinya secara ringkas ialah "Tun Mohamed Salleh Abas dikatakan menerbit dan menyiarkan kenyataan tidak benar mengenai penggantungannya sebagai Ketua Hakim Negara bertujuan "mempolitikkan isu itu di antara kerajaan dan dirinya" serta seterusnya memperkecil-kecilkan kerajaan."

Pemecatan Tun Salleh dibuat mengikut Perkara 125 (3) Perlembagaan Persekutuan.

Tribunal yang dilantik untuk mendengar kes Tun Salleh telah ditubuhkan mengikut Perkara 125 (3) dan (4).

Sebelum diperkatakan tentang pemecatan itu adalah "ajaib" bahawa kebetulan pula pemecatan Tun Salleh berkuatkuasa pada 8 Ogos (bulan lapan) dan pada tahun

1988. Menurut cerita tarikh macam ini hanya berlaku sekali dalam 100 tahun. Menurut akhbar "Cetusan Hati Nurani Rakyat", Mingguan Malaysia pada 7 Ogos 1988 dalam ruangan "Senyum Kambing" - Kaum India percaya angka lapan bawa siul. Bagaimanapun bagi kaum Cina pula angka dan hari itu membawa tuah dan "ong". Tetapi bagi orang Islam angka itu hanya angka biasa yang tidak membawa apa-apa erti. Bagaimanapun ada segelintir manusia yang taksub dengan angka 19.

Pemecatan Tun Salleh dan caranya telah mengikut saluran undang-undang, cuma yang rakyat dapat "cium" ialah nama UMNO turut diseretkan.

Menurut laporan Tribunal, ia berpuas hati bahawa Tun Salleh tidak mempunyai asas untuk membuat kenyataan kononnya beliau dipecat daripada jawatannya secara tidak adil sebab beliau telah menunjukkan sifat memihak dalam kes-kes yang melibatkan UMNO.

Laporan Tribunal juga menyebut tentang Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Salehuddin Mohamed sebagai saksi pertama Tribunal. Menurut laporan itu satu pertemuan pada 27 Mei telah berlangsung antara beliau, Dr Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba.

Laporan Tribunal itu menyebut sebagai berkata Tan Sri Salehuddin tidak ingat kes UMNO disebutkan apabila Dr Mahathir memberitahu Tun Salleh bahawa Yang di-Pertuan Agong mahu beliau melepaskan jawatan Ketua Hakim Negara.

Pertemuan itu berlangsung kira-kira lima hingga enam minit. Tan Sri Salehuddin tidak ingat Dr Mahathir berkata kes-kes UMNO menjadi sebab Seri Paduka Baginda meminta Tun Salleh meletakkan jawatan.

Seperti yang diperkatakan dalam bahagian lain buku ini, Dr Mahathir memang seolah-olah kurang senang dengan tindak-tanduk hakim dalam satu-satu kes.

Beliau juga sangat "cemburu" bila hak rakyat disentuh. Ini memanglah wajar kerana beliau adalah Perdana Menteri



Tun Salleh

Isu pemecatan Tun Salleh merupakan satu dari isu-isu dalam pilihan raya kecil Johor Baharu. Selepas Datuk Shahrir bertanding sebagai calon bebas, menang beliau telah "mendedikate" kemenangannya sebagai hadiah hari Jadi Tun Salleh kepadanya. Tun Salleh mencapai usia 59 tahun pada 25 Ogos 1988.

"Adalah molek (nice) baginya (Datuk Shahrir) membuatnya. Ia sesuatu yang memeranjatkan saya. Saya dilahir dan besar di kampung dan tidak pernah menyambut hari jadi saya." kata Tun Salleh.

sebuah negara di mana rakyat memilih pemimpin. Seperti kita tahu ahli-ahli UMNO sendiri pada perhimpunan agung 1987 memberi beliau kemenangan dalam rebutan jawatan presiden parti yang kini sudah disyithar tidak sah. Soal tipisnya kelebihan undi yang dimenangi tidak timbul kerana ia adalah "kemenangan mutlak" dalam sistem yang berjalan di negeri ini.

Pada 3 Julai semasa berucap di perhimpunan Semarak negeri Sarawak di Kampung Pinang Jawa dekat Kuching, Dr Mahathir di laporkan sebagai ada pihak di institusi-institusi tertentu sedang cuba mengambil alih kuasa dari rakyat.

Pihak tersebut, katanya, cuba membelakangkan undang-undang dan juga sistem pemerintahan yang ada.

Beliau juga memyebut bahawa "jika golongan segelintir ini berkuasa, mereka akan bertindak mengikut nafsu."

Bagaimanapun kerajaan, katanya sedar usaha-usaha tersebut dan menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan membelakangkan sistem pemerintahan negara ini.

Kerajaan, katanya tidak mahu mana-mana institusi yang sepatutnya menjayakan keadilan dan keamanan diperalatkan oleh pihak-pihak yang bernafsu besar.

Dr Mahathir selanjutnya menyeru rakyat mempertahankan demokrasi kerana terdapatnya segolongan lain yang dilantik memegang jawatan tertentu dan bukan dipilih oleh rakyat ingin menggunakan kedudukan mereka untuk merebut kuasa.

Beliau juga menegaskan bahawa sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab pimpinan sekarang akan terus berusaha mengekalkan demokrasi, dan menambah "kita tidak mahu kepentingan negara diperolehi oleh orang-orang tertentu sahaja, kerana rakyat Malaysia berkuasa melalui demokrasi.

Adalah lebih selamat bagi pembaca-pembaca sendiri membuat andalaan kepada siapa kah kecaman itu di tuju.

Pertemuan empat tokoh negara pada 27 Mei 1988 di bilek pejabat Perdana Menteri akan tercatat dalam "Hari Ini

Dalam Sejarah” kerana pada hari itu Dr Mahathir telah memberitahu Ketua Hakim Negara Tun Salleh Abas beliau dikehendaki berhenti dari jawatannya.

Tun Salleh, sebagai seorang peguam dan apatah lagi memegang jawatan tertinggi dalam kehakiman telah mencatat butir-butir yang berlaku pada pertemuan yang memakan masa tidak lebih dari lapan minit.

Menurutnya apabila beliau sampai di Jabatan Perdana Menteri beliau telah disambut oleh beberapa anggota polis yang mengiringnya ke dalam lif ke bilek menanti. Selepas menunggu antaran dua atau tiga minit beliau dibawa masuk bilek Pejabat Perdana Menteri.

Dalam bilek ketika itu ialah Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Sallehuddin Mohamed.

Tun Salleh memberi salam dan mereka yang hadir menyambut salam. Selepas beliau duduk Dr Mahathir memberitahu bahawa ia ada tugas yang kurang enak untuk dijalankan dan bila ditanya Dr Mahathir berkata DYMN Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong telah menyuruhnya (Dr Mahathir) memberitahunya (Tun Salleh) bahawa saya dikehendaki meletak jawatan.

Tun Salleh mengucap “Subhanallah, Allah yang tidak mempunyai sekutu.”

Bila Tun Salleh bertanya sebab-sebabnya Dr Mahathir menjawab bahawa beliau tidak bersedia untuk berhujah dengannya (Tun Salleh) tetapi akhirnya menyatakan sebabnya ialah saya telah menulis surat kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong mengenai keadaan hubungan antara pihak kehakiman dan Eksekutif.

Perdana Menteri kemudian memberitahu bahawa saya telah membuat beberapa ucapan menandakan bahawa saya ini berat sebelah dan saya ini tidak layak menghakim kes-kes UMNO.

Saya (Tun Salleh) memberi tahunya bahawa saya tidak berkata demikian dan ucapan-ucapan saya hanya berkisar

dengan kecaman yang dihalakan terhadap kehakiman. Saya tidak berat sebelah atau memihak dalam perkara-perkara politik. Semasa semua ini sedang berlaku Encik Ghafar hanya tunduk manakala Tan Sri Sallehuddin membuat catitan pada satu buku nota.

Oleh kerana tidak apa lagi yang hendak dibincangkan saya berkata "Datuk Saya tidak harus menghabiskan waktu sesiapa. Saya bersalaman dengan Dr Mahathir, Encik Ghafar dan Tan Sri Sallehuddin.

Encik Ghafar tidak berkata apa-apa manakal Tan Sri Sallehuddin kelihatan tunduk sahaja (appeared to be subdued).

Perdana Menteri sendiri sejak mula hingga akhir pertemuan tidak memandangi saya dan setiap masa tunduk memandangi mejanya.

Saya meninggalkan bilek dan nampak hanya seorang anggota polis di luar bilek yang kelihatan seolah-olah terperanjat melihat saya di situ. Semasa saya di bawah tiada siapa yang mengiringi saya dan tidak seorangpun yang memanggil pemandu menjemput saya dan saya terpaksa mencari pemandu saya.

Saya juga membuat catitan: Masa hadapan saya berkait dengan nasib negara. Saya datang dari keluarga yang tidak terbilang dan saya sudah sampai ke kemuncak profesion saya. Saya tidak berniat untuk meletakkan jawatan hingga saya berumur 65 seperti pemegang-pemegang jawatan Ketua Hakim Negara yang terdahulu melainkan Sultan Perak. Sultan Perak melepaskan jawatan itu kerana panggilan tugas menjadi Sultan Perak.

Saya menyerah nasib saya kepada Allah dan oleh kerana hari itu hari Jumaat saya menyebut yang lebih kurang maksudnya "tiada melapetaka akan menimpa seorang itu melainkan yang telah ditentukan Allah. Dia adalah Pelindung yang orang-orang beriman harus meletakkan keyakinan."

Ayat Quran ini terlintas pada hati saya semasa saya

memasuki pintu Pejabat Perdana Menteri dan "ingati" semasa perbualan kami hinggalah saya keluar dari kamar Perdana Menteri.

Demikian antara lain catitan (account) Tun Salleh seperti yang tersiar oleh lidah rasmi DAP keluaran Jun/Julai 1988.

MALAYSIA TIDAK AKAN JADI MACAM FILIPINA

Bekas Ketua Hakim Filipina Encik Claudio Teehankee yang telah melawat Malaysia memberi satu ucapan kepada umum pada awal bulan Julai 1988 dengan tajuk "Kembali pulihnya Demokrasi Berperlembagaan di Filipina di Universiti Malaya."

Beliau menegaskan bahawa kebebasan kehakiman (judiciary) amat penting dalam sistem demokrasi bagi menguatkuasa prinsip-prinsip perlembagaan.

Dalam sistem demokrasi kehakiman yang bebas memastikan pengasingan kuasa yang di kongsi oleh pihak eksekutif, pihak badan perundangan dan pihak kehakiman.

Encik Teehankee berkata semasa Marcos memerintah pihak kehakiman telah di lucutkan kuasanya.

Presiden Marcos meminda beberapa bahagian perlembagaan bagi memperkukuhkan kedudukannya. Beliau telah membubarkan mahkamah dan mengenakan undang-undang tentera.

Banyak orang telah ditahan tanpa bicara dan bagi waktu yang panjang.

Encik Teehankee berkata bila Mahkamah Agung meminta sesuatu maklumat dari Presiden Marcos beliau "mencap" dokumen itu sebagai rahsia.

Menurut Encik Teehankee apabila rakyat tidak tahan lagi dengan pentadbiran Marcos mereka telah bangun menentangnya dan kini Filipina adalah sebuah negara demokrasi dan kini membangun negara yang kuat berasaskan keadilan, kebebasan dan demokrasi.

Kalau kita bandingkan keadaan negara kita kini tidak mungkin keadaan yang pernah berlaku di Filipina berlaku di Malaysia.

Sejak bulan Jun membawalah kepada pertengahan bulan Ogos 1988 rakyat banyak memperkatakan kes "gantug-gantung" jawatan hakim Mahkamah Agung termasuk Ketua Hakim sendiri Tun Salleh Abas.

Pada bulan Mac perlembagaan telah dipinda tujuannya untuk "menjelaskan kedudukan" dan membetulkan keadaan-keadaan yang kabur.

Walaupun bilangan rakyat yang ditahan di bawah ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri) tidak begitu ramai tetapi mereka adalah pemimpin-pemimpin yang mempunyai penyokong yang bukan kecil.

Kini negara ada Akta Rahsia Rasmi (OSA) yang tidak kurang "hebatnya". Manakala di Filipina hanya Presiden Marcos dan pegawai-pegawai tertentu sahaja yang boleh mengcop satu-satu dokumen sebagai rahsia, di Malaysia Setia Usaha Kerajaan Negeri pun ada kuasa untuk "mengklasify" dokumen sebagai rahsia.

Tidak mungkin Malaysia menjadi macam Filipina. Apatah lagi bila orang No 2 dalam Kerajaan Malaysia berkata Dr Mahathir tidak bertindak sebagai seorang diktator dalam kepimpinannya walaupun Dr Mahathir memegang banyak Kementrian.

Malah menurut Encik Ghabar Baba dalam apa-apa

mesyuarat sama ada sidang kabinet atau majlis tertinggi parti setiap orang berpeluang bercakap dan memberi pandangan.

Encik Ghafar pernah dipetik sebagai berkata "bukan sahaja perkara besar, tetapi perkara yang kita anggap kecil turut dibawa (oleh Dr Mahathir) kedalam mesyuarat seperti soal pakaian menteri dan pokok apakah yang paling sesuai ditanam di pinggir jalan dibincangkan untuk memuaskan hati semua pihak.

Pada 10 Ogos Encik Ghafar selepas mengetuai perarakan pada hari penamaan calon Barisan Nasional pilihanraya kecil Parlimen Johor Baharu Haji Ma'sud Abdul Rahman dilaporkan sebagai berkata bahawa pilihanraya itu adalah bukti jelas demokrasi wujud di Malaysia dan Malaysia bukan sebuah "negara polis" sebagaimana didakwa oleh sesetengah pihak.

FREEMASONS

Kenyataan Datuk Raja Nasron melancarkan buku "Freemasons Murtad" telah disiarkan oleh Harian Kota 25 Julai 1986. Kenyataan penuh ialah seperti berikut:

Kenyataan Datuk Raja Nasron Ishak mengenai buku Freemason Murtad? oleh Yusof Jalil.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Saudara Yusof Jalil kerana berjaya menerbitkan buku mengenai Freemason yang sedang di dalam pasaran sekarang.

Akhir-akhir ini saya mendapati banyak buku ditulis oleh penulis-penulis mengenai pergolakan politik dalam negara. Bagaimanapun tidak banyak buku mengenai Freemason ditulis dan kerana itu masih ada rakyat yang kabur pengetahuan mereka mengenai Freemason.

Saya harap lebih banyak penulis-penulis akan tampil untuk membongkar isu Freemason yang hanya menjadi persoalan kini.


Mungkin perkara ini disebabkan penulis kurang berani mendedahkan perkara 'kongsi gelap' Yahudi Zionis ini kerana ramai tokoh-tokoh terkemuka dan yang berkuasa terba-bit dalam Freemason sebagai ahlinya.

Sehubungan dengan ini saya sedang menimbang untuk menubuhkan satu jawatankuasa yang akan membela penulis-penulis yang menulis buku atau rencana berkenaan Freemason. Jika mereka dikenakan tindakan yang berhubung-kait dengan penulisan Freemason maka langkah-langkah dapat diambil membela mereka.

Bagaimanapun ini akan dilakukan hanya selepas jawatankuasa itu memikirkan perlu dan wajar penulis-penulis itu dibela.

Saya juga kesal kerana simdrom bisu sudah menyerang pemimpin-pemimpin kita khusus mengenai isu Freemason.

Permintaan saya supaya Encik Anwar Ibrahim, Ketua Pemuda UMNO, Datuk Seri Sanusi Junid, Setiausaha Agung UMNO dan Naib Presiden merangkap Pengerusi Biro Dakwah, Datuk Wan Mokhtar Ahmad menyatakan pendirian mereka mengenai Freemason tidak disahut. Adakah pemimpin ini menganggap isu Freemason tidak perlu diperkatakan lagi?



Datuk Harun Idris

Pemimpin yang sangat sayang dan berkorban apa sahaja untuk UMNO. Pernah menolak tawaran jadi ahli Freemasons oleh pegawai yang lebih kanan darinya untuk menyertai Freemasons walaupun telah dijanji bahawa dengan menyertainya "kepentingannya akan diperlihara". Semasa itu Datuk Harun menjadi seorang majlstrat.




Hj Yusof Rawa

Bellaulah wakil Rakyat yang pertama yang mengemukakan soalan mengenai Freemasons dalam Dewan Rakyat. Adalah dipercayai beliau juga orang pertama di Malaysia yang telah menerbitkan buku "Protokol YAHUDI" (Protocols of the Elders of Zion) dalam bahasa Malaysia, bagi menyedarkan rakyat tentang bahaya Zionisme.



Datuk Raja Nasron

Seorang tokoh politik yang tidak pernah jemu dan tidak mahu kalah dalam penentangannya terhadap pertubuhan rahsia Yahudi - Freemasons.



Taib Abbas

Sejak 1976 atas sifatnya sebagai Ketua Pemuda UMNO Brickfields dan selepas itu Setiausaha dan Ketua Cawangan UMNO (46) Brickfields Mohd Taib banyak membuat kenyataan-kenyataan mengenai Freemasons. Beliau telah menulis/menyusun 5 (lima) buah buku mengenai Freemasons. Buku-buku itu ialah - Freemasons-Apa Pendapat Mereka 2) Freemasons - Apa Salahnya Masuk Freemasons-Jawapan 1 dan 2. 4) Balai Freemasons - Parlimen Mana Gagah? 5) Jatuhnya kerajaan Dek Freemasons.

Beliau ialah bekas Setia-usaha Sementara Agong Islamic Solidarity Action Front (ISAF) yang antara tujuannya ialah mendedah musuh-musuh umat Islam. Bagaimanapun ISAF tidak dibenarkan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan ketika itu, Encik Kasim Amin, dengan alasan "di ketuari akan mempunyai hubungan dengan luar negeri."

Mungkin dari kaca mata pihak-pihak tertentu Freemasons, Rotary dan Kelab Lions "tidak ada hubungan dengan luar negeri."

ULASAN BUKU FREEMASONS MURTAD

Keep Badul telah mengulas dua buah buku mengenai Freemasons yang ditulis oleh Yusof Jalil - Freemason Di Malaysia Dibela? dan " Freemasons Murtad". Harakah bertarikh 25 Dis 1987 telah menyiarkannya. Ikutilah ulusannya.

Di Malaysia usaha-usaha selalu dibuat untuk menggambarkan bahawa isu Freemasons hanyalah soal agama - bahawa ia menyalahi Islam.

Bila ia digambarkan sebagai 'isu Islam,' dengan sendirinya orang bukan Islam tidak akan menghiraukannya. Dan sebahagian orang Islam Malaysia juga tidak ambil pusing seperti adanya golongan Islam yang sudah tidak lagi peka dengan kegiatan judi, arak dan dadah. Malah ada orang Islam yang terlibat secara langsung memiliki dan mengurus kedai-kedai nombor ekor dan memiliki saham-saham dalam syarikat-syarikat yang menjalankan kegiatan perjudian.

Ucapan sulung Dr Mahathir selaku Presiden UMNO

pada 10 September 1982 sangat menarik. Menarik kerana buat pertama dalam sejarah ucapan-ucapan yang dibuat oleh Presiden-persiden UMNO seorang anggota UMNO dituduh 'biadab.'

Walaupun nama anggota yang dituduh 'biadab', tidak dikenalpasti oleh Presiden UMNO itu, siapa yang telah mengikuti isu Freemasons dengan teliti akan dapat mengagak siapa dia yang dimaksudkan.

Anggota 'biadab' ini bukanlah ahli biasa kerana beliau pernah mengetahui sebuah bahagian UMNO di Selangor dan juga menjadi Wakil Rakyat.

'Jenayah' anggota ini hingga dituduh 'biadab' adalah kerana beliau ini 'konsisten' dan tiada jemu menentang gerakan rahsia Yahudi, Freemasons.

Ucapan sulung Dr Mahathir yang menyentuh mengenai selaran terhadap anggota ini dan juga isu Freemasons dimuat sepenuhnya dalam buku, **Freemasons Di Malaysia Dibela?**

Susah juga hendak menentukan sikap Presiden UMNO ini mengenai Freemasons kerana dalam satu nada beliau berkata 'orang Islam tidak sepatutnya menjadi ahli Freemasons.'

Beliau mengakui bahawa: "Setiausaha Kerja kita (ketika itu Kamarulzaman Bahadun atau KIP) memang biasa menjadi ahli Freemasons. Sebabnya ialah kerana fesyen semasa."

Dengan ini sikap beliau terhadap Freemasons menimbulkan tandanya apatah lagi orang yang mempersoalkan isu Freemasons 'secara konsisten' dituduh biadab. Bagaimanapun adalah lebih adil pembaca-pembaca sendiri meneliti ucapan Presiden UMNO ini dan mengambil kesimpulan sendiri.

Sebky Latif, ada juga mengulas ucapan itu dalam ruangan *Fokus* dalam akhbar **Watan** pada 17 September 1982.

Ulasannya termuat dalam buku Yusof Jalil **Freema-**

sons di Malaysia Dibela? Dan Yusof sendiri turut mengulas ucapan Presiden UMNO.

Buku ini juga mengandungi Bab 'Coret-Coret Freemasons' di mana terdapat pandangan-pandangan beberapa tokoh-tokoh mengenai gerakan rahsia Zionis ini.

Apakah sikap Datuk Seri Sanusi Junid mengenai Freemasons? Adakah beliau 'konsisten?' Pandangan beliau juga termuat dalam bab ini.

Bekas Pemangku Setiausaha Agung ABIM Encik Sidek Baba pula seolah-olah mempertikaikan peranan akhbar dalam isu 'rumah hantu' ini.

Beliau hairan kerana dalam isu Freemasons, akhbar-akhbar tidak 'menyinga' atau 'ghairah' memperkatakannya tetapi bila timbul isu dua imam (satu isu yang dihebohkan satu masa dahulu) akhbar-akhbar mengambil kesempatan seluruh mungkin untuk melakukan eksploitasi yang berpanjangan.

Katanya, 'Akhbar-akhbar berkenaan membisu seribu bahasa walaupun kemerbahayaan Freemasons itu sudah jelas.'

Juga termuat dalam Bab ini pandangan Tun Patinggi Haji Abdul Rahman Yakub dan Tun Mustapha Datuk Harun yang pernah pada suatu ketika dahulu terlibat dengan gerakan rahsia ini. Demikian juga ulasan oleh Presiden Aliran Dr Chandra Muzaffar yang baru bebas dari ditahan di bawah ISA.

Bab akhir buku ini menyiarkan nama-nama hampir 30 ahli Freemasons. Nama-nama ini bolehlah dikira sahih kerana ia dikutip dari buku **Masonic Year Book 1974**.

Nama-nama itu termasuk antara lain seorang Ketua Menteri, dua bekas pegawai tinggi polis, dua bekas setiausaha negara, seorang bekas setiausaha tetap Kementerian Pertahanan, seorang bekas Ketua Turus Angkatan Tentera dan seorang bekas Ketua Hakim Malaysia. Juga seorang Hakim Mahkamah Tinggi yang masih bertugas dan beberapa bekas Wakil Rakyat.

Kerajaan Itali pernah jatuh apabila dua orang Menteri dan berpuluh-puluh pegawai tinggi Kerajaan terlibat dalam Freemasons. Tidak mustahil sekiranya isu bahaya Freemasons patut tergolong dalam soal keselamatan negara.

Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Hussein Onn, telah melantik sebuah jawatankuasa untuk mengkaji kegaitan-kegiatan Freemasons.

Hasil dari pertanyaan anggota PAS dalam Dewan Rakyat Haji Nik Abdul Aziz pada 25 Oktober 1978 yang bertanya apakah jenayah yang dilakukan oleh ahli Freemasons yang memerlukan mereka bertaubat, Tun Hussein telah mengumumkan keputusan-keputusan jawatankuasa tersebut.

Rumusan-rumusan jawatankuasa itu terkandung dalam Bab 'Freemasonry Menyalahi Aqidah Islam' buku susunan Yusof Jalil yang kedua mengenai Freemason **Freemason Murtad?**

Dalam Bab 'Ahli-ahli Freemasons Murtad' dimuatkan surat daripada Setiausaha Rabitah Islam, Muhammad Ali, kepada Ketua Pegerakan Muhammadiyah di Jakarta. Antara lain surat itu menyatakan bahaya Freemasonry.

Surat itu juga mengusulkan supaya ulama-ulama Islam yang aktif mengadakan muktamar khusus membahas organisasi rahsia Freemasonry dan cabang-cabang yang bertujuan menghancurkan Islam.

Mungkin ada baiknya Persatuan Ulama Malaysia (PUM) mengadakan perbincangan yang disarankan oleh Rabitah kepada gerakan Muhammadiyah walaupun surat seperti itu tidak dikirim kepada PUM.

Buku ini juga mengutip dari buku **Perbandingan Agama-agama Yahudi** oleh Prof Dr Ahmad Shalaby mengenai lafaz sumpah yang dikenakan terhadap ahli Freemason serta hukumannya jika membocorkan rahsia-rahsia Freemasons.

Rabitah Islam yang bersidang di Mekah pada 14-18

Rabi'ulawal 1394 membuat beberapa ketetapan mengenai Freemasons.

Ia juga menggariskan tanggungjawab pertubuhan-pertubuhan Muslim untuk membongkar dan mendedahkan badan sulit itu.

YUSOF JALIL PERSOAL DATUK ASRI

Yusof Jalil menyatakan rasal "musykilnya" terhadap sikap Datuk Asri. Surat ini disiarkan oleh Harian Kota dalam keluaran 29 Julai 1986 dalam ruangan "SURAT".

Saudara Pengarang,

Saya ingin menarik perhatian tentang kemasukan HAMIM dalam Barisan Nasional dan ingin bertanya Datuk Asri: apakah Datuk sekarang sudah tidak meragui Freemason?

Soalan ini saya kemukakan memandangkan satu ketika dulu Datuk Asri ialah orang kuat menentang gerakan Freemason, semasa beliau dalam PAS dulu.

Saya hairan kenapa beliau sanggup membawa HAMIM ke dalam Barisan Nasional sedangkan Barisan adalah parti yang membenarkan gerakan Freemason.

Bukankah Kerajaan Barisan Nasional yang membenarkan gerakan Zionis Freemason yang dianggotai oleh kira-kira 3,000 ahli bergerak bebas kerana terdaftar di bawah Akta Pertubuhan?

Jika Datuk Asri sudah lupa apa yang diucapkan semasa beliau menjadi Presiden PAS, bolehlah rakyat ditanyakan apa yang beliau pernah kata mengenai Freemason.

Tema ucapan beliau, "Survival Umat", pada Muktamar PAS pada 23 Julai 1977 adalah seperti berikut:

"Menegenal Almasoniah atau Freemason, kita adalah tegas meragukannya. Hanya negara yang pernah mengalami pahit maung akibat dari tindak-tanduknya saja yang tahu hakikatnya.

"Malaysia patut mengambil iktibar dari sebahagian negara bukan Islam sendiri. Tentulah ada alasan bagi mereka bertindak demikian."

Supaya perkara semacam "underground" dan gerakan sulit ini tidak mengkelam-kabutkan rakyat khususnya, umat Islam yang sedang menghadapi pembangunan mental dan spiritual, kita menyeru supaya diambil sikap yang positif turut membuat langkah permulaan agar Majlis-majlis Agama Islam negeri-negeri bersama Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia menyusun laporan lengkap tentang Freemason.

Laporan itu hendaklah dikaji dan mengeluarkan fatwa dari majlis fatwa bagi mengharamkan umat Islam menjadi ahlinya, dan pihak kerajaan dapat mengenakan syarat sekatan kepada pertubuhan tersebut dari menerima, apa lagi, memujuk orang-orang Islam menjadi ahlinya.

Pendek kata sebarang anasir yang dikhuatirkan boleh melemahkan sendi-sendi keyakinan kehidupan, sosial, politik dan ekonomi negara, haruslah diambil tindakan. Kesucian agama, keselamatan dan maruah negara adalah mengatasi segala-galanya."

Tidak tahulah kalau Datuk Asri sudah hilang keraguannya terhadap Freemason.

Bekas Presiden dan penasihat Berjasa Datuk Haji Mohd. Nasir dalam ucapan dasarnya di Muktamar pertama parti pada 5 Mei 1978 ada menyebut soal Masjid Aqsa.

Katanya:

"Perjuangan rakyat Palestin makin memuncak dan Israel terus menjalankan kezaliman yang tidak ada batasnya lagi.

Adalah menjadi kewajiban seluruh umat Islam di dunia ini bagi menyatukan tenaga dan berusaha agar Baitul-Maqdis di mana Masjid Al Aqsa yang waktu ini di bawah penjajahan Zionis Israel ditebus kembali ke tangan Islam. Orang Islam perlu sedar pihak Zionis sedang mencari berbagai helah untuk mencemar Masjid Al Aqsa.

Dahulu masjid itu dibakar dan ia dilakukan oleh yang "tidak sihat otaknya." Tetapi pihak Israel masih terus menggali kawasan-kawasan di sekitar masjid itu dengan tujuan pada akhirnya merobohkannya.

Pihak Kerajaan Israel kononnya melakukan galian tersebut kerana hendak mencari tapak Heykal Sulaiman yang dipercayai juga terletak di situ.

SARANAN YUSOF JALIL KEPADA KASSIM AHMAD

Saranan Yusof Jalil telah di siarkan oleh akhbar Watan 1-4 Julai 1986 dalam ruangan Suara Rakyat.

Saya hairan kenapa tokoh yang dulunya memperjuangkan 'Sainstifik Sosialis' hendak membabitkan Haji Abdul Hadi Awang pula selepas bukunya: Hadis Satu Penilaian Semula menimbulkan kontroversi dan telah membawa ciri-ciri negatif di kalangan masyarakat.

Dalam WATAN, **Edisi Sabtu 21-23 Jun** beliau menuh ceramah-ceramah Haji Hadi membawa perpecahan umat Islam di negeri ini. Beliau juga menyarankan supaya ceramah-ceramah itu diharmkan.

Saya rasa pihak berkuasa lebih arif tentang soal ini dan tidak payahlah manusia 'rasional' mengajar itik berenang. Lagipun pentadbiran Datuk Seri Dr Mahathir adalah komited kepada masyarakat liberal. Itulah sebabnya karya Kassim mengenai hadis sendiri belum atau mungkin tidak diharam langsung.

Adakah dalam hati kecil Kassim beliau hendak menyamakan taraf dirinya dengan Ustaz Hadi dari segi mempunyai 'ilmu' yang dalam mengenai Islam?

Lebih hairan saya apabila beliau dilaporkan dalam sebuah tabloid Inggeris sebagai berkata jangan babitkan UMNO dalam kontroversi mengenai bukunya mengenai hadis. Buku itu katanya adalah pandangan beliau sendiri. Tidakkah seorang menyertai parti politik untuk memperjuangkan cita-cita, ideal kepentingan atau kepercayaan masing-masing. Khususnya seorang intelektual dan pemimpin politik seperti Kassim, tidakkah beliau menyertai UMNO semata-mata untuk jadi 'pak turut' sahaja.

Saya rasa jika Kassim 'ada hasrat' hendak menguatkan umat Islam kerana takut berpecah ada lebih baik beliau menggunakan bakat menulis yang memang ada padanya dan pemikiran 'rasional'nya untuk menentang gerakan Freemason Zionis yang memang bertujuan untuk menentang segala agama.

KHUTBAH HJ. HADI

Saudara-saudari muslimin yang dihormati dan dikasihi; Marilah kita memahami dan mengkaji suatu isu atau perkara yang hangat diperbincangkan sejak akhir-akhir ini. Perkara tersebut telah mengaitkan perkara-perkara yang berlaku dalam dunia hari ini seperti kepincangan politik, keruntuhan akhlak dan kemelesetan ekonomi. Semua ini adalah dilakukan oleh kegiatan zionis antara-bangsa ataupun Yahudi.

Marilah kita mengkaji pendedahan yang sebenarnya yang telah dinyatakan oleh Allah di dalam al-Quran yang bermaksud: "Dan telah ditimpakan ke atas mereka (Yahudi) kehinaan dan kepapaan. Namun sewajarnya Allah menurunkan kemurkaannya ke atas mereka itu dengan sebab mereka itu mengkafirkan ayat-ayat Allah, membunuh nabi-nabi dengan apa yang telah dilakukan oleh mereka itu daripada segala perkara yang derhaka dan mereka itu telah melampaui batas-batas Allah SWT."

Allah telah menceritakan kepada kita memang bangsa Yahudi, yang dulunya dipilih oleh Allah SWT sebagai bangsa

yang ramai di kalangan mereka nabi-nabi dan rasul-rasul. Mereka ditimpa kehinaan dan melarat di atas muka bumi kerana tindakan yang dilakukan oleh mereka sendiri. Apabila mereka tidak bersyukur ke atas nikmat-nikmat Allah mereka telah melakukan kerja-kerja jahat dan zalim.

Di antara perkara yang dilakukan oleh mereka ialah tidak percayakan ayat-ayat Allah. Mereka membunuh nabi-nabi, rasul-rasul, ulama-ulama. Ada di antara nabi-nabi YANG DISEMBELIH OLEH MEREKA, ADA DI ANTARA NABI YANG DIGERGAJI KEPALA OLEH MEREKA DAN DIBUNUH BEGITU SAHAJA OLEH MEREKA. Mereka juga telah melakukan kekacauan di atas muka bumi.

Kenyataan telah ditunjukkan kepada kita bahawa apa yang dinyatakan oleh al-Quran adalah benar. Jelas menunjukkan al-Quran itu adalah kitab yang berpanjangan hingga hari kiamat. Sebenarnya, segala kerosakan dan kepincangan yang berlaku di atas dunia, di antara puncanya ialah dari gerakan zionis antarabangsa. Dari gerakan Yahudi, bagaimana mereka menyalurkan keruntuhan dan kemusnahan itu.

Yahudi dan zionis ini telah menyalurkan kemusnahan dan keruntuhan itu melalui teori-teori, ideologi-ideologi, ajaran-ajaran dan melalui fahaman-fahaman yang dianut oleh manusia di dalam mentadbir masyarakat. Mereka juga telah mengembalikan kegiatan ekonomi dunia. Dan mereka juga yang mengendalikan syarikat-syarikat perfileman yang besar. Selain dari itu, mereka juga telah menyalurkan berita-berita melalui akhbar-akhbar di seluruh dunia. Langkah yang dilakukan oleh mereka bukannya secara langsung Yahudi itu datang ke negeri kita. Bukan secara langsung orang-orang Yahudi datang ke negeri Islam. Bagaimanapun tidak dinafikan mereka datang sendiri, tetapi dengan CARA YANG HALUS DAN LICIN MELALUI PERTUBUHAN-PERTUBUHAN YANG DIKENDALIKAN OLEH GERAKAN YAHUDI ANTARABANGSA SEPERTI FREEMASON, LION CLUB, ROTARY CLUB dan seumpamanya.



Ustaz Hadi Awang

Naib-Presiden PAS. Beliau juga bekas ABIM yang seperti Fadil Noor "menghayati" nasihat Pak Nasir.

Perlu diketahui, mereka yang menjadi anggota ataupun ahli kepada Freemason ini ialah pemimpin-pemimpin negara dan ketua negara yang mengaku diri mereka sebagai orang Islam. Fahaman yang disalurkan oleh mereka ialah melalui pemimpin-pemimpin yang sedang memerintah negeri umat Islam hari ini. Pemimpin ini dibayar dengan beberapa kepentingan duniawi atau diletakkan dengan jaminan keselamatan.

Jika seseorang pemimpin itu jatuh, bagaimana kita melihat LION CLUB dan ROTARY CLUB yang dianggotai oleh pegawai tinggi kerajaan di seluruh dunia termasuk di negara kita, walaupun ada seruan dari muktamar Islam supaya negeri umat Islam hendaklah mengharamkan pertubuhan ini, tapi sedikit sahaja di kalangan negeri Islam yang menyahut seruan ini. Sebahagian besarnya, negeri Islam masih mengekalkan pertubuhan-pertubuhan Yahudi ini termasuk di negara kita sendiri.

Sekarang, kita melihat langkah dan taktik halus yang dilakukan oleh Yahudi ini telah berlaku di dalam negeri umat Islam. Berbagai-bagai cara dan langkah telah dilakukan. Kegiatan ekonomi yang tidak betul, kekayaan negara dikendalikan oleh mereka yang mempunyai kepentingan diri, peribadi, keluarga dan puaknya sahaja. Bagaimana pengendalian terhadap sebaran am, radio, akhbar dengan menyiarkan berita-berita bohong dan palsu bagi meracuni pemikiran umat Islam serta menyiarkan siaran yang merosakkan akhlak dan pemikiran anak-anak muda kita. Dan bagaimana kegiatan seperti ini mendapat perlindungan dari pihak kerajaan di negeri itu sendiri dengan cara yang tidak sedari dan difikirkan oleh umat Islam.

Kita juga melihat bagaimana ayat-ayat Allah tidak lagi diyakini dan dipercayai dan diamatkan. Inilah di antara pegangan orang-orang Yahudi yang dinyatakan oleh Allah yang bermaksud: "Adalah mereka itu mengkufurkan ayat-ayat Allah." Bukan orang-orang Yahudi yang berada di hadapan kita yang mengkufurkan ayat-ayat Allah, tetapi

ialah orang-orang yang bernama Islam. Yang menamakan diri mereka sebagai orang-orang Islam inilah yang beramal dengan amalan Yahudi yang mengkufurkan ayat-ayat Allah dan tidak percaya kepada ayat-ayat Allah itu. Orang Islam sendiri tidak percaya kepada hukum syariatNya. Kita melihat segala hukum teori dan ideologi sama ada yang berbau ketimuran seperti sosialisme dan komunisme. Ataupun yang berbau kebaratan seperti demokrasi barat, kapitalisme, liberalisme dan seumpamanya adalah teori-teori yang dihasilkan oleh cerdik pandai orang Yahudi yang ditanam di dalam pemikiran anak-anak Islam dan diamalkan oleh orang Islam sendiri. Langkah membunuh nabi-nabi dan rasul-rasul serta pengikut nabi dan rasul oleh Yahudi bukan sahaja berlaku sebelum di zaman nabi besar Muhammad SAW. Di zaman nabi SAW, orang Yahudilah yang membunuh nabi Zakaria, Yahya dan orang Yahudi juga yang berusaha untuk membunuh nabi Isa alaihissalam tapi telah diselamatkan oleh Allah SWT. Orang Yahudi juga memainkan peranan untuk MERACUN RASULULLAH SAW dan bagaimana KESAN DARIPADA RACUN ITU TELAH MEMBAWA KEPADA WAFATNYA RASULULLAH SAW.

Bagaimanapun, langkah Yahudi tidak selesai setelah wafatnya Rasulullah. Ia merupakan kerja yang berpanjangan. Terdapat di dalam protokol pendita Yahudi iaitu di antara kerja-kerja yang dilakukan ialah menentang gerakan Islam, membunuh pemimpin-pemimpin perjuangan Islam supaya TIDAK AKAN WUJUD NEGARA ISLAM DI ATAS MUKA BUMI INI. Ini disebabkan perkara menubuhkan negara Islam paling ditakuti oleh Yahudi.

Kita melihat, kerja-kerja yang menekan gerakan Islam, menekan pendakwah menfitnahkan golongan Islam adalah kerja yang luas tersebar di negeri umat Islam. Kita juga melihat ada negeri yang membunuh pejuang-pejuang Islam, yang membunuh pemimpin pejuang Islam dan yang menahan orang-orang yang mahu menegakkan Islam di atas muka bumi. Ini merupakan JARI-JARI ORANG YAHUDI

YANG BERGERAK DI DALAM NEGERI ORANG ISLAM SENDIRI YANG TIDAK DISEDARI OLEH ORANG ISLAM.

Kita hendaklah sedar perkara-perkara yang berlaku ini dengan kita kembali kepada al-Quran dan bukannya kembali kepada kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh lidah manusia yang tidak bertulang. Ini kerana manusia yang membuat kenyataan melalui lidah yang tidak bertulang itu boleh berbuat sesuka hatinya demi untuk menarik pemikiran rakyat dan umat. Tetapi pendedahan sebenar yang mendedahkan sesiapa sahaja dan tiada siapa yang boleh menyembunyikan diri dari pendedahannya ialah Allah SWT dengan kita membaca al-Quran dan kitabNya yang menjadi petunjuk sehingga hari kemudian.

Firman Allah yang bermaksud: "Dan mereka itu (golongan ahli-kitab) menyatakan, jadilah kamu orang-orang Yahudi ataupun orang-orang Nasrani nescaya kamu mendapat petunjuk. Katakanlah, bahkan agama Nabi Ibrahim adalah merupakan agama yang sebenar dan ia bukanlah dari kalangan orang-orang musyrikin."

FREEMASONARY DAN KELAB ROTARY ADA HUBUNGAN?

Majalah-majalah Yayasan Dawah Islamiah Malaysia "Dakwah" pernah menyiarkan satu rencana berjudul Kelab Rotary Berkembang Di Mesir. Rencana itu di petik dari majalah Al Balagh Jun 1978 (Kuwait) dan disesuaikan oleh Mohd Tahir Busu.

Pada ketika itu Yang Dipertua YDIM ialah Tan Sri Syed Nasir. Ketua Pengarang Haji Dusuki Haji Ahmad manakala antara pengarang-pengarang Kehormat ialah Dr Yusof Mohd Noor. Rencana itu dikeluarkan dalam bulan Ogos 1978. Ada baik ditatap dan difikiran rencana ini.

Baru-baru ini sebuah majalah yang diterbitkan di Kaherah bernama Al-Dakwah telah membuat liputan besar-besaran, terhadap gerakan kelab Rotary dan sejarah perkembangannya.

Menurut majalah itu bahawa pihak tertinggi majlis vatican di Rome telah mengeluarkan satu kenyataan bertarikh pada 20hb. Disember, 1950. Majlis itu mengecam dan

melarang seluruh ketua-ketua agama dan rakyat Kristian dari memasuki kelab tersebut. Kenyataan itu sepenuhnya berbunyi demikian: "Demi mempertahankan akidah dan kehormatan agama Kristian, diputuskan bahawa tidak dibenarkan ketua-ketua agama Kristian menyertai apa yang dinamakan dengan Kelab Rotary. Dan tidak dibenarkan menghadiri sebarang majlis yang dianjurkan oleh kelab tersebut. Selain dari ketua-ketua agama adalah dikehendaki mematuhi keputusan nombor 684, khas dengan pertumbuhan-pertumbuhan sulit serta yang berhubungan dengannya."

Kami menjadikan kenyataan vatikan ini sebagai kata pengantar rencana ini, adalah berdasarkan negara rasmi yang senantiasa mengawasi dan memerhatikan gerakan kelab tersebut. Dengan itu tidaklah dapat diperkatakan bahawa tulisan ini diterbitkan, hanyalah menurut perasaan sentimen semata-mata. Atau pun hanya berdasarkan penilaian perseorangan belaka. Selepas itu akan kami turunkan pengakuan-pengakuan dari beberapa orang ahli sasterawan dan pemikir yang berkecuali, serta hakikat dari peranan yang dimainkan oleh Kelab Rotary dalam khidmatnya terhadap 'Kerajaan Sulit', yang membiayai seluruh kegiatan kelab tersebut.

Sebagaimana yang diketahui bahawa Freemason adalah sebuah pertubuhan antarabangsa yang didokong serta dibiayai oleh Zionism, untuk melaksanakan polisi monopoli mereka terhadap dunia. Gulongan Zionism mendirikan kelab-kelab Freemason diseluruh dunia termasuk negara-negara lain. Tetapi setengah dari negara itu telah mengetahui hakikat sebenarnya dari kelab tersebut, lantas mengeluarkan arahan untuk menutupnya.

Yang sungguh menakjubkan sekali sebagaimana kata Dr Ahmad Shalabi dalam bukunya bernama 'Yahudi' bahawa gerakan Freemason ini, tetap sulit dan tidak diketahui umum sehinggalah terdirinya apa yang dinamakan negara Israil, serta tidak dikeluarkan keputusan menutup Masonic

Ledge (Rumah Hantu Istilah di Malaysia) di Mesir melainkan pada bulan April 1964, iaitu setelah lebih dari sepuluh tahun pihak Pope di Vatikan mengeluarkan keputusannya, dan di negeri-negeri Arab lain Masonic Lodge ini masih tetap menjalankan kegiatannya sehingga hari ini.

Di negeri-negeri di mana kerajaannya melarang serta tidak membenarkan Freemason bergerak cergas, atau gerakan mereka senantiasa diawasi, pihak Freemason menjadikan Kelab Rotary dan lain-lain kelab yang bernaung di bawahnya seperti, Kelab Lion dan Kelab Auto sebagai perisai yang melindungi kegiatannya.

Kelab-kelab tersebut menjalankan kegiatannya sama seperti yang dirancangkan oleh Masonic Lodge yang berpusat di London dan New York. Cuma dipersesuaikan menurut keadaan tempatan.

Dr Ahmad Ghallush yang mencapai ke taraf 33 dalam keahlian Freemason, iaitu ke taraf tuan. Akhirnya beliau keluar serta bertaubat setelah mengetahui hakikat dari pertubuhan itu. Katanya: Freemason mengandungi tiga bahagian:

Bahagian Pertama: Freemason simbolik, atau dikatakan dalam bahasa Arabnya dengan Ramzy. Disebut dengan gelaran simbolik oleh kerana terlalu banyak sekali simbol yang digunakan diambil dari Kitab Taurut. Gulongan ini pula mempunyai tiga tingkatan. Tingkatan pertama, adalah tingkatan permulaan dan ahli yang menganggotainya bergelar **Saudara**. Tingkatan kedua, tingkatan pekerja dan tingkat ketiganya ialah tingkatan **Encik**. Dari tingkatan Encik ini dinaikkan ketinggian **Yang Mulia** dan Ketingkatan **Yang Amat Mulia**.

Bahagian Kedua ialah gulongan pemerintah atau supreme power yang mengausai urusan bahagian pertama. Bahagian ini merupakan bahagian yang terpenting dan pekerja utama dalam pertubuhan Zionism antarabangsa. Anggotanya khas untuk orang-orang Yahudi sahaja. Tetapi oleh sebab diplomasi dan politik maka dibolehkanlah orang

yang selain dari orang-orang Yahudi menganggotainya. Tetapi mestilah terdiri dari mereka yang benar-benar dipercayai dari bahagian pertama di atas.

Bahagian Ketiga: Freemason Universal yang menguasai urusan antarabangsa, tidak diketahui di mana tempatnya serta tidak pula diketahui siapakah pula ketuanya. Sedangkan anggotanya pula adalah terkhas kepada orang-orang Yahudi sahaja. Freemason ini mempunyai satu sahaja majlis Lodge. Majlis inilah yang mengatur serta menadbirkan kegiatan-kegiatan Zionism, dan kepentingan anggotanya melalui sebaran am dan agensi perekonomian yang dikenali dengan nama menopoli Yahudi dalam agensi sebaran am, dan agensi perekonomian antarabangsa. Menyebabkan kepesatan dan keruntuhan moral yang memecahkan di antara satu golongan dengan golongan lain yang akhirnya membawa kepada peperangan. Dengan ini akan lebih memudahkan mereka menguasai dunia. Sebab itulah kita dapati bahawa boleh dikatakan seluruh agensi kewangan di dunia sekarang seperti bank, insuran, pasaran saham, kilang-kilang dan gedung-gedung perniagaan yang besar adalah dikuasai oleh orang-orang Yahudi terutama sekali di negeri yang tidak mengamalkan faham komunisme. Begitu juga seluruh agensi berita dan sibaran am yang terbesar di dunia adalah dikuasai oleh mereka juga. Maka politik sesebuah negara itu, dengan sendirinya akan tertakluk di bawah dua kekuasaan terpenting ini.

Di antara tugas-tugas penting Kelab Rotary adalah seperti berikut:

1. Meninjau pendapat umum serta mengumpulkan maklumat tertentu sebanyak mungkin serta mengamalisakannya dengan suasana setempat, melalui perbualan biasa atau melalui majlis-majlis perjumpaan yang diadakan oleh kelab. Biasanya pihak penganjur akan mengadakan majlis jamuan besar-besaran, terutama sekali apabila sahaja satu-satu pemilihan umum akan diadakan, ataupun apabila sahaja suasana yang ada di negara itu tidak men-

jamin menopoli mereka di bidang ekonomi. Maka semakin keraplah di adakan majlis jamuan, sehinggalah mereka dapat mengumpulkan maklumat yang benar-benar dapat dijadikan suatu kajian pihak Freemason Pusat. Apabila dikaji pula dari manakah mereka mendapatkan kewangan, bagi menyara perbelanjaan yang begitu besar di samping sumbangan derma yang mesti dilekuarkan. Sedangkan setiap ahli yang menganggotai Freemason tidak pun dikenakan apa-apa bayaran tertentu, juga pihak kelab tidak pernah mengumpulkan derma dari mana-mana pihak. Soal ini adalah merupakan soal sulit yang tidak dapat diketahui umum dengan senang.

2. Menarik beberapa banyak seniman, kaum sasterawan, wartawan atau mereka yang senantiasa inginkan publisiti selalu, dengan majlis jamuan dan majlis-majlis perjumpaan besar-besaran yang bertaraf tinggi. Mereka ini memberikan khidmat kepada kelab Rotary dalam tiga bentuk:

- a. Dengan maklumat yang mereka percakapkan secara tidak disedari, atau pun menurut pandangan mereka bahawa apa yang mereka cakapkan itu adalah di luar soal politik. Tetapi sebaliknya pihak pengintip Zionisme akan mengumpul serta menganalisa maklumat tersebut. Semada yang berhubungan dengan politik, ekonomi dan kemasyarakatan.
- b. Menyebarkan pendapat dan pandangan tertentu yang dikedahendaki oleh Freemason Pusat, dengan tidak menyentuh agama atau negara. Mengingat bahawa mereka itu adalah berpengaruh dari segi siberan am.
- c. Dengan wujudnya mereka bersama akan lebih memudahkan orang lain ikut sama menganggotai Kelab Rotary, sehingga membukakan suatu kesempatan untuk mereka bergaul dan berhubung rapat dengan para seniman tersebut. Dengan ini akan menghindarkan perasaan yang mencurigai

wujudnya kelab itu di mata umum.

3. Tugas Kelab Rotary yang ketiganya, menaburkan pendapat yang akan dapat melaksanakan monopoli mereka kepada dunia. Di antara pendapat itu ialah permisahan di antara agama dengan urusan kenegaraan, dengan itu akan tetap kukuhlah kedudukan mereka.

Sebagai diketahui bahawa sama ada orang Yahudi dari negara dari Orang Yahudi komunis, Amerika atau mereka-mereka yang telah menganut agama Kristian. Kepatuhan dan kesetiaan mereka kepada Yahudi dan gerakan Zionism tetap tidak berubah. Mereka yang menganggotai Kelab Rotary, walaupun mereka beragama Islam, Kristian, Buddha dan Yahudi sendiri adalah berkhidmat untuk kepentingan Zionism dengan cara tidak mereka sedari. Anggota Kelab Rotary ada di merata-rata dunia, dan ikatan di antara mereka sesama mereka adalah irat sekali lebih erat dari ikatan persaudaraan mereka sesama seagama dan sebangsanya sendiri.

Encik Abdul Azim Fahmi, Menteri Dalam Negeri Mesir yang lalu telah memerintahkan supaya ditutup Kelab Rotary di Kaherah, tetapi setelah beliau berhenti, mereka berjaya membukannya semula. Encik Abdul Azim Fahmi telah pergi ke kelab tersebut untuk menerangkan kepada mereka apakah sebenarnya kelab itu, dan mereka sendiri merasa kagum dengan pengetahuan beliau yang luas dalam hal ini.

Pada awal tahun 1974, telah diadakan suatu Kongress Kelab-kelab Rotary bagi daerah Lautan Miditteranian di Pulau Sicily dekat Itali. Tajuk utama yang dibincangkan oleh wakil-wakil yang datang dari Negeri Arab dan Israel ialah: membincangkan masalah syarat-syarat keamanan dan perdamaian bagi penduduk di daerah Laut Miditteranian.

Sewaktu bercakap kepada wartawan selepas kongres itu, Ketua Mahkamah Negara Israel, Encik Bar Zaib sebagai wakil Israel berkata: Pada permulaannya, perhubungan kami adalah merupakan pertemuan secara rasmi sahaja, tetapi tidak berapa lama telah menjadi mesra dan di akhir

kongres kami tidak cukup dengan bersalaman bagi mengucapkan selamat jalan tetapi telah berpelukan-pelukan dan berucupan mesra sekali.

Tambah beliau lagi; sesungguhnya ucapan saya telah disambut dengan hebat oleh para perwakilan, terutamanya Wakil-wakil dari negeri Arab.

Sesuatu yang menjadi tanda tanya ialah dari manakah di dapati wang begitu banyak, bagi membiayai kongres yang begitu besar umpamanya pada bulan April tahun 1974, juga telah diadakan satu kongres besar-besaran bagi anggota Kelab Rotary Yang Ke 65 di Bandar Minapolis, Amerika, yang dihadiri lebih dari 10 ribu orang anggota. Semuanya diberi penginapan di hotel-hotel terkemuka dan dijamu dengan jamuan besar-besaran seperti jamuan diraja.

Seorang Pengarang Mesir terkenal Encik Anis Mansor telah membuat suatu kenyataan di surat khabar Al-Akhbar Kaherah pada 30hb Mei, 1973, setelah hampir sepuluh tahun beliau menganggotai Kelab Rotary katanya: Saya telah menyertai Kelab Rotary sejak sepuluh tahun lalu, dengan tujuan ingin menyelidik, dan atas desakan beberapa orang kawan. Di hari pertama saya telah menghadiri suatu majlis makan tengah hari, dan majlis jamuan adalah merupakan hal yang terpenting mesti dilakukan setiap minggu oleh kelab. Di majlis itu kami diperkenalkan dengan tetamu baru yang datang dari beberapa buah negeri. Tetamu pertama Tuan Kuku Ma Kuku dari Jepun iaitu anggota Kelab Rotary Pusat di Tokyo, membawakan salam hormat dari Tuan Aku Ma Kuku, Presiden terhormat kelab di sana. Dan disambut dengan tepukan bergemuruh oleh hadirin. Kemudian tetamu tersebut bertukar-tukar hadiah dengan presiden Kelab Rotary Mesir. Tetamu kedua dari India dan membawakan salam hormat dari anggota kelab di India. Tetamu ketiga dari Amerika, begitulah sehingga habis jamuan, dan tiada apa-apa yang lakukan selain dari itu.

Menurut Encik Anis Mansor lagi: suatu perkara yang agak mentertawakan ialah tersiarinya berita di akhbar dan

majalah, tertubuhnya persatuan Kelab Rotary Wanita, berkumpul dan kemudian lenyap, dan tidak seorang pun mengetahui mengapa terjadi begitu. Kecergasan terpentingnya ialah mengadakan majlis jamuan, dan keputusan yang diambil pada setiap kali perjumpaan ialah mengadakan majlis jamuan di tempat yang lain pula. Orang akan bertanya-tanya siapakah sebenarnya anggota Rotary; apa peranan mereka, apakah tujuannya? Apakah rahsia di sebalik menghabiskan waktu dengan majlis-majlis jamuan itu. Saya sendiri juga tidak dapat mengatakan apakah faedahnya, dan saya tidak pernah mendengar sesiapa pun mengatakan begitu.

Tetapi jawabannya ialah dengan majlis-majlis itu mereka akan dapat menganalisisakan ke mana arah arus politik sebuah negara itu, melalui percakapan dan perbualan dari tertamu yang hadir. Itulah tujuan terpenting.

WARKAH DARI PENERBIT

Penerbit ingin mengucapkan banyak terima kasih terhadap segala teguran dan ulasan yang diberi oleh beberapa pihak. Antaranya banyak yang menegur tentang beberapa kesilapan dan kekurangan seperti salah ejaan dan tiada "caption" bagi gambar-gambar. Ada yang menganggap perkara-perkara tersebut adalah perkara kecil. Kami memohon maaf atas kekurangan dan kelemahan tersebut dan anggaplahnya sebagai "silap teknik" sahaja.

Bagi kami kelemahan-kelemahan tersebut menjejaskan sedikit Bahasa Melayu, tetapi rasanya kecualannya tidaklah seteruk kecuaian pemimpin yang kerana "silap teknik" dan "perbuatan yang tidak disengajakan" itu mengakibatkan wadah bangsa Melayu diistihar sebuah pertubuhan haram.

Kami akui kesalahan-kesalahan ejaan tetap salah dan kami sekali lagi menuntut maaf.

ULASAN-ULASAN BUKU SIAPA HANCURKAN UMNO?

Kami juga siarkan di sini ulasan oleh dua tokoh penulis serta kenyataan yang dibuat oleh seorang tokoh menentang penjajah British dalam menuntut kemerdekaan, Sdr. Ishak Surin yang kini giat dalam bidang dakwah semasa melancarkan buku "Siapa Hancurkan UMNO?"

Moga-moga ulasan-ulasan ini akan dapat membuat pembaca merenung sesuatu, meninggalkan kesan dan memberi manfaat kepada masyarakat.

Edisi asal "Siapa Hancurkan UMNO???" telah diulas oleh beberapa penulis dan akhbar mingguan.

Mingguan Kota keluaran 10 April 1988 ada memuatkan ulasan dari A.K. Hidayatt yang pernah menghasilkan beberapa buku. Antaranya:

Antara ulasan A.K. Hidayat mengenai Edisi asal S.H. UMNO??? ialah "Siapa sebenar yang menghancurkan UMNO sukar hendak dijawab. Kumpulan 11 yang membawa soal "cawangan-cawangan haram" yang mengakibatkan

UMNO disyithar tidak sah telah dituduh oleh banyak pemimpin UMNO (Baru) sebagai bertanggungjawab terhadap kehancuran UMNO."

"Tetapi bekas Perdana Menteri dan bekas Presiden UMNO Tunku Abdul Rahman yang juga seorang peguam tidak bersetuju. Baginya bagaimanakah orang yang tidak mempunyai kuasa seperti kumpulan 11 boleh berbuat demikian.

Beliau berpegang teguh bahawa mereka yang berkualifikasi yang mesti dipertanggungjawab atau setidak-tidaknya boleh membuat sesuatu bagi menyelamatkan UMNO.

"Kumpulan 11 pula menafikan bahawa mereka yang bertanggungjawab tetapi orang lain. Siapakah yang dimaksudkan oleh kumpulan 11?" katanya.

Penulis dalam buku ini berpendapat bahawa politik negara kini berada dalam kemelut. Beliau membuat saranan-saranan tertentu untuk menyelesaikan masalah-masalah berat yang dihadapi oleh negara, akibat UMNO khasnya mereka yang digulung dalam Team B. Apakah saranannya terdapat dalam bab "Penyelesaian Jangka Pendek dan Jangka Panjang."

Hussain Yakub seorang wartawan veteran juga mengulas buku "Siapa Hancurkan UMNO???" dalam Harakah terbitan 15 April 1988. Antara hasil karya Hussein Yakub ialah ERA BARU USNO.

"Doa merupakan satu senjata yang paling berkesan bagi orang Islam yang kuat imannya.

Itulah sebabnya bila menghadapi tindakan-tindakan zalim Kerajaan Barisan Nasional (BN) terhadap pergerakan dan ahli-ahli PAS, mereka disuruh berdoa kepada Allah untuk mendapat pertolonganNya.

Kini doa orang-orang serta penyokong-penyokong PAS semacam terkabul.

Dalam buku Siapa Hancurkan UMNO penulis menyebut mengenai tindakan-tindakan zalim terhadap ahli-ahli PAS.

Antara peristiwa-peristiwa tersebut ialah insiden Lubok Merbau dan pembunuhan beramal-ramal di Memali.

Selepas trajidi Memali UMNO menghadapi krisisnya yang besar bila Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Musa Hitam berbalah begitu sengit dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir hingga menyebabkan beliau meletakkan jawatan No 2 paling penting dalam negara.

Mungkin kerana kezaliman-kezaliman yang terus menerus seperti berbagai-bagai sekatan terhadap gerakan PAS, ahli-ahli PAS terus berdoa dan UMNO terus bergolak, pemimpin-pemimpinnya berbalah, bersengketa hinggakan parti itu hampir pecah dua akibat pemilihan jawatan presiden dan jawatan-jawatan penting dalam parti.

Datuk Seri Dr Mahathir mengekalkan jawatan presiden tetapi hanya mendapat 52 peratus undi dari perwakilan. Jelas hampir setengah perwakilan tidak mahu beliau menjadi Presiden parti dan Perdana Menteri kerana secara tradisi siapa yang menjadi Presiden UMNO akan juga menjadi Perdana Menteri.

Perkara ini tidak habis kerana rupanya ada perwakilan-perwakilan yang mengundi datang dari cawangan-cawangan yang tidak berdaftar yang secara langsung bermakna cawangan-cawangan menghantar perwakilan tidak sah.

Anggota-anggota biasa parti telah membawa kes kepada Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur dan pada Feb 4 1988 Mahkamah itu mengistihar UMNO sebagai pertubuhan yang tidak sah di sisi undang-undang.

Adakah malapetaka yang menimpa UMNO hasil doa penyokong-penyokong PAS. Wawallah ua'alam. Doa ini ada terkandung dalam buku ini.

Kerana orang Islam di suruh berdoa untuk berbagai tujuan, Yang Di Pertua Agung PAS Haji Yusuf Rawa ada menyarankan umat Islam di negara ini berdoa supaya umat Islam di Palestin dilindungi dan perjuangan mereka mencapai kejayaan.

Buku Siapa Hancurkan UMNO??? ini juga menyedut

kandungan dari buku 10 perkara yang membatalkan iman tulisan Aziz ben Baz, bekas Rektor Universiti Madinah. Buku ini yang telah diterjemah dalam berbagai bahasa di beri kepada setiap orang yang menunaikan fardhu Haji dan Umrah.

Apa yang diperkatakan oleh Aziz bagaimanapun dilaporkan pernah dipertikaikan oleh ketua kerajaan Malaysia yang mempunyai dasar penerapan nilai-nilai Islam.

Pernah dilaporkan bahawa pihak-pihak tertentu di negara ini yang telah disuruh untuk berhubung dengan Saudi Arabia untuk mendapat keterangan lanjut. Tetapi saya belum membaca apa kesudahannya.

Adakah pihak Arab Saudi mendiamkan diri atau bagaimana. Tidak mustahil penjelasan yang diminta itu tidak dilayan.

Ini kerana orang yang mempertikaikan perkara itu bukanlah tahu sangat tentang perkara yang diperkatakan.

Seorang doktor perubatan tentu tidak mahu membuang masa jika orang jual ubat di tepi jalan mahu berhujah dengannya mengenai tanda-tanda satu-satu penyakit dan cara mengubatnya.

Buku ini juga mempersoal peranan akhbar-akhbar mengenai liputan peristiwa-peristiwa metakhir.

Sifat berat sebelah dan putar belit media massa tempatan sudah lumrah. PAS pernah menjadi sasaran putarbelit beberapa akhbar terutama semasa pemilihan raya umum 1986. Kini nampaknya Tengku Razaleigh dan kawan-kawannya pula yang menjadi mangsa.

Penulis berlaku adil kepada mereka dan beberapa kenyataan yang dibuat oleh Tengku Razaleigh dan pihak-pihak tertentu disiarkan dengan penuh.

Selain mempertikaikan dasar apa yang penulis sebut sebagai dasar terap Islam, penulis juga ada menyebut tentang leberalisme Dr Mahathir.

Dr Mahathir ingin dikenali sebagai mengetuai sesuatu kerajaan yang liberal yang terbuka. Tetapi dari tindakan-

tindakan yang dilakukan oleh pentadbiran Dri Mahathir tepat sekali pepatah modern. "Bikin tak serupa cakap".

Buku ini juga menyentuh satu isu yang memang entah apa sebabnya Kerajaan tidak begitu minat hendak menyelesaikannya. Seantero dunia tahu bahawa Freemasons di anggota oleh orang-orang besar.

Logiknya jika orang-orang besar menjadi ahli satu-satu pertubuhan rahsia, perkara itu dengan sendirinya bukan lagi menjadi perkara kecil.

Jadi kalau ada orang kata isu Freemason itu soal kecil, mungkin ia mempunyai kepentingan untuk berpendapat demikian.

Tadi telah dinyatakan bahawa doa orang-orang PAS mungkin telah terkabul. Bagaimanapun orang-orang PAS tidak harus begitu ghairah dengan pergolakan yang sedang menimpa UMNO baik yang lama dan yang dikatkan baru. Tugas mereka ialah menguatkan jemaah serta memperkukuhkan karakah mereka.

Mereka mesti terus menjalankan tarbiah dan tidak berpecah dalam soal-soal kecil kerana musuh-musuh Islam baik dalam negeri ataupun luar negeri begitu banyak.

Sempena pelancaran buku ini saya (Ishak Surin) ingin meminta pelajar-pelajar universiti tempatan supaya membuat kajian tentang Freemasonry sebagai satu faktor politik di Malaysia.

Kita tahu kerana skandal gerakan Freemasonry, Kerajaan Itali beberapa tahun lalu telah terpaksa meletakkan jawatan.

Di Britain, Freemasonry menjadi satu kontroversi bila Putera Charles enggan menjadi anggota gerakan rahsia itu. Satu penyiasatan oleh beberapa Gereja (Churches) di England juga mendapati bahawa amalan Freemasonry bertentangan dengan agama Kristian.

Di Malaysia sudah menjadi semacam rahsia umum ada tokoh-tokoh politik terlibat dengan gerakan itu. Mereka termasuk bekas Setiausaha Kerja UMNO (1946) Encik

Kamarulzaman Bahadun atau KIP Bahadun. Tokoh dari Sabah Tun Mustapha juga pernah terlibat dalam gerakan Freemason tetapi telah membuat kenyataan yang boleh kita terima sebagai mengistiharkan dirinya bersih dari gerakan rahsia itu.

Saya juga kesal dengan ada kenyataan oleh seorang Timbalan Menteri yang dilaporkan mengatakan bahawa Kementeriannya sedang memerhatikan buku-buku yang boleh menimbulkan kebencian terhadap pemimpin.

Bagi saya sudah cukup undang-undang yang sedia ada bagi mendakwa sesiapa yang menulis perkara-perkara yang tidak menyenangkan pihak-pihak tertentu. Kita juga ada Akta Hasutan. Pihak yang terlibat juga boleh mengambil court injunction jika apa yang di tulis tidak dapat diterima seperti mana bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam pernah melakukan terhadap sebuah buku menjelang perhimpunan Agung UMNO (1946).

Lagipun kalau pemimpin-pemimpin "jalan betul" tidak ada sebab bagi rakyat membenci mereka. Bahkan penulis-penulis itulah yang akan di benci oleh rakyat yang walaupun kadangkala "terpadaya" masih boleh berfikir.

Saya juga rasa kalau pemimpin tidak sanggup di benci, mungkin lebih baik mereka undur diri dan cari pekerjaan lain seperti menjadi badut dalam sarkas, penyanyi pop atau kerja-kerja yang lain.

Andainya Kerajaan hendak bertindak terhadap penulis-penulis, pihak yang berwajib juga perlu memikir samada wajar tindakan juga diambil terhadap orang yang melalui tulisannya telah menyayat hati umat Islam khususnya di Malaysia bila ada penulis Melayu mahu "menilai semula Hadis", satu perbuatan yang secara langsung ataupun tidak langsung boleh menimbulkan kebencian terhadap kekasih Allah.

Perlu di fahami bahawa sesuatu buku apatah lagi buku politik bukan banyak sangat dibaca orang. Hendak menghabis menjual buku-buku politik, dalam masa lima bulanpun

susah hendak jual 5,000 naskhah. Berbanding dengan 10,000 rekod yang boleh terjual dalam masa satu minggu jika lagu itu mendapat sambutan.

Jelas bahawa budaya nyani kita sudah berjaya. Yang belum mendapat sambutan yang diharapkan ialah kejayaan gerakan membaca.

Akhir-akhir ini banyak buku-buku telah diterbitkan yang memperkatakan tentang pergolakan politik negara. Mungkin kerana siapa yang makan chili merekalah yang merasa pedasnya penulis-penulis di burukkan sebagai penulis upahan.

Soalnya adakah mengabil upah dari tulisan satu jenayah? Dan kalaupun ada penulis mendapat upah apa buktinya. Dan adakah pendapatan dari hasil penulisan tidak halal. Bagaimana pula dengan hasil yang diperolehi dari kemenangan tikam ekor?

Akhir-akhir ini ada juga "profession" pencanang dan pengampu upahan.

Penulis upahan, kalaupun ada mendapat upah dari orang-orang tertentu hasil duit orang itu sendiri. Tetapi tidak mustahil Pencanang dan Pengampu upahan mendapat upah dari duit rakyat.

SIKAP BONGKAK - DOA PENYOKONG PAS TERKABUL

Ada juga yang berpendapat malang yang menimpa UMNO (46) ialah kerana bala yang di turunkan Allah. Malah pemimpin-pemimpinnya sendiri ada yang berpendapat demikian. Apakah sebabnya? Adakah kerana UMNO (46) yang telah berkuasa dan begitu gagah sekian lama ditimpa bencana demikian kerana mereka tidak melaksanakan Islam secara syumul? Kerana parti itu berkuasa dan kerana mereka orang Islam mereka seharusnya berbuat demikian. Bukan sahaja mereka tidak berbuat begitu tetapi kadangkala ada pemimpin mereka seolah "memperolok-olokkan undang-undang Islam. Adakah itu di antara sebab-sebab Allah menurunkan bala? Wallahuh'alam.

PAS dan penyokong-penyokong pula yakin bala itu diturun kerana Kerajaan yang mana parti UMNO menjadi tunggak bertindak keras terhadap orang-orang PAS dan ada yang mereka dakwa menzalami mereka. Adakah ini benar?

Sehubungan dengan ini ada baiknya direnung apa yang pernah saya tulis dalam buku saya sebelum ini khusus bab

"Doa Penyokong-Penyokong PAS Terkabul".

Memang sifat manusia bila sudah berkuasa dan kerana hendak mengekalkannya mereka bersifat bongkak dan kadangkala berlaku zalim.

Pernah satu ketika pemimpin-pemimpin UMNO menyatakan bahawa UMNO akan hidup 1000 tahun (seolah-olah ia dapat hidup untuk menyaksikan). Dengan kehendak Allah, usia UMNO tidak sampai setengah abad.

Ada juga yang mendakwa UMNO parti Islam yang ketiga besar dalam dunia walaupun tidak pernah dinyatakan parti Islam negara mana yang pertama dan kedua.

Kini tentu akan mengambil masa bagi UMNO (Baru) mendapatkan kembali kedudukannya konon parti Islam yang ketiga besar dalam dunia seperti yang dicanangkan dahulu.

Banyak juga pemimpin-pemimpin UMNO yang menyeru supaya PAS diharamkan dan jangan dibenarkan Islam dikaitkan dengan parti politik.

Sekarang UMNO didapati tidak sah (haram) oleh undang-undang yang wakil-wakil rakyat Barisan Nasional sendiri menciptanya.

Pandangan umum berpendapat bahawa seksyen yang terkandung dalam Akta Pertubuhan 1966 yang menyifatkan sesuatu pertubuhan sebagai tidak sah jika ada cawangannya tidak didaftar adalah untuk menjerat parti-parti lain tetapi rupanya senjata memakan tuan.

Rakyat mungkin tidak dapat menerima jika PAS menyatakan ia dizalimi. Mereka akan kata itu semua cakap politik tetapi bila YTM Tunku Abdul Rahman sendiri, Bapa Kemerdekaan dan yang pernah menyelamatkan UMNO serta menjadi pemimin UMNO dan negara beberapa tahun, membangkitkan perkara kezaliman, tentu hanya mempunyai kebenaran.

Semasa mengumumkan penubuhan Parti UMNO Malaysia di Pulau Pinang pada sambutan hari jadinya yang ke 85, antara lain ia menyatakan perasaan membalas dendam



Dr Haji Abbas Hj Alias

Tidak pernah memasuki UMNO setakat ini dan telah memegang beberapa jawatan penting dalam harakah Islam PAS. Dalam usia 75 tahun masih bergiat dengan PAS kerana berpegang kepada falsafah bahawa dalam memperjuangkan Islam seperti yang dibawa oleh PAS tidak ada pencen. Pegangannya ialah "adalah menjadi tanggungjawab ahli-hali PAS untuk menegakkan hukum Allah di bumiNya. Soal sama ada mereka berjaya atau tidak bukan lagi urusan mereka."



Ustaz Nakahael Nakahael

Bekas yang DiPertua naib PAS. Seperi lain-lain bekas pemimpin ABIM menyertai PAS. Konsep "CCC" yang beliau turut mempeport telah berjaya memecah "tembok" yang dulu mengasingkan orang belum Islam supaya mendapat gambaran yang betul mengenai Islam.

tidak berhenti setakat membuang menteri-menteri sahaja malahan kepegawai kecil dan keranipun menjadi mangsa.

Ahli-ahli perniagaan juga diambil tindakan keras dan segala usaha dibuat untuk membengkruptkan mereka supaya tidak boleh lagi bergerak dan berjuang.

Saya menyeru bangsa Melayu supaya mengelakkan permusuhan sesama sendiri menghapuskan perasaan dendam, menzalimi antara satu sama lain.

Adakah pentadbiran Barisan Nasional dimana UMNO menjadi tungaknya telah berlaku zalim terhadap harakah Islam - PAS?

Pembaca tentu masih ingat peristiwa-peristiwa!

1. Peristiwa Lubuk Merbau
2. Peristiwa Memali
3. Rampasan tanah wakaf, Pokok Sena.
4. Memenjarakan orang-orang yang bersembahyang Jumaat di tempat yang tidak diakui oleh kerajaan (tetapi tidak ada tindakan yang dikenakan terhadap ketua-ketua Jabatan Kerajaan yang tidak bersembahyang Jumaat - walaupun ada dasar nilai-nilai Islam.

Kira-kira bulan September 1987 satu isu timbulatau ditimbulkan Ia mempunyai kaitan dengan kenaikan pangkat guru-guru di sekolah Cina.

Isu perkhidmatan ini dipanaskan oleh parti-parti perkauman dalam Barisan Nasional. Untuk meredakan suasana pada pertengahan Oktober 1987 berlakulah tangkapan borong di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Beratus pemimpin-pemimpin berbagai pertubuhan politik ditahan dan kini masih ada ahli-ahli PAS yang masih ditahan tanpa bicara. Wahal parti itu telah selalu mengingatkan ahli-ahlinya supaya tidak terlibat dengan politik perkauman. Ingatan ini dipatuhi oleh ahli-ahli PAS dan mereka memang tidak terikut-ikut dengan isu yang ditupkan oleh UMNO.

Sehubungan dengan tangkapan borong itu tiga buah akhbar, The Star, Watan dan Sin Chew Jit Poh telah dilarang penerbitannya. Ini mengakibatkan beberapa ratus orang kehilangan pekerjaan dan peluang perniagaan.

Mulai 26hb March 1988 empat buah akhbar yang telah di tarik balik permit mereka dapat muncul semula selepas hampir enam bulan.

Mereka di benarkan terbit semula tetapi banyak orang merasi mereka mungkin tidak akan begitu "menyengat" lagi.

Adalah diharapkan mereka tidak akan menjadi seperti "government gazette" seperti bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman pernah menyifatkan alam persuratkahbaran kini.

Antara doa yang diajarakan oleh Ketua Dewan Ulama PAS ialah "WAHAI ALLAH, KAMU JADIKANLAH MEREKA BERKECAI, PECAHKAN PERKUMPULAN MEREKA, GEGARKAN KEDUDUKAN MEREKA DAN MENANGKAN PERJUANGAN KAMI MENENTANG MEREKA."

Kalau di lihat nasib malang yang menimpa UMNO kini, semacam sudah terkabul doa ahli-ahli PAS.

Ustaz Nakhale menyatakan bahawa apa yang terjadi kepada UMNO dan bersamaan dengan permohonan PAS kepada Allah, bukan semata-mata kebetulan.

Kebetulan tidak berlaku berulang-ulang dan memenuhi semua tuntutan. Sedangkan kebetulan itu sendiri ialah ketentuan Allah. Sebenarnya Nabi Muhammad SAW pernah bersabda "Doa adalah senjata orang-orang beriman".

(Perlu di nyatakan disini, Datuk Seri Dr Mahathir pernah berkata rakyat tidak perlu takut kepada Freemasons kerana mereka mempunyai iman yang kuat.)

Orang-orang PAS percaya kepada Rasulullah SAW dan menggunakan senjata doa untuk menghadapi kezaliman UMNO.

Bagaimanapun, bukan tugas PAS membalas dendam kepada UMNO. Apa yang berlaku adalah menjadi men-

gajaran kepada kita semua. Kuasa tidak boleh digunakan secara zalim.

Dalam hadith Qudsi Allah berfirman bermaksud,

"Sesungguhnya Aku mengharamkan kezaliman ke atas diriKu, maka janganlah kamu berlaku zalim."

Sesuai dengan kedudukannya sebagai harakah Islam yang paling lama, paling besar dan juga berwibawa, Yang dipertua Agung PAS Tuan Haji Yusof Rawa telah menyarankan kepada umat Islam di Malaysia supaya membaca Qunut Nazila dalam usaha mereka menentang kezaliman yang di lakukan oleh Zionis (Freemason) terhadap rakyat Palestin.

*Satu majlis kesukaran telah diadakan oleh ahli-ahli PAS kerana pembebasan Haji Suhaimi Said, bekas peguam PAS di Darul Amin, Sungai Gau pada pertengahan Jun 1988.

Pesuruhjaya PAS negeri Pahang Ustaz Haji Alwi Abdul Hamid ketika mengulas sebab-sebab Suhaimi Said ditahan dibawah ISA, menegaskan bahawa Kerajaan akan menahan sesiapa yang akan mengugat kedudukannya.

"Kerajaan yang ada hari ini tidak begitu senang bila adanya teguran dan kritik dari golongan Islam yang menghendaki supaya pemerintahan Islam dijalankan di negeri ini."

Menyentuh tentang krisis yang dihadapi oleh UMNO sekarang ini, beliau menyifatkan bahawa perpecahan dalam UMNO sekarang, merupakan kifarati dari Allah kerana kezaliman-kezaliman yang telah dilakukan terhadap pejuang-pejuang Islam di negeri ini.

Semasa berucap di majlis Nuzulul Quran dan Perang Badar anjuran PAS kawasan Pekan di Darul Takwa dalam bulan Ramadhan tahun 1988, Ustaz Haji Nakhale Ahmad menyatakan bahawa apa yang berlaku dalam UMNO sekarang ini ialah sebahagian dari pertolongan Allah kepada pejuang-pejuang Islam di negeri ini.

Beliau menyeru pemimpin-pemimpin PAS di semua peringkat supaya melipatgandakan usaha untuk menyebarkan risalah Islam di negeri ini.

Katanya, perjuangan umat Islam seluruh dunia mulai mendapat kemenangan, dan InsyaAllah umat Islam di Afghanistan akan menguasai semula negara itu dengan izin s.w.t.

Hakikat ini, sudah tidak dapat dinafikan oleh musuh-musuh Islam. Dan Allah telah memberi jaminan akan memberi kemenangan kepada golongan Islam yang beristiqamah dalam perjuangan untuk menegakkan hukum Allah di mana-mana sahaja," tambahnya.

Mengenai hasil perjuangan umat Islam di negeri ini, beliau berpendapat, ada tanda-tanda bahawa doa para pejuang PAS telah dimakbulkan oleh Allah.

"Apa yang berlaku dalam UMNO sekarang, jelas membuktikan bahawa Allah telah menyebelahi perjuangan kita.

"Tidak ada siapa yang menyangka sebuah parti politik yang berkuasa seperti UMNO itu, dapat diharamkan dengan sekelip mata sahaja.

Pertelagahan dalam pucuk pimpinan UMNO di semua peringkat sekarang ini ialah sebahagian bala dari Tuhan.

Beliau juga menyeru ahli-ahli PAS supaya mendekati masyarakat yang belum memahami perjuangan PAS dan menambakata bahawa perjuangan Islam merupakan alternatif kepada bangsa Melayu di negara Malaysia.

ANTARA DR MAHATHIR- DATUK MUSA - "SIAPA BOHONG?"

Kalau pilihanraya kecil JB ini telah banyak membawa nikmat kepada penduduk JB ia juga telah semacam memberi peluang keemasan kepada Dr Mahathir yang sangat ditunggu-tunggunya.

Selepas pembunuhan beramai-ramai Memali, pihak PAS sangat tidak senang hati dengan keduadua Datuk Musa dan Dr Mahathir.

Penyokong-penyokong PAS memang suka jika Datuk Musa kehilangan jawatan dan akhirnya Datuk Musa sendiri mengundur diri dari jawatan Timbalan Perdana Menteri tetapi kekal dengan jawatan Timbalan Presiden UMNO (Lama).

Banyak orang kata permainan politik Datuk Musa sangat licin dan susah hendak baca. Bila pada tahun 1987 beliau berusaha mempertahankan jawatan Timbalan Presiden tetapi gagal Datuk Musa terus bermain politik. Beliau

cuba berperanan mengambil jalan tengah demi mencapai perpaduan dalam UMNO. Beliau turut bersama UMNO Baru tetapi setelah melihat bahawa UMNO (Baru) memilih bulu dalam keahlian dan dengan pergolakan politik semasa itu, beliau mengambil keputusan yang tepat tidak menyertai UMNO (Baru).

Semasa pilihanraya kecil JB diadakan dan memandangkan bahawa pilihanraya kecil itu lebih dari kecil, beliau membuat rakaman video bagi membantu Datuk Shahrir. Ternyata apa yang diluahkan oleh Datuk Musa itu berkesan hingga Dr Mahathir telah "over-react."

Dr Mahathir dalam menjawab dakwaan Datuk Musa, yang mendapat publisiti luas oleh media letronik, menggunakan kesempatan itu untuk mendedahkan kepada umum apa yang terdahulu mungkin "rahsia peribadi" dan sekali gus mungkin boleh menamatkan karier politik Datuk Musa.

Wartawan kanan Utusan Malaysia Abdullah Hassan antara lain dalam laporannya mengenai peristiwa tersebut melaporkan tentang kesanggupan Dr Mahathir bersumpah dengan menjunjung Quran dalam masjid kerana merasa sedih di atas perbuatan bekas timbalannya yang masih dianggap sebagai kawan sanggup berbohong dalam rakaman video itu.

Dr Mahathir merasa sedih di atas kesanggupan Datuk Musa menyatakan perkara yang tidak benar mengenai dirinya di samping kecaman berbentuk peribadi.

Antara perkara yang disentuh oleh Dr Mahathir mengenai kata-kata Datuk Musa ialah, "dalam pilihanraya ini perkara lain tidak penting dan yang penting ialah soal kepimpinan Dr Mahathir."

Menurut Dr Mahathir, Datuk Musa kata yang penting ialah memberi amaran kepada Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga menyebut tentang Datuk Musa mengatakan dalam mesyuarat kabinet orang lain tidak diberi peluang bercakap. Dr Mahathir menjawab "Buat apa

mesyuarat kalau saya seorang sahaja yang bercakap."

Mengenai dakwaan Datuk Musa bahawa semua orang tahu Dr Mahathir diktator, Dr Mahathir menjawab "saya tidak boleh nak jawab seperti contoh dia kata kain itu warna putih tapi saya kata hitam dan dia tidak terima. Apa lagi yang hendak saya katakan."

Dr Mahathir juga menceritakan pengalaman yang pernah dilalui semasa menghadiri Majlis Tertinggi UMNO di zaman Tunku Abdul Rahman yang ketika kehadirannya mesyuarat hanya berlansung selama 15 minit sahaja.

Ini tidak pula dikata diktator, sambil menambah bahawa setiap pemimpin mempunyai style yang tersendiri sama ada beliau atau Tunku Abdul Rahman, Datuk Hussein Onn atau Allahyarham Tun Razak.

Menurut Dr Mahathir Datuk Musa juga pernah komplain kepadanya mengenai Datuk Hussein yang kononnya style Datuk Hussein lambat buat keputusan. Dalam mesyuaratpun pernah dia menjeling kepadanya.

Mengenai tuduhan diktator, Perdana Menteri menjelaskan bahawa kata-kata Datuk Musa, walaupun tidak nampak amat susah hendak dijawab.

Ini adalah kerana dia tuduh diktator tapi tak nampak diktator, jadi bagaimana hendak jawab.

Menurut Perdana Menteri, Datuk Musa juga berkata bahawa dengan mengadakan pilihanraya tidak semestinya ada demokrasi.

Ada juga pihak media yang melaporkan bahawa Datuk Musa juga ada menyebut bahawa jika beliau sanggup buang hakim, beliau (Dr Mahathir) juga sanggup buang Raja.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa Datuk Musalah orang yang benci Raja dan ada seorang Raja yang dia benci tetapi dia bercakap saya (Dr Mahathir) yang hendak menjatuhkan sistem beraja.

Dr Mahathir menambah dalam krisis pindaan perlembagaan yang menghadkan kuasa raja-raja, Datuk Musa ada menyatakan kepadanya, "kalau kita hendak melakukannya,

lebih baik buat sekarang tetapi apabila ada masalah saya seorang sahaja tanggung. Datuk Musa berdiam diri.

Dalam krisis ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir bukan beliau seorang sahaja, Datuk Musa pun tidak sayang sangat Raja-Raja, tapi saya boleh berbaik dengan raja dan sebagai penasihat memberi nasihat.

Menurut Dr Mahathir, Datuk Musa juga tidak seronok dengan dasar-dasarnya seperti penerapan nilai-nilai Islam kerana katanya macam PAS tetapi beliau jawab Islam bukan milik PAS sahaja.

Mengenai dakwaan Datuk Musa bahawa beliau tidak merestui kawan-kawannya (Datuk Musa) datang ke rumah pada Hari Raya, Dr Mahathir menegaskan bahawa itu adalah satu pembohongan kerana beliau tidak pernah menolak orang yang hendak datang ke rumah pada Hari Raya.

"Saya bersumpah dan saya menafikan tuduhan Datuk Musa itu kerana saya tidak pernah kata jangan datang ke rumah pada Hari Raya," tegas Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata beliau bagaimanapun tidak dapat memaafkan Datuk Musa kerana telah memburukkan nama timbalannya Encik Ghafar Baba.

Menurut Dr Mahathir, Datuk Musa berkata Encik Ghafar tidak boleh diharap kerana terlalu banyak bersabar dan menyokong Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata beliau menceritakan semua ini bukan mengandungi mesej supaya bencikan Datuk Musa tetapi untuk menyokong BN.

Beliau juga ras hairan kenapa Datuk Musa dalam kempen pilihanraya ini, menghentamnya kerana orang yang sepatutnya dihentam ialah calon Barisan, Haji Mas'ud.

Keesokan harinya Dr Mahathir telah dilaporkan sebagai berkata beliau "kecewa, rakanya yang saya sokong dan beri tempat kepadanya hingga orang lain marah sanggup buat tuduhan palsu dan ini amat mengecewakan saya."

Bagaimanapun, tidak ada perang terbuka antaranya

dengan Datuk Musa; "cuma saya rasa penting pertahankan diri saya dan saya cakap apa BN boleh buat."

Pilihanraya JB telah banyak membawa rahmat kepada rakyat khususnya penduduk JB kerana janji-janji membawa pembangunan yang hebat-hebat telah di buat dan walaupun BN kalah kerana ia mengaku ia kerajaan yang berkredibiliti akan menunaikannya.

Kesanggupan Dr Mahathir hendak bersumpah dengan menjunjung Quran disambut oleh Datuk Musa.

Kenyataan Datuk Musa walaupun diminta disiarkan dalam akhbar tidak mendapat liputan yang menyeluruh apa tah lagi dari media massa yang "sudah established."

Antara lain Datuk Musa kata "Saya telah mendapat tahu tentang kenyataan balas dari Dr Mahathir yang telah mengecam kenyataan-kenyataan saya dengan memberikan publisiti yang begitu meluas di television dan juga akhbar-akhbar. Untuk membuktikan apa yang saya katakan, dengan senang hati menerima cabaran Perdana Menteri itu.

Datuk Musa juga menyifatkan jawapan balas dari Dr Mahathir membuktikan bahawa kenyataan yang dibuat oleh beliau melalui pita-pita rakaman dalam pilihanraya kecil JB lalu amat berkesan sekali.

"Walau bagaimanapun, saya tidak dapat memenuhi upacara bersumpah itu sekarang kerana buat masa ini saya masih berada di luar negeri untuk menghadiri beberapa temuduga yang ada kaitan dengan peribadi saya.

"Saya harap kenyataan saya ini akan memberi bukti apa yang saya cakap adalah benar belaka dan adalah diharapkan agar ianya disiarkan secepat mungkin untuk membetulkan keadaan.

Kesanggupan Dr Mahathir hendak bersumpah dan Datuk Musa pula bersedia bukanlah satu perkara yang harus dipandang ringan.

Tokoh penilai Hadis yang kenyataan-kenyataannya mengenai Islam mendapat tempat dalam media massa, Dr Kassim Ahmad ketika mengulas perkara sumpah Quran

yang Dr Mahathir sanggup buat demi menolak kritikan Datuk Musa dilaporkan sebagai berkata tindakan Perdana Menteri menggunakan Al Quran tidak ada salahnya kerana jika tidak ada jalan lain, tindakan itu adalah diharuskan.

Bekas pengerusi Biro Agama Umno (Lama) yang juga lulusan Al Azhar dilaporkan sebagai berkata "sebagai seorang Islam, kesanggupan Dr Mahathir untuk bersumpah dengan Quran untuk menyokong kenyataan-kenyataan menangkis tuduhan Datuk Musa jelas menunjukkan Perdana Menteri tidak takut kerana ia memperkatakan yang benar."

Isu "sumpah Quran" ini juga menarik minat pihak lain. Haji Wan Mutalib Embong, ahli jawatankuasa PAS Pusat, dilaporkan sebagai menyarankan supaya umat Islam membaca Ayat 5 Surah al-Jumu'ah untuk menilai ucapan yang dibuat oleh Dr Mahathir. Ayat 5 dalam surah tersebut menjelaskan perumpamaan orang-orang yang dipikulkan kepadanya Taurat, kemudian mereka tiada memikulnya adalah seperti keldai yang membawa kitab-kitab yang tebal.

Pegawai Penerangan PAS Negeri Melaka L. Mankadir Shamsi mengulas "Dr Mahathir jangan bermain dengan kata-kata untuk mengkaburi mata rakyat dengan memperalatkan al-Quran selaku Kitab Allah."

"Kata-kata bersumpah dengan sanggup menjunjung al-Quran adalah perbuatan budak-budak yang suka menafikan tuduhan dari kawan-kawan tetapi tidak pernah dilakukan.

Oleh kerana itu, Mankadir berpendapat Dr Mahathir jangan dianggap sebagai budak-budak nanti oleh rakyat yang matang bila mana kesanggupannya mejunjung al-Quran hanya kata-kata sahaja.

Sebenarnya perkara "sumpah Quran" bukan perkara baru dalam politik Malaysia. Soalnya adakah ia harus dijadikan perkara biasa oleh pemimpin-pemimpin sekular.

Semasa Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri perkara itu pernah dilakukan bagi "membuktikan kebe-

naran" dengan pihak PAS.

Beberapa tahun dahulu pihak Barisan Nasional telah mengadakan hari jadi yang besar-besaran bagi menghormati Tunku Abdul Rahman. Ketika itu hubungan antara Dr Mahathir dan Datuk Musa begitu intim dan semua pihak membuat ucapan-ucapannya yang dikira sebagai "mem maafkan segala yang telah lalu." Tetapi ternyata "bulan madu" antara Tunku Abdul Rahman dengan Dr Mahathir tidak begitu berkekalan.

Tunku dalam ucapan dalam majlis itu memuji kedua-dua Dr Mahathir dan Datuk Musa.

Kini ada kemungkinan Dr Mahathir dan Datuk Musa akan menggunakan al Quran untuk menegakkan "kebebasan masing-masing." Tunku Abdul Rahman pun dahulu pernah sumpah Quran. Sekali pandang ini tidaklah menghairankan bila kita kenang kembali apa yang pernah diucapkan oleh Tunku di majlis tersebut. "Kedua-dua mereka (Dr MAhathir dan Datuk Musa) adalah di antara murid-murid saya yang paling baik." (both of them are two of my best students.)

Selepas merdeka selama 31 tahun rakyat semakin matang dalam fikiran mereka dari beberapa segi. Mereka tahu dan sedar sebagai manusia biasa pemimpin-pemimpin politik tidaklah dapat menyerupai "malaikat" dalam kata-kata serta ucapan-ucapan politik mereka. Dalam beberapa keadaan mereka mungkin terpaksa berdalih, dan "bohong" "sikit-sikit". Rakyat memang terima "tidak mungkin - malah mustahil bagi pemimpin-pemimpin politik berterus-terang dalam segala hal bagi muslihat-muslihat tertentu." Kerana "cakap-cakap politik rasanya tidaklah perlu bagi pemimpin-pemimpin sampai hendak sumpah dengan Quran.

Apa yang utama bagi Quran bukanlah dijadikan sebagai perkara bersumpah tetapi adalah lebih baik memahami dan serta melaksanakan apa yang terkandung dalamnya.

Andainya mereka terus melakukan sumpah Quran

rakyat mungkin mentafsir bahawa perbuatan semacam itu terangkum atau menjadi ciri-ciri dalam pelaksanaan apa yang dicanang-canangkan dasar "terap-terap nilai-nilai Islam."

TIDAK ADA PILIHANRAYA KECIL LAGI?

Sebaik sahaja keputusan pilihanraya kecil Johor Baharu diumumkan banyak pihak bukan setakat di Johor Baharu sahaja tetapi seluruh Malaysia merasa gembira kerana berpendapat kekalahan calon Barisan Nasional besar ertinya kepada corak politik dan kepimpinan masa depan negara.

Tetapi ada juga yang mula merasa kurang senang dengan kemenangan dari pihak yang bukan datangnya dari BN.

Ini memandangkan bahawa beberapa hari sebelum hari pengundian dan bila sudah semakin jelas BN akan kalah Timbalan Perdana Menteri Encik Ghabar Baba, pada 20 Ogos dilaporkan sebagai berkata bahawa Kerajaan menyerahkan kepada seluruh rakyat untuk menentukan sama ada sistem pilihanraya hendak diubah atau tidak kerana perlembagaan sekarang menetapkan pilihanraya kecil wajib diadakan dalam tempoh 60 hari setelah seorang wakil rakyat berhenti.

Encik Ghafar juga dilaporkan sebagai berkata, "Inilah kebebasan di Malaysia, ada orang boleh bertanding, ada orang boleh berhenti."

Beliau menambah: "Soal kebebasan itu hendak dihapuskan terpulang kepada orang ramai."

Laporan Mingguan Malaysia 21 Ogos itu juga menerangkan bahawa perkara itu timbul akibat soalan seorang pegawai tinggi kerajaan dalam pertemuan itu yang merasakan pilihanraya kecil Parlimen Johor Baharu cuma satu ujian populariti yang membazirkan wang, masa dan tenaga.

Pegawai tinggi itu dikatakan bertanya sama ada kerajaan hendak mengharamkan pilihanraya kecil yang diketahui jelas niat dan tujuannya, agar tumpuan dapat dibuat ke arah pembangunan negara.

Amat dikesalkan bahawa pegawai tinggi tersebut mengajukan soalan yang demikian. Tetapi oleh kerana kita hidup dalam suasana demokrasi di mana rakyat dapat bersuara pertanyaan itu hendaklah di terima dengan semangat terbuka. Hanya yang eloknya pegawai kerajaan lebih peka terhadap keadaan politik dalam negara dan memahami perasaan rakyat.

Kita juga rasa bangga kerana ada juga pegawai tinggi yang begitu berani mengemukakan soalan yang begitu berbau politik hanya semata-mata kerana hendak "jimatkan masa" supaya masa itu boleh digunakan untuk tujuan pembangunan.

Ada baik juga jika dalam pertemuan-pertemuan antara pegawai-pegawai tinggi kerajaan dengan pemimpin-pemimpin politik, pegawai yang "berfikiran macam pegawai tadi" mengemukakan soalan tentang belanja dan masa yang telah di gunakan oleh beratus mungkin beribu pegawai kerajaan bagi menjayakan "Semarak".

Kebimbangan rakyat terus terasa bila pada 27 Ogos selepas pilihanraya kecil Johor Baharu di mana calon BN kalah dengan teruk, A.R. Kamaludin (seorang wartawan

kanan yang beberapa tahun dahulu sangat dikenali di Sabah) menyuarakan kebimbangan bahawa mungkin akan terjadi beberapa pilihanraya kecil bukan sahaja di peringkat parlimen tetapi peringkat negeri. Dan seperti yang dapat di duga menimbulkan sekali lagi soal "berpuluh juta" wang rakyat akan dihabiskan bagi mengadakan pilihanraya.

A.R. Kamaludin selanjutnya menulis "sehubungan itu, satu peraturan patut di buat bagi memastikan perletakan jawatan Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri tidak akan berlaku atas beberapa sebab yang tidak membolehkannya bertanding semula dalam pilihanraya kecil itu."

"Ini bukan saja bertujuan mengelakkan penyalangunaan peluang dalam perlembagaan, bahkan dapat mengelakkan pembazirkan wang rakyat kerana perbelanjaan mengadakan pilihanraya kecil bukan sedikit.

Adakah jawapan Encik Ghafar dan saranan A.R. Kamaludin itu untuk "menguji reaksi rakyat" atau merupakan "satu persediaan" kepada kemungkinan akan berlaku perkara yang demikian? Sama-samalah kita lihat.

Rakyat terima apabila Dr Mahathir walaupun tidak begitu minat untuk mengulas tentang kekalanan calon BN di Johor Baharu berkata semasa melancarkan Semarak di Sik pada 27 Ogos 1988 bahawa "jika beliau benar seorang diktator yang mengamalkan pemerintahan kuku besi, calon bebas tidak akan memenangi sebarang pilihanraya kecil di negara ini.

Rakyat terima Dr Mahathir tidak bohong bila dia kata dia bukan diktator. Satu lagi bukti yang jelas bahawa beliau bukan diktator ialah beliau belum lagi mengharamkan satu buku pun setakat ini yang banyak mengkritik beliau. Berbanding dalam pemerintahan seorang Perdana Menteri yang pernah mengharamkan buku "Dilema Melayu" yang ditulis oleh Dr Mahathir.

UMNO DAN TUN SALLEH

Pada 28 Ogos bekas Ketua Hakim Negara membuat satu kenyataan sebagai rekod untuk jenerasi akan datang, dengan harapan dokumen itu boleh membuat ahli-ahli sejarah merumuskan pandangan mereka mengenainya.

Antara lain beliau menyatakan bahawa perlu dinyatakan (it is a matter of record) pada 27 Mei, hari yang saya terima surat pengantungan, Tan Sri Hamid, atas sifatnya Pemangku Ketua Hakim Negara, menanggungkan kepada satu tarikh bagi mendengar kes rayuan UMNO. Bagi tujuan rekod umum rayuan itu kemudiannya ditetapkan oleh Tan Sri Hamid supaya didengar pada Ogos 8.

Antara lain Tun Salleh berpendapat bahawa keputusan yang dibuatnya untuk tidak menghadiri diri dalam persidangan tribunal adalah tepat dan wajar.

Antara lain beliau menyifatkan Tan Sri Salehuddin Mohamed, Ketua Setiausaha Negara sebagai berdolak-dalik ketika menjadi saksi dalam siasatan tribunal.

Merujuk kepada pertemuan dengan Dr Mahathir pada 25 Mei lalu, Tun Salleh memberitahu, Tan Sri Salehuddin

seharusnya berterus-terang dan menyatakan apa yang beliau dengar berselidung dengan alasan "saya tidak ingat".

Menurut Tun Salleh ketika disoalsiasat dalam persidangan Tribunal, Tan Sri Salehuddin hanya menyebut "saya tidak ingat" apabila ditanya sama ada UMNO ada disebut dalam pertemuan tersebut.

Tun Salleh juga menyatakan Tan Sri Hamid Omar tidak pula meminta buku nota Tan Sri Sallehuddin dikemukakan sedangkan buku tersebut boleh dijadikan sebagai bukti hasil pertemuan pada 25 Mei.

"Untuk membuat keputusan dan hukuman berdasarkan pengakuan saksi, "saya tidak ingat," adalah sesuatu yang mengecewa dan menyakitkan hati."

Pada 29 Ogos Pemangku Ketua Hakim Negara telah membuat penjelasan bagi mengelakkan kekeliruan.

Katanya dakwaan bahawa beliau menangguhkan pendengaran rayuan UMNO pada hari yang sama Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas digantung jawatan adalah tidak benar.

Beliau memberitahu pemberita "untuk mengatakan bahawa saya menetapkannya (tarikh pendengaran) pada hari yang sama (dengan penggantungan jawatan) adalah tidak benar sama sekali dan mengelirukan."

Tan Sri Abdul Hamid berkata beliau membatalkan notis pendengaran rayuan UMNO kerana semasa Tun Salleh mengarahkan supaya notis-notis itu dikeluarkan pada 27 Mei beliau sudahpun digantung jawatan memandangkan perintah menggantungnya daripada jawatan berkuatkuasa mulai 26 Mei dan Mahkamah Agung tidak mempunyai sembilan hakim untuk mendengar rayuan itu.

Tan Sri Abdul Hamid berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar yang memetik Tun Salleh sebagai berkata, beliau (Tan Sri Abdul Hamid) menangguhkan rayuan itu sehingga 8 Ogos di hadapan lima hakim Mahkamah Agung pada hari Tun Salleh menerima surat penggantungannya daripada jawatan sebagai Ketua Hakim Negara.

“RAHMAT” PILIHANRAYA KECIL JOHOR BAHARU

Pada zahirnya yang kalah dalam pilihanraya kecil Johor Baharu ialah Haji Mas'ud Abdul Rahman yang mendapat hanya 10,986 undi manakala bekas Menteri Kebajikan Datuk Shahrir Abdul Samad memperolehi 23,581 undi. Encik Abdul Razak Ahmad calon PRSM mendapat 2,260 undi.

Apatah lagi sebelum pilihanraya Johor Baharu diadakan Dr Mahathir telah memberi "lecture" (kulliah) kepada rakyat tentang pilihanraya kecil. Antaranya beliau menerangkan bahawa mengikut perlembagaan, pilihanraya kecil boleh diadakan apabila calon yang ada sakit atau mati perlu dicari pengganti tetapi dalam pilihanraya ini, calon yang ada masih sihat, berkempen di sana berkempen di sini dan letak jawatan. Perlembagaan dibentuk, katanya, untuk memberi kuasa kepada rakyat pilih wakil negara bagi menentukan pentadbiran kerajaan.

Tetapi dalam pada itu Dr Mahathir sedar bahawa pilihanraya kecil Johor Baharu lain daripada yang lain.



Datuk Shahrir

Menang dengan kelebihan undi 12,613 dalam pilihanraya kecil JB. setelah memulangkan mandat kepada rakyat. Jika kita terima bahawa pilihanraya kecil itu disebabkan bahawa ia diadakan kerana Datuk Shahrir marahkan satu pihak dan bencikan satu pihak, jelas 23,581 orang ikut serta marah dan bencikan sesuatu.

Dalam pilihanraya kecil Johor Baharu, DAP yang boleh dikira musuh ketat Barisan Nasional, telah memberi sokongan kepada Datuk Shahrir. Dr Mahathir mensifatkan perkara ini sebagai satu "pakatan" Shahrir-DAP, satu tindakan yang memalukan orang Melayu.

Dr Mahathir menganggap pilihanraya itu sebagai platform untuk "Menguji populariti" pihak tertentu.

Dr Mahathir juga dilaporkan sebagai berkata ia dibuat bukan sahaja untuk mencari populariti malah sengaja hendak membazirkan wang kerajaan kerana setiap pilihanraya kecil memerlukan peruntukan wang yang banyak.

Ada juga dilaporkan dalam akhbar bahawa "lagi banyak orang seperti ini letak jawatan lagi baik, mereka bukan sahaja tidak ada gunanya kepada kita dan sesiapa pun malah mereka meletakkan jawatan pun bukan atas perintah kita, mereka sendiri yang berbuat begitu."

Dr Mahathir merasakan bahawa Datuk Shahrir letak jawatan kerana marahkan sesuatu - semata-mata kerana hendak tunjuk kemarahan kepada orang lain "khasnya kepada saya."

Walaupun pilihanraya kecil JB hanya merupakan pilihanraya kecil, ia di adakan semasa politik negara masih dalam kemelut dan krisis kepercayaan belum selesai. Oleh yang demikian isu-isu yang ditimbulkan oleh pihak yang menentang calon Kerajaan bukanlah bersifat tempatan sahaja.

Isu pemecatan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas masih segar dalam ingatan rakyat ketika itu.

Bapa Merdeka dan Bapa Malaysia yang sudah lanjut umurnya Tengku Abdul Rahman turut berkempen menyokong Datuk Shahrir. Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam yang belum bersara dari politik dan yang sedang cuba sedaya beliau dari terheret dalam politik "Team A" dan "Team B" pun turut berkempen untuk Datuk Shahrir.

Bagi pihak parti Barisan Nasional pula kempen yang diadakan dalam pilihanraya kecil ini terlalu hebat. Bukan sahaja pengerusi BN sendiri datang bertandang ke Saujana, tetapi hampir seluruh pemimpin parti komponen BN turut serta dalam kempen.

Orang ramai khususnya penduduk-penduduk Johor Baharu banyak mendapat "nikmat" dan mendengar janji-janji yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin yang berkemampuan membuat janji.

Malah bila post-mortem dibuat kenapa BN kalah di JB mungkin kerana pilihanraya yang dicetuskan oleh Datuk Shahrirulah, rakyat mendapat durian runtuh.

Seperti tradisinya modal BN ialah pembangunan. Maka mungkin tidak secara kebetulan projek-projek besar pun dijanjikan dan "projek kecil" pun serta masalah diselesaikan dengan segera. Beberapa hari sebelum pilihanraya pada Ogos 25, satu projek besar diumumkan. Sejumlah \$300 juta akan dibelanjakan untuk membesarkan Tambak Johor - demikian dinyatakan oleh Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba.

Menteri Kerja Raya Datuk S. Samy Vellu yang dilaporkan selain bekerja kuat untuk mendapatkan undi kaumnya turut memberi "nikmat" kepada rakyat. Beliau mengumumkan bahawa tol yang dikenakan terhadap teksi yang menggunakan Tambak Johor dan Senai diturunkan. Beliau juga mengumumkan antara lain bahawa air paip akan disalurkan kepada tiga kawasan setinggan di JB, begitu juga tiga batang jalan di JB akan dibaiki dengan harga \$60,000. Sebuah sekolah rendah juga telah diberi peruntukan untuk menambah lagi enam bilik darjah berharga \$60,000.

Keputusan pilihanraya kecil JB mengkecewakan Barisan Nasional. Tidak mungkin rakyat yang waras dan si-uman akan menolak pembangunan. Tetapi bukankah ada pepatah yang bersifat universal "Man does not live by bread alone." Lagi pun sampai bilakah rakyat dapat di "perbudak-

alone." Lagi pun sampai bilakah rakyat dapat di "perbudak-budak" dengan cerita pembangunan. Tugas tradisi Kerajaan ialah untuk memerintah dan tugas bagi kerajaan yang negaranya sudah merdeka ialah membangunkan negara dan rakyat. Duit bagi membangun datangnya dari rakyat juga melalui cukai yang dibayar dan pinjaman yang dibuat dari luar negeri dibayar oleh rakyat. Dan yang membayar cukai adalah rakyat yang berkemampuan sama ada mereka menjadi ahli UMNO, PAS, BERJAYA, PERMAS atau USNO. Malah ahli Freemason, Rotary dan Lions Club pun bayar cukai.

Jadi apakah dicanangkan sangat tentang pembangunan. Banyak pendapat diutarakan bahawa kemenangan Datuk Shahrir ialah kerana sokongan yang diberi oleh DAP. DAP memberi sokongan kepada Datuk Shahrir kerana ia menganggap pilihanraya kecil itu sangat penting kepada masa depan rakyat serta demokrasi di Malaysia. Apakah salah kalau kaum bukan Melayu menyokong Shahrir? Malah boleh dihujah Haji Masud sendiri meraih undi yang bukan sedikit dari usaha Datuk Samy Vellu. Kalau kita imbas balik kepada sejarah, Parikatan yang banyak mene-wakan PAS, bukan sangat kerana orang Melayu tetapi kaum lain yang memberi sokongan. Terima sahajalah keputusan JB itu dan bawalah perubahan demi kebaikan dan kebajikan seluruh rakyat tanpa mengira kaum dan pegangan politik.

Mana Gagah?

Parlimen - Balai Freemason

Antara kandungannya

"Kerja-kerja Datuk Raja Nasron mengenai Freemasons"

Siapa pujuk Datuk Harun jadi Freemason?

Fatwa Mufti Terengganu Mengenai Hukum Berkerjasama Dengan Israel

Harga \$2.20

Hantar pesanan dan M/O atau P/O Kepada:

G.G Edar
28, Jalan Pahang Barat,
Islamic City
53000 Kuala Lumpur

Bersama ini saya sertakan M/O atau P/O \$ _____
atas nama G.G. Edar.

Nama _____

Alamat _____

(Terang dan lengkap)

Freemason Murtad?

Antara Kandungannya
Freemasonry menyalahi Aqidah?
Keputusan Kajian Majlis Kebangsaan
Bagi Hal Ehwal Islam Mengenai Freemasons
Ketetapan Rabitah Al Islamic (Mekah) mengenai
Freemasons

Harga \$2.20 sen

Hantar pesanan dan M/O atau P/) Kepada

G.G Edar
28, Jalan Pahang Barat,
Islamic City
53000 Kuala Lumpur

Bersama ini saya sertakan M/O atau P/O \$ _____
atas nama G.G. Edar.

Nama _____

Alamat _____

(Terang dan lengkap

Freemason Di Malaysia Dibela?

Antara Kandungannya

Tokoh-tokoh Freemasons menurut Masonic Year
Book

Pandangan Mufti Brunei, Datuk Seri Sanusi Junid,
Chandra Muzaffar mengenai Freemasons

Harga \$2.20 sen

Hantarkan pesanan dan M/O atau P/O anda Kepada:

G.G Edar
28, Jalan Pahang Barat,
Islamic City
53000 Kuala Lumpur

Bersama ini saya sertakan M/O atau P/O \$ _____
atas nama G.G. Edar.

Nama _____

Alamat _____

(Terang dan lengkap)

Siapa hanurkan UMNO???

Antara Kandungannya

Freemasons - Bukti Yang Macam Mana Dr Mahathir
Mahu?

Liberalisma Datuk Seri Dr Mahathir

Terap-terap Islam

Harga 2.20 sen

Hantar Pesanan dan M/O atau P/O anda Kepada

G.G Edar
28, Jalan Pahang Barat,
Islamic City
53000 Kuala Lumpur

Bersama ini saya sertakan M/O atau P/O \$ _____
atas nama G.G. Edar.

Nama _____

Alamat _____

(Terang dan lengkap)